



JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JAWHAR)
MALAYSIA



JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 3, No. 2, 2009

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

Kuasa Barat Dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf
Rohayu Abdul Ghani & Razali Othman

**Pengurusan Zakat Dan Wakaf Di Malaysia:
Satu Langkah Ke Hadapan**
Abdul Ghafar Ismail & Noraziah Che Arshad

**Penilaian Komprehensif Keberkesanan Agihan Zakat Mengikut
Perspektif Maqasid Al-Syariah**

*Rosbi Abd. Rahman, Prof. Madya Sanep Ahmad &
Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Hailani Muji Tahir*

Kaedah Fiqhiyyah Dalam Muamalat Maliyah
Mohd Najib Syukri Soghiri & Hasan Hafizi Hanapi

**Ibadah Haji Secara Kredit: Satu Penjelasan Antara Akta Lembaga Tabung
Haji 1995 Dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**
Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi

Arus Perkembangan Sains Dan Teknologi Dalam Ibadah Haji
Kamarulazizi Ibrahim & Mohd Sukri Shafie

Pelan Tindakan Terperinci Program Pembudayaan Integriti
Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), JPM
Dato' Dr. Hj Sohaimi Hj. Mohd Salleh

**Pembangunan Kapasiti Ekonomi Asnaf Miskin:
Kes Lembaga Zakat Selangor**
Dr. Suraiya Ishak, Ahmad Rafis Che Omar & Amal Hayati Isyak



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
CERT NO.: AR 4631

JURNAL
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
CERT NO.: AR 5129

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 3, No. 2, 2009

LEMBAGA EDITOR

Ketua Editor

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

Ketua Pengarah,

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR),

Jabatan Perdana Menteri

Editor Perujuk Luar

Dr. Ramli Hasan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan),

Kementerian Pengajian Tinggi

Dr. Hj. Muhamad Rahimi Osman

Pengarah Institut Kajian Zakat, UiTM

Editor Perujuk Dalaman

En. Abd. Ghafar Yusof

Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR

Dr. Norazman Ismail

Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian, JAWHAR

Penyelia

En. Ahmad Munir Ishak

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian, JAWHAR

Editor

Pn. Rosmawati Yas

Penerbitan

Cik Kamariah Nor Mohd Nong

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 3, No. 2, 2009

KANDUNGAN

Kata-kata Ketua Editor	<i>iii</i>
1. Kuasa Barat Dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf Rohayu Abdul Ghani & Razali Othman	1
2. Pengurusan Zakat Dan Wakaf Di Malaysia: Satu Langkah Ke Hadapan Abdul Ghafar Ismail & Noraziah Che Arshad	25
3. Penilaian Komprehensif Keberkesanannya Agihan Zakat Mengikut Perspektif Maqasid Al-Syariah Rosbi Abd. Rahman, Prof. Madya Sanep Ahmad & Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Hailani Muji Tahir	47
4. Kaedah Fiqhiyyah Dalam Muamalat Maliyah Mohd Najib Syukri Soghiri & Hasan Hafizi Hanapi	71
5. Ibadah Haji Secara Kredit: Satu Penjelasan Antara Akta Lembaga Tabung Haji 1995 Dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi	103
6. Arus Perkembangan Sains Dan Teknologi Dalam Ibadah Haji Kamarulazizi Ibrahim & Mohd Sukri Shafie	125
7. Pelan Tindakan Terperinci Program Pembudayaan Integriti Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), JPM Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	143
8. Pembangunan Kapasiti Ekonomi Asnaf Miskin: Kes Lembaga Zakat Selangor Dr. Suraiya Ishak, Ahmad Raflis Che Omar & Amal Hayati Ishak	165

KATA-KATA KETUA EDITOR

Pertama sekali, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR ini. Penerbitan jurnal ini adalah sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan JAWHAR ini mengandungi lapan penulisan terpilih yang mengupas pelbagai sudut kajian berkaitan institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta pengurusan.

Artikel pertama merupakan hasil nukilan bersama Pn. Rohayu Abdul Ghani dan En. Razali Othman. Artikel ini membincangkan sejarah perkembangan institusi wakaf dan implikasi tindakan penghapusan oleh Penjajah Barat terhadap pengurusan institusi wakaf dalam masyarakat Islam hari ini. Artikel kedua adalah sumbangan daripada En. Abdul Ghafar Ismail dan Pn. Noraziah Che Arshad membincangkan isu perkembangan semasa mengenai hala tuju zakat dan wakaf di Malaysia berdasarkan pendekatan mikro dan makro.

Seterusnya, artikel yang ketiga adalah sumbangan En. Rosbi Abd. Rahman, Prof. Madya Sanep Ahmad dan Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Hailani Muji Tahir dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Artikel tersebut membincangkan keberkesanan agihan zakat mengikut perspektif *maqasid Al-Syariah*. Artikel keempat merupakan nukilan bersama En. Mohd Najib Syukri Soghiri dan Tn. Hj. Hasan Hafizi Hanapi. Artikel ini membincangkan kaedah-kaedah *fiqhiyyah* dalam bermuamalat bagi memantapkan lagi sistem ekonomi Islam di negara ini.

Artikel seterusnya adalah daripada Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi yang merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Artikel beliau membincangkan isu menunaikan ibadat haji melalui pinjaman institusi kewangan dan penjelasannya secara terperinci. Artikel yang keenam pula adalah nukilan bersama En. Kamarulazizi Ibrahim dan Mohd Sukri Shafie yang membentangkan usaha Kluster Penyelidikan Haji, Universiti Sains Malaysia dalam menambahbaik pengurusan dan pengendalian haji menerusi kemajuan sains dan teknologi.

Seterusnya, artikel Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh yang merupakan Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Artikel beliau adalah berkenaan Pelan Tindakan Terperinci Aktiviti Program Pembudayaan Integriti JAWHAR. Artikel yang terakhir iaitu sumbangan bersama Dr. Suraiya Ishak, En. Ahmad Raflis Che Omar dan Pn. Amal Hayati Ishak. Artikel ini mengkaji kaedah pelaksanaan program yang diusahakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam konteks pembangunan masyarakat miskin.

Kesemua penulisan yang terkandung di dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan yang mampu memberikan impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pengurusan amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada perujuk luar dan dalam serta penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk Jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T juga hendaknya.

KUASA BARAT DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENGURUSAN INSTITUSI WAKAF

Oleh:

Rohayu Abdul Ghani¹

Razali Othman²

ABSTRAK

Amalan mewakafkan harta untuk tujuan kebaikan (taqarrub) dan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. (qurba) telah berakar-umbi dalam kalangan umat Islam sejak agama Islam disyariatkan di bumi Makkah lagi. Institusi wakaf telah berkembang dan diterima sebagai satu daripada sumber pembiayaan penting bagi membangunkan masyarakat dalam setiap aspek kehidupan baik dari segi sosial, politik mahupun ekonomi. Kehebatan, pengaruh dan kekuatan wakaf telah menyebabkan penjajah Barat berusaha untuk memutuskan hubungan yang wujud antara institusi wakaf dan sistem ekonomi Islam ini melalui penerapan nilai sekularisme termasuk perubahan dasar perundangan, politik, pendidikan serta kempen-kempen dan penulisan (buku dan artikel) yang memburukkan wakaf. Perubahan enakmen perundangan, penyitaan dan pembatalan harta-harta wakaf di negara Islam yang ditakluki misalnya, telah berjaya menyempitkan fahaman dan melenyapkan sistem ini daripada minda masyarakat Islam. Implikasinya, wakaf hanya dilihat tidak lebih daripada perkara-perkara seperti tanah-tanah perkuburan, masjid, surau dan aktiviti-aktiviti keagamaan yang dilaksanakan sekadar meneruskan tradisi turun-temurun sahaja. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan sejarah perkembangan institusi wakaf dan implikasi tindakan penghapusan oleh para penjajah Barat terhadap pengertian, pemahaman dan seterusnya pengurusan institusi wakaf secara keseluruhannya oleh masyarakat Islam hari ini.

Perkataan Teras : Institusi Wakaf, Penjajahan Kuasa Barat, Enakmen Perundangan, Sistem Ekonomi Islam.

Klasifikasi JEL : K00, N01, Z1, Z12

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan.

² Ketua Bahagian, Pentadbiran dan Kewangan, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).

PENDAHULUAN

Sistem mewakafkan harta untuk tujuan kebaikan merupakan satu amalan pemindahan harta dan manfaat daripada seseorang kepada pihak lain. Ini menggambarkan satu sistem yang secara keseluruhannya memberi tumpuan kepada kebahagiaan umat manusia sejagat. Pewakaf gembira kerana dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan yang didorong oleh keinsafan bagi mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. sementara penerima wakaf pula bersyukur kerana keperluan asasnya dapat dipenuhi. Akhirnya kegembiraan, kebahagiaan dan kesyukuran dipenuhi secara kolektif dalam kehidupan masyarakat tanpa menimbulkan sebarang konflik antara satu sama lain. Kesempurnaan yang dibawa oleh institusi wakaf ini seiring dengan konsep masyarakat yang sempurna yang diketengahkan oleh ahli falsafah agung Al-Farabi dalam bukunya *Al-Madina Al-Fadhila* atau *The Virtuous City* (Walzer, 1985).

Institusi wakaf yang telah dibangunkan dan diperakui oleh perundangan Islam lebih daripada 1,500 tahun yang lalu telah memberi sumbangan yang sangat hebat dalam pembangunan diri seseorang insan sejak dilahirkan sehingga kembali menemui Pencipta-Nya Allah S.W.T. seperti yang disebutkan oleh Yediyildiz (1996, m.s.3):

“Insan dilahirkan dalam rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, makan dan minum daripada harta wakaf, membaca buku yang diwakafkan, menerima pendidikan di sekolah wakaf, menerima gaji daripada pentadbiran wakaf dan bila insan ini meninggal dunia, diletakkan dalam keranda dan dikebumikan di tanah kubur yang diwakaf.”

Sementara itu, sumbangan dan peranan institusi wakaf dalam pembangunan peradaban manusia dijelaskan lagi oleh Yediyildiz (1996):

“Institusi wakaf menyediakan banyak perkhidmatan sosial yang mirip kepada perkhidmatan awam menurut pandangan masyarakat moden hari ini. Malah, pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan sistem pengaliran; perkhidmatan kemasyarakatan seperti pembinaan hospital dan menjaga

kebijakan orang-orang miskin dan mereka yang memerlukan bantuan; perkhidmatan pendidikan dan budaya seperti pembukaan sekolah, perpustakaan dan universiti, menyediakan geran kepada pelajar dan membayai gaji para pendidik; perkhidmatan keagamaan seperti pembinaan masjid dan membayar gaji mereka yang menguruskannya yang semuanya dilaksanakan melalui institusi wakaf ...”.

Kedua-dua petikan di atas membuktikan bahawa institusi wakaf telah memainkan peranan yang sangat penting dalam memenuhi keperluan asas individu dan masyarakat seperti tempat tinggal, pendidikan, kesihatan, penjagaan sosial dan infrastruktur termasuk modal, jalan raya dan sekolah (Qureshi, 1967; Hodgson, 1974; Sugar, 1977; Kozlowski, 1985; Hoexter, 1998; Sadeq, 1999, 2000; Bakar, 1999; Boudjellal, 1999; Kuran, 2001, 2003). Pelbagai institusi, organisasi dan kemudahan infrastruktur telah dibangunkan dengan menggunakan pendekatan wakaf. Kementerian atau Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam merancang, membangun dan mengawal pelbagai infrastruktur asas ini tidak pernah wujud sepanjang pemerintahan Kerajaan Islam kerana semua tugas ini telah dilaksanakan oleh masyarakat melalui institusi wakaf (Boudjellal, 1999; Kahf, 1992, 1997, 1998, 1999). Puteri Zubaidah iaitu isteri kepada Khalifah Harun Al-Rashid umpamanya, telah membina jalan daripada Bagdad sehingga ke Makkah untuk kemudahan jemaah yang mengerjakan haji dengan harta-harta wakaf yang dibangunkannya.

Apakah sebenarnya institusi wakaf? Mengapa wakaf diterima sebagai sumber kewangan untuk membantu masyarakat tanpa mengharapkan sebarang ganjaran? Apakah motif masyarakat Islam berwakaf? Mengapa pula hari ini, institusi wakaf tidak bermaya dan tidak lagi berfungsi seperti sebelumnya? Semua isu ini akan dijawab dalam perbincangan seterusnya.

WAKAF: TAKRIFAN DAN KONSEP

Wakaf berasal daripada perkataan arab “*waqf*” atau *waqafa* (kata jamak) yang bermaksud menahan atau berhenti (Wehr, 1971). Berhenti dimaksudkan menyerahkan hak milik secara total kepada pemilik asal iaitu Allah S.W.T. Di kalangan pengikut mazhab Maliki di Maghribi, Algeria dan Tunisia, wakaf disebut *hubus* (bentuk *jama'* daripada *habis*) dan dalam bentuk lain ia juga dikenali dengan nama *hubs* (kata *jama'* daripada *ahbas*). Manakala, orang-orang Perancis telah menerima perkataan *hobous* dalam bahasa rasmi mereka (Gibb & Kramers; 1975).

Menurut Othman (1982, 1983, 1984) mentakrifkan wakaf sebagai melindungi atau menahan menjadi harta kepada pihak ketiga. Penyerahan dan pemindahan harta yang berkekalan oleh seseorang bagi apa sahaja tujuan yang ditentukan oleh agama juga dianggap sebagai wakaf (Fizerold, 1931; Hooker, 1984; Cattan, 1955; Anderson, 1995). Sementara Cizakca (1995, 1998, 2000) dan Kahf (1998) pula mentakrifkan wakaf sebagai *pious foundation*, di mana dana yang disumbangkan akan disalur dan dilaburkan di dalam asset-asset produktif yang boleh digunakan untuk perbelanjaan masa hadapan individu atau sekumpulan individu tertentu seperti pembiayaan rumah-rumah kebajikan, anak-anak yatim, hospital dan rumah-rumah ibadat. Kenyataan ini disokong oleh McChesney (1994), Khan (1994), Al Shoumil (1998), Al-Habshi (1998) dan Boujellal (1997, 1998, 1999) yang menyatakan bahawa wakaf mempunyai potensi yang sangat besar untuk meningkatkan institusi pendidikan, penyelidikan, kesihatan, keupayaan pertahanan dan kemudahan-kemudahan awam (air, jalan raya dan jambatan). Jelasnya, daripada definisi yang telah dibincangkan di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa intipati wakaf terkandung dalam lapan (8) elemen berikut:

- i. wakaf memutuskan segala bentuk dan hak kekuasaan si pewakaf ke atas harta yang diwakafkan;
- ii. harta yang hendak diwakafkan perlulah jelas daripada jenis dan pemilikannya;
- iii. wakaf merupakan sedekah atau amal jariah yang berterusan selagi harta itu kekal sebagai harta wakaf;
- iv. harta wakaf perlu dimanfaatkan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh syarak;

- v. harta yang hendak diwakafkan perlu kekal sifat serta zatnya sesuai dengan ganjaran pahala yang berterusan yang diterima oleh si pewakaf;
- vi. tujuan, penerima dan segala yang berkaitan dengan wakaf perlu jelas dan terang maksudnya; dan
- vii. harta wakaf yang tidak disebut penggunaannya hendaklah digunakan selaras dengan landasan yang dibenarkan oleh syarak.

Walaupun institusi wakaf telah diketahui umum, pendekatan dan penggunaannya yang berbeza-beza kadangkala menimbulkan kekeliruan. Ini kerana Al-Quran dan As-Sunnah tidak memberi panduan secara terperinci tentang bagaimana seharusnya harta wakaf diuruskan. Menurut Wahbah al-Zuhaili di dalam Bakar (1999), banyak pandangan para *fuqaha* dalam hal berkenaan wakaf diasaskan kepada ijtihad masing-masing. Justeru, tidak hairanlah jika terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ahli *fiqh* ketika membahaskannya kerana pandangan-pandangan tersebut yang tidak terlepas daripada pengaruh aliran sekolah atau mazhab, pengalaman, sosio-budaya, struktur kekuasaan politik dan sistem perundungan yang berkuat kuasa di negara tersebut.

Namun begitu, konsep dan tujuan wakaf dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang telah menjadi *locus classicus* dalam kalangan ilmuan Islam apabila membincangkan wakaf. Antara maksud hadis tersebut ialah:

“...bahawa Saidina Umar R.A. pernah berkata: Wahai Rasulullah S.A.W., saya telah memperolehi harta yang saya tidak pernah perolehi sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah S.W.T. menerusnya... lalu dijawab oleh Rasulullah S.A.W., **Tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya**. Lalu Saidina Umar R.A. jadikan hartanya itu (tanah perolehan di Khaibar) sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli dan diwarisi ...”.

Jika diteliti hadis di atas, wakaf jelas sekali berperanan sebagai salah satu mekanisma untuk penjanaan, perpindahan dan pengagihan kekayaan harta dalam masyarakat Islam. Keistimewaan dan keunikan wakaf terletak pada konsep pemisahan antara hak pemilikan dan

hak penggunaan. Catatan di dalam M. Khadurri dan Liebesny (1995) menjelaskan bahawa konsep berkekalan wakaf merupakan konsep yang pertama disumbangkan oleh perundangan Islam yang berbeza dengan konsep wakaf atau *endowment* yang wujud sebelum datangnya Islam. Atas dasar inilah faedah yang boleh dinikmati daripada aset wakaf berbentuk kekal kerana ia tidak bergantung kepada entiti pemilik yang bersifat sementara seperti tercatat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Asy-Syafie dan Imam Ahmad Ibn Hambal dan lain-lain daripada Umar R.A. yang bermaksud:

“ ... Jika anak Adam telah meninggal, maka putuslah semua amalnya kecuali tiga; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakan kedua ibubapanya ...”.

Para ulama sepakat bahawa sedekah jariah yang disebutkan dalam hadis di atas merujuk kepada amalan wakaf. Wakaf telah digunakan bukan sahaja sebagai satu mekanisma pengagihan semula kekayaan tetapi juga untuk memperkuuhkan keupayaan individu dan masyarakat yang memerlukan bantuan. Wakaf menyediakan laluan bagi mendapatkan kemudahan asas yang sangat diperlukan seperti modal pinjaman, pengagihan makanan yang berkhasiat, perpustakaan, madrasah, sekolah, universiti, hospital, rumah-rumah tumpangan dan kebajikan dan kemudahan infrastruktur (jambatan, jalan raya dan sistem perparitan).

Mengapakah seseorang itu berwakaf atau tidak memindahmilikkan hartanya kepada keluarga secara warisan atau wasiat ataupun kepada pihak-pihak lain menerusi sedekah, derma, hibah, sumbangan mahupun hadiah? Ini kerana pemilik harta yang menahan harta tersebut berhasrat supaya harta miliknya itu tetap dapat diambil manfaatnya oleh orang lain dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. (Karim, 1993). Ini selaras dengan pandangan para *fuqaha* yang menyebut bahawa objektif asas wakaf diamalkan dalam kalangan umat Islam ialah untuk menyumbang kepada pihak-pihak yang ditentukan dan mendapatkan ganjaran pahala di hari akhirat nanti (Ibnu 'Abidin di dalam Ab. Majid, 1999).

PERKEMBANGAN INSTITUSI WAKAF

Wakaf yang keseluruhannya berkait dengan agama dan sistem sosio-ekonomi masyarakat Islam jelas telah memainkan peranan yang sangat besar di sepanjang sejarah keagungan pemerintahan Kerajaan Islam. Institusi wakaf telah berkembang dan diterima sebagai salah satu sumber pembiayaan penting untuk membasmi kebejatan sosial, khususnya dalam memberikan capaian kepada sumber-sumber asas dan sistem sokongan secara percuma termasuk infrastruktur asas, pendidikan dan penjagaan kesihatan (hospital) (Makdisi, 1981; Gerber, 1993; Fratcher, 1997). Ibnu Battutah (1929) salah seorang pelayar Islam yang agung semasa melawat Damascus pada tahun 726M telah menulis di dalam buku catatannya *Al-Rihlah Al-Batutta* menyebut kepelbagai dan perbelanjaan wakaf adalah sangat menakjubkan dan sukar untuk dikira. Terdapat pelbagai jenis wakaf seperti wakaf untuk orang yang tidak mampu mengerjakan haji di Makkah, wakaf sumbangan perkahwinan untuk wanita yang keluarganya tidak mempunyai kemampuan, wakaf untuk membebaskan pesalah, wakaf makanan, pakaian, meningkatkan kemudahan awam seperti jalan raya dan wakaf untuk membiayai perbelanjaan pembinaan kaki-kaki lima jalan untuk kemudahan orang ramai. Beliau juga mencatatkan bahawa:

“Suatu hari semasa saya berjalan di bandar Damascus, saya ternampak seorang hamba secara tidak sengaja telah menjatuhkan mangkuk porselin dari China. Hamba tersebut lalu dikerumuni oleh orang ramai dan salah seorang daripada mereka telah meminta hamba tersebut mengutip serpihan mangkuk untuk dibawa kepada pengurus wakaf. Beliau telah membawa serpihan tersebut dan telah menerima bayaran yang sama bagi harga mangkuk tersebut. Ini merupakan institusi yang sangat hebat dan telah menyelamatkan hamba tersebut daripada dihukum atau dimarahi oleh tuannya...”.

(Syed Abdullah dan Mohd. Dom, 2001)

Kepentingan dan kehebatan institusi wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi ini disebut dengan jelas oleh Sabra (2000) dan Cizakca (2000) dalam buku-buku mereka iaitu *Poverty and Charity in*

Medieval Islam Mamluk Egypt 1250-51 dan A History of Philanthropic Foundation: Islamic World From The Seventh Century To The Present. Kedua-dua buku tersebut menganalisis dan menjelaskan tentang sikap mengambil berat dalam kalangan masyarakat Islam terhadap masalah sosial dan seterusnya menjelaskan peranan institusi wakaf dalam membasmi masalah tersebut. Pada zaman pertengahan³, menurut Stilman (1975, 2000) sebahagian besar daripada kebajikan dan perkhidmatan sosial dalam dunia Islam disumbangkan melalui wakaf. Menurut beliau lagi, setiap orang pada zaman tersebut mendapat manfaat daripada sumber wakaf baik secara langsung atau tidak langsung. Angka-angka di bawah membuktikan besarnya amalan, institusi, organisasi dan kemudahan-kemudahan prasarana yang dibangunkan dengan menggunakan harta wakaf (Muhammad, 1985; Fernandez, 1987; Goudiosi, 1988; Baer, 1997; Budjhelal, 1999; Baer, 1997; Kuran, 2001; Baskan, 2002; Argun, 2003; Turgay, 2003; Othman, 2003, 2004a, 2004b).

- i. tiga perempat (3/4) keluasan Tanah Arab di zaman empayar Uthmaniyyah merupakan tanah wakaf;
- ii. separuh (1/2) daripada tanah di Algeria merupakan tanah wakaf pada pertengahan abad kesembilan belas;
- iii. satu pertiga (1/3) keluasan tanah di Tunisia merupakan tanah wakaf pada pertengahan abad kesembilan belas;
- iv. satu perlapan (1/8) tanah di Mesir merupakan tanah wakaf pada pertengahan abad kesembilan belas;
- v. pelopor kepada pembinaan hospital moden seperti hospital Al-Nuri, Al-Adudi, Al-Fustat, Al-Mansuri, Al-Qayrawan dan Divrigi yang berdasarkan kepada prinsip *egalitarian*, pemisahan antara pesakit lelaki dan wanita, keindahan dan keharmonian dan penggunaan muzik sebagai kaedah penyembuhan penyakit;
- vi. pelopor kepada pembinaan kawasan-kawasan rehat yang dikenali dengan *caravanserai* bagi membantu para musafir;

³ Zaman kedua dalam pembahagian tradisional sejarah Eropah bermula dari kejatuhan Empayar Rom Barat pada abad ke-5 hingga kejatuhan Empayar Rom Timur pada abad ke-15.

- vii. pembinaan ratusan imaret atau pusat penyediaan makanan yang diberikan secara percuma kepada orang-orang miskin dan yang memerlukannya;
- viii. pembinaan ribuan buah sekolah, perpustakaan, kolej perubatan dan universiti di negara Timur Tengah, Turki, Jerusselam, Cyprus, Cecennestan dan Azerbaijan; dan
- ix. pembinaan ribuan buah madrasah dan masjid di seluruh dunia Islam.

Malah, menurut Al-Qardawi (1996) dalam bukunya *Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya* kaum Muslimin sangat peka terhadap pelbagai hajat dan keperluan makhluk Allah S.W.T., betapapun kecilnya hajat dan keperluan tersebut. Mereka turut mewakafkan harta untuk mendirikan hospital bagi merawat haiwan yang sakit serta memberi makan kepada anjing-anjing yang berkeliaran. Jika mereka begitu teliti dalam memerhatikan kesejahteraan haiwan-haiwan terbiar, bagaimana pula agaknya perkhidmatan mereka terhadap manusia selaku makhluk yang dimuliakan?

ERA KEMEROSOTAN INSTITUSI WAKAF

Institusi wakaf terus memainkan peranannya dalam pelbagai fungsi seperti yang dibincangkan di atas. Bagaimanapun, peranan dan kehebatan institusi wakaf ini mula terhakis terutamanya pada awal abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20. Wakaf terus dilihat sebagai institusi yang bermasalah kepada sistem ekonomi dan sosial dalam masyarakat Islam, khususnya selepas kejatuhan pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah di Turki. Institusi ini dalam masa yang sama hanya dikaitkan dengan harta seperti tanah perkuburan, masjid, madrasah dan tanah-tanah terbiar yang tidak terurus, kekurangan staf dan sumber kewangan serta tidak mempunyai sistem tadbir urus yang baik. Implikasinya, institusi wakaf ini terus diabai dan dilupakan oleh masyarakat Islam.

PENJAJAHAN DAN SERANGAN KE ATAS INSTITUSI WAKAF

Sehingga kini, belum ada kajian terperinci yang dapat memberikan bukti sahih berhubung punca sebenar pengabaian institusi dan amalan berwakaf dalam kalangan umat Islam. Bagaimanapun, sebilangan besar pengkaji secara umumnya mengaitkan pengabaian ini dengan campurtangan, tindakan dan pengaruh penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam.

Penerapan nilai sekularisma oleh penjajah Barat di negara-negara Islam melalui perubahan dasar perundangan, pendidikan, politik dan sosio-ekonomi telah meninggalkan kesan yang cukup besar dalam pengamalan institusi-institusi Islam termasuk wakaf. Perubahan enakmen perundangan, penyitaan dan pembatalan harta-harta wakaf di negara Islam yang ditakluki misalnya, telah berjaya menyempitkan fahaman dan melenyapkan sistem ini daripada ingatan masyarakat Islam.

DASAR PENJAJAHAN PERANCIS KE ATAS NEGARA ISLAM ALGERIA DAN MAGHRIBI

Dasar penjajahan yang dibuat oleh kuasa-kuasa penjajah merupakan tindakan yang disengajakan dan dirancang rapi dengan niat untuk menghapuskan sama sekali kekuatan yang ada pada institusi wakaf seperti yang disebutkan oleh Raissouni (2001):

“That invasion was civilisational, cultural and economic to the extent that it was military and political. All this resulted in a new situation whereby the colonial authorities started a policy in many parts of the Islamic world, meant to combat and harass Islamic Waqfs and their strong institutions. It tried to drive them towards disintegration and bankruptcy”.

Powers (1989) dalam kajiannya terhadap kesan penjajahan ke atas institusi wakaf di Algeria dan India telah merumuskan bahawa kesukaran mendapatkan tanah di bawah sistem wakaf telah menyebabkan penjajah Perancis berusaha mengawal institusi wakaf menerusi perubahan siri enakmen perundangan. Keberkesanan perubahan siri enakmen perundangan ini dibantu oleh pelbagai

kempen yang memburuk-burukkan institusi wakaf dalam kalangan penduduk Algeria sendiri. Selepas penaklukan Algeria pada tahun 1830, undang-undang Islam yang mengawal dasar pentadbiran negara di Algeria telah dimansuhkan dan seterusnya digantikan dengan Undang-undang Awam Perancis.

Penajah Perancis telah mengisyiharkan bahawa penjualan harta-harta wakaf kepada warga Eropah adalah sah berdasarkan ordinan yang diluluskan pada 01 Oktober 1844. Pada tahun 1859 pula, Undang-undang Jenayah Perancis telah diterima pakai bagi menggantikan undang-undang Islam dalam urusan hukuman jenayah. Ini diikuti dengan pewartaan undang-undang yang dikenali sebagai *Loi Warnier* pada 26 Julai 1873 yang meletakkan semua urusan tanah di Algeria di bawah kuasa undang-undang Perancis. Menjelang tahun 1873, undang-undang Islam yang kekal di Algeria hanyalah undang-undang yang melibatkan perkara-perkara berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan pewasiatan. Jelasnya, perubahan siri enakmen ini masih tidak memadai untuk melaksanakan objektif dasar penjajahan Perancis.

Bermula pada tahun 1860-an, para hakim Perancis telah menerbitkan banyak buku dan artikel berkaitan perundangan Islam untuk menimbulkan kesedaran kepada keperluan polisi penjajahannya. Antara tahun 1873 hingga 1904 pula, menerusi penulis-penulis seperti Santayra dan Cherbanneau, Zeys, Mercier dan Morand, banyak buku dan artikel telah diterbitkan untuk memburukkan institusi wakaf dengan memberi fokus kepada tiga aspek iaitu sejarah wakaf, perundangan dan moral. Zeys misalnya telah dilantik sebagai Pengerusi Perundangan Islam di *Ecole de Droit d'Alger* telah diberikan tugas untuk menerbitkan buku-buku berkaitan dengan perundangan Islam. Ini bagi memenuhi keperluan para hakim dan pelajar yang memerlukan buku teks yang bukan sahaja membincangkan isu status perundangan persendirian tetapi juga membincangkan perundangan Islam secara terperinci. Beliau yang tidak langsung mempunyai pengetahuan tentang Bahasa Arab telah menulis dua volum buku teks berkaitan perundangan Islam bertajuk *Traite Elementaire De Droit Musulman Algerien* yang menafikan wakaf dari sudut perundangan. Antara lain, Zeys (dalam Power, 1989) menulis:

"The habous has been the object of many attacks, most of them legitimate, and Algerian jurisprudence has tried not only to mitigate its effect, but also to gradually eliminate it. When France secured the Regency, one-half of the land (in Algeria) was immobilized and thereby protected from any (economic) transaction. Such a situation was unacceptable".

Sementara itu di Maghribi pula, Sheikh Al-Mekki An-Naciri telah membuat penjelasan yang cukup terperinci dan kajian yang mendalam berkaitan polisi penjajahan Perancis terhadap institusi wakaf antara tahun 1912 hingga 1956. Buku yang beliau tulis iaitu *Islamic Bequest in the Kingdom of Morocco* dianggap sebagai dokumen sejarah yang sangat penting. Menurut beliau polisi terhadap wakaf telah dibentuk oleh penjajah Perancis berdasarkan kepada lima perkara iaitu:

- i. mengabaikan apa sahaja yang boleh dilaksanakan oleh institusi wakaf serta menyalahgunakan harta dan hasil tersebut;
- ii. mengeksploitasi orang-orang Islam yang miskin dengan cara yang paling jijik (mereka yang sebelum itu mendapat pembelaan daripada harta wakaf);
- iii. memisahkan amalan berwakaf dan menggalakkan sistem berat sebelah;
- iv. bersikap kedekut dalam semua perkhidmatan berteraskan Islam yang telah diasaskan oleh institusi wakaf; dan
- v. menentang dan mengurangkan sebanyak mungkin pengaruh sultan.

Penjajah Perancis telah memindahkan sejumlah besar tanah-tanah wakaf terbaik kepada warga Perancis. Pada tahun 1928, sepuluh ribu ekar tanah telah ditukar milik dan sejumlah besar pinjaman yang digunakan untuk membayai pentadbirannya telah diambil daripada wakaf tunai tanpa dibayar balik. Penjajah Perancis juga telah dengan sengaja mengabaikan tanggungjawab untuk menjaga harta-harta wakaf seperti masjid, sekolah-sekolah sains yang terkenal dan rumah-rumah wakaf yang digunakan untuk penginapan para ilmuan yang membawa kepada kemusnahan bangunan-bangunan tersebut. Malah, penjajah Perancis juga telah menukar sekolah yang terkemuka untuk dijadikan kandang-kandang haiwan.

Tindakan yang sengaja dibuat menurut Power (1989) dan Rissouni (1990) ini bertujuan untuk menyekat hak masyarakat Islam dalam usaha penjajah Perancis untuk menghapuskan pengaruh, peranan ketamadunan, kemerdekaan, moral dan imuniti material yang ada pada institusi wakaf. Tindakan dan campur tangan yang sama juga dilakukan oleh penjajah Perancis di negara-negara Islam yang lain yang dijajahnya seperti Tunisia, Maghribi, Syria dan Lebanon.

KERUNTUHAN KERAJAAN UTHMANIYYAH: IMPLIKASI INSTITUSI WAKAF KE ATAS DUNIA ISLAM

Walaupun institusi wakaf tidak musnah secara keseluruhan, tetapi jelas sekali penjajah Barat berjaya memutuskan hubungan antara institusi wakaf dan umat Islam. Hakikat ini dijelaskan oleh Profesor Zukic iaitu:

“It has been a period of one hundred years. In the end it has been a period of the organized destruction of our society. They worked very effectively. The first step was the robbery of the waqf. The waqf is a fundamental institution for the organization of Islamic society or Islam. They took the awqaf, they destroyed them. Practically speaking they cut the connection between the mosque, madrassa and the economic foundations of the society...”.

Menurut Fratcer (1971) lebih satu pertiga daripada tanah-tanah wakaf di Greece telah dirampas selepas revolusi tahun 1829. Perkara yang sama juga berlaku di negara Kesatuan Soviet di mana banyak harta-harta wakaf telah dimusnahkan.

Kejatuhan Empayar Uthmaniyyah di Turki menjadi titik kepada keruntuhan institusi wakaf. Kedudukan institusi wakaf dilihat menjadi lebih parah semasa zaman permodenannya. Di bawah pemerintahan Kamal Ataturk, ramai calon Parlimen menjadikan penghapusan institusi wakaf sebagai agenda dalam manifesto mereka semasa pilihanraya umum tahun 1931. Ia dibuat dan dilaksanakan dengan tujuan untuk mendapatkan kekayaan dengan cepat melalui penjualan harta-harta wakaf yang begitu banyak di Turki. Malah, pada tahun 1937 pula, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk

menghapuskan institusi wakaf di Turki secara sistematis. Penyewa-penyewa tanah dan bangunan wakaf telah diarahkan untuk membeli harta-harta tersebut dengan harga yang tinggi. Sekiranya penyewa gagal membayar harga yang ditawarkan maka harta wakaf tersebut dilelong dan hasilnya diambil oleh Kerajaan.

Institusi wakaf tunai pula telah dimansuhkan pada tahun 1954 melalui penubuhan Bank Awqaf. Undang-undang yang diluluskan pada tahun 1967 telah mewajibkan proses *istibdal* iaitu penukaran segala wakaf tunai ke dalam bentuk saham-saham bank. Tindakan dan perkembangan ini akhirnya telah memansuhkan sama sekali institusi wakaf di Turki, baik wakaf harta maupun wakaf tunai. Sementara itu, skop dan peranan wakaf di negara-negara Islam yang lainnya seperti Mesir, Libya, Kuwait, Tunisia dan Syria juga nyata telah disempitkan. Wakaf khas telah dibubarkan kerana dianggap bersifat anti-sosial dan tidak ekonomik.

DASAR PENJAJAHAN BRITISH DAN IMPLIKASI KE ATAS INSTITUSI WAKAF

Dasar penjajahan British ke atas negara-negara Islam yang ditaklukinya juga mempunyai objektif yang sama seperti mana yang dilakukan oleh penjajah Perancis. Hubungan perdagangan telah digunakan sebagai kaedah untuk menjajah negara-negara lain seperti India, Malaysia dan sebagainya. Pada tahun 1772 umpamanya, hakim-hakim Mahkamah Benggali yang terdiri daripada golongan cerdik pandai Islam telah ditukar dengan hakim-hakim warga British. Hakim-hakim British yang tidak mempunyai pengetahuan langsung tentang perundangan Islam telah melihat dan mentafsir wakaf secara negatif yang dianggap tidak mempunyai unsur-unsur kedermawaan (*charitable*). Antara tahun 1879 dan 1893 pula, Mahkamah Tinggi India telah membatalkan semua bentuk wakaf yang memberi hak penerimaan kepada pewakaf dan keluarga mereka. Tindakan sebegini menyokong dakwaan oleh Sir Stanley Alderly, salah seorang ahli *House of Lords* yang telah memeluk agama Islam, bahawa Kerajaan India sengaja menipu rakyat walaupun mereka mengetahui institusi wakaf wujud dan diperakui di bawah Undang-undang Islam.

Kesan penjajahan Inggeris yang bermula pada tahun 1786 telah turut memberi kesan yang besar terhadap pelaksanaan dan amalan berwakaf di Malaysia. Undang-undang Inggeris termasuk *Penal Code, Evidence Ordinance, Civil Procedure Code, Specific Relief Act, Courts Fees Act, Criminal Procedure Code, Contract Enactment, Labor Code, Mining Code, Land Enactment* dan lain-lain *English Common Laws* telah menggantikan undang-undang Islam. Undang-undang ini membuktikan bahawa penjajah British berjaya menguasai dan mengubah perundangan Islam yang diguna pakai pada waktu itu. Penguasaan ini jelas disebut oleh R.J Wilkinson:

"There can be no doubt Muslim laws would have ended by becoming the laws of Malaya had not the British stepped in to check it".

Walaupun penguatkuasaan Enakmen dan Ordinan Undang-undang Awam oleh Inggeris tidak melibatkan hal-hal yang bersangkutan dengan adat resam dan agama yang dipegang oleh orang Melayu, namun bukti menunjukkan wujudnya campur tangan British dalam hal yang melibatkan keagamaan termasuk wakaf.

Pada tahun 1885 misalnya, Mahkamah Sivil telah menggunakan pakai Undang-undang Inggeris sebagai asas dalam perkara yang melibatkan wakaf. Undang-undang Inggeris menafikan konsep kekalan (*rule of perpetuity*) yang menjadi asas penting dalam pembentukan wakaf di bawah undang-undang Islam. Jangkamasa dan penerima pula perlu ditentukan dengan jelas untuk membolehkan wakaf memenuhi aspek kedermawaan (*charitable*) dan keagamaan (*religious*) seperti yang ditetapkan di bawah Undang-undang Inggeris. Kesan daripada pemakaian undang-undang Inggeris ini telah menyebabkan banyak harta-harta wakaf dibatalkan seperti yang berlaku di negeri-negeri Johor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk mendengar dan menentukan isu berkaitan wakaf. Ini kerana walaupun wakaf termasuk dalam perundangan Islam seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Negeri-negeri dan Senarai II, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan, namun wakaf masih dianggap sebagai sebahagian daripada amanah yang tertakluk di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Hal yang berkaitan wakaf hanya boleh didengar dan ditentukan oleh Mahkamah Tinggi Malaysia dan Mahkamah Tinggi Borneo sahaja.

Kesan daripada dasar dan polisi penjajahan British ini telah mempengaruhi corak, amalan dan pengurusan umat Islam berwakaf di Malaysia. Institusi wakaf seperti mana juga di negara Islam yang lain dilihat sebagai institusi yang tidak mempunyai potensi dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat. Institusi ini hanya dikaitkan dengan perkara-perkara berkaitan dengan amalan dan tuntutan agama. Hartanah wakaf yang banyak bukan sahaja tidak diurus dengan sempurna, malah dilihat sebagai masalah kepada organisasi yang mentadbirkannya. Pada tahun 1994 misalnya, daripada sejumlah 11,196 ekar tanah yang diwakafkan, 79.6% atau 8,196 ekar merupakan tanah kubur, masjid dan madrasah. Jumlah pendapatan yang dikutip pada tahun 1992 pula hanya sejumlah RM5,556,467.20 berbanding dengan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk mentadbir harta berkenaan iaitu sebanyak RM5,903,648.91. Tanah wakaf seluas 5,684 hektar yang dianggarkan bernilai lebih RM500 juta masih terbiar dan tidak dimajukan. Pihak-pihak luar yang mempunyai kemampuan dari aspek kewangan seperti bank, agensi-agensi pemodal dan pembangunan dan syarikat-syarikat swasta pula enggan untuk membiayai projek-projek pembangunan harta wakaf yang dianggap mempunyai limitasi-limitasi dari sudut perundungan serta keagamaan. Mereka bimbang pelaburan yang dibuat akan menjelaskan hak milik dan keuntungan yang bakal diperolehi.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penjajahan oleh negara Barat jelas memberi kesan yang signifikan terhadap kehidupan sehari-hari masyarakat Islam yang dijajah. Institusi wakaf difahami dan dilihat dalam konteks yang begitu sempit, tidak moden, tidak ekonomik, bersifat anti-sosial dan hanya terangkum dalam hal ehwal keagamaan yang bersifat khusus seperti menunaikan ibadat solat, puasa dan seumpamanya. Tambahan pula, kealpaan negara-negara Islam sendiri untuk mensyariatkan institusi Islam selepas mendapat kemerdekaan telah menjadikan institusi-institusi Islam termasuk wakaf semakin dipinggirkan. Umat Islam umumnya lebih mengenali konsep-konsep *trust fund*, *endowment*, *foundation*, *estate planning* dan *charitable fund* yang semuanya sebenarnya berasaskan konsep wakaf yang dipinjam oleh masyarakat

Barat. Masyarakat Islam juga lebih mengetahui Universiti Harvard, Oxford dan Cambridge berbanding dengan Universiti Al-Azhar di Mesir yang telah menggunakan konsep wakaf dalam pengurusan dan pentadbiran pendidikan tinggi sejak penubuhannya pada tahun 975M lagi. Menurut Al-Habshi (1988), walaupun umat Islam telah terlepas daripada belenggu penjajahan secara politik, namun fikiran dan pandangan mereka masih dikongkong oleh penjajah. Umat Islam sendiri misalnya menganggap kebanyakan perkara yang berasal daripada Islam tidak lagi sesuai untuk diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat moden hari ini. Langgulung (1988) pula menyebut bahawa bila negara di dunia ketiga merdeka atau dimerdekakan, sebenarnya dari segi praktisnya negara-negara ini hanya memperolehi bendera dan lagu kebangsaan, sedangkan dari segi kehidupan seperti bahasa dan pemikiran mereka masih dikuasai oleh sistem raksasa ini (negara Barat).

Pemahaman, tafsiran dan pandangan sebegini, serta ketiadaan model yang baik untuk dijadikan contoh ikutan khususnya dalam kalangan negara Islam terus mengikis nostalgia kehebatan dan peranan wakaf yang pernah wujud di zaman keagungan Islam untuk diterapkan dalam kalangan masyarakat Islam hari ini. Institusi wakaf terus terpinggir dan dilupakan dalam era moden hari ini.

RUJUKAN

Al-Shoumil, M. (1998). *Case Study: Jordon*, Kertas kerja International Seminar On Awqaf and Economic Development, anjuran bersama Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., di The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur. 2 - 4 Mac, 1998.

Alhabshi, S.O., (1986). *Konsep Wakaf dan Pelaksanaannya*, Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pentadbiran Harta-harta Wakaf, Anjuran Bersama Majlis Agama Islam Perak dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 24-25hb November 1986 di Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh, Perak.

Alhabshi, S.O., (1991). *Waqt Management in Malaysia* dalam Mohamed Ariff (Ed.), *Islam and the Economic Development of Southeast Asia-The Islamic Voluntary Sector in Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Alhabshi, S.O., (1998). *Case Study: Malaysia*, International Seminar On Awqaf and Economic Development, Jointly Organised By Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., 2nd – 4th March 1998, The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur.

Al-Qaradawi, Y., (1996). *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*, Terjemahan oleh Ahmad Nuryadi Asmawi, Kuala Lumpur: Thinker's Library.

Al-Quranul Karim, 2000 (1420). LTQ.KDN.Q.913(44)96, Pulau Pinang: Percetakan Almuarif Sdn. Bhd.

Anderson, J.N.D., (1995). *The Religious Element in Waqt Endowment*, Journal of The Royal Central ASIAN Society, No. 38.

Argun, S., (2003). *Impact of Waqt Institutions On The Sosial and Economic Development In the Muslims Worlds*, Institute of Islamic Studies, McGill University, USA.

Baer, G., (1997). *The Waqf As A Prop For The Social System (Sixteenth-Twentieth Centuries)*, Islamic Law of Society, No. 4.

Bakar, M.D., (1999). *Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan*, Seminar Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn. Bhd. dan BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd. (BIRT), 24-35hb Mac 1999.

Baskan, B., (2002). *Waqf System As A Redistribution Mechanism in Ottoman Empire*, Department of Political Science, Northwestern University, USA, Paper Presented at 17th MEHAT Conference in University of Chicago.

Boudjellal, M., (1997), *Towards an Institutional Formulation of the Developing Role of Waqf: The Increasing of Waqf*, Journal of Islamic Economic Studies, Islamic Research and Traning Institute, Islamic Development Bank, Jeddah, 1997.

Boudjellal, M., (1998), *Revival of The Sunnah of Waqf in Muslim Countries and Communities: Justifications and Conditions of Success*, International Seminar On Awqaf and Economic Development, Jointly Organised By Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., 2nd – 4th March 1998, The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur.

Boudjellal, M., (1998). *Revival of The Sunnah of Waqf in Muslim Countries and Communities: Justifications and Conditions of Success*, *International Seminar On Awqaf and Economic Development*, Jointly Organised By Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., 2nd – 4th March 1998, The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur.

Boudjellal, M., (1999), *The Need For A New Approach of The Socio-Economic Developing Role of Waqf in The 21st Century*, Paper Presented to The International Conference On The Islamic Economics, Jointly Organised By International Islamic University Malaysia (IIUM), Islamic Research and Training Institute (IRTI) and Islamic Development Bank (IDB).

Cizakca, M., (1995), *Cash Waqf of Bursa, 1555-1823*, Journal of Economic and Social History of the Orient, Vol. 38.

Cizakca, M., (1998), *Awqaf: In History and Implication For Modern Islamic Economics, International Seminar On Awqaf and Economic Development, Jointly Organised By Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd.*, 2nd – 4th March 1998, The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur.

Cizakca, M., (2000), *A History of Philanthropic Foundation: Islamic World From The Seventh Century to the Present*, Istanbul: Bagazici University Press.

Dahlan, N.H. and Kamaruddin A.R., *The Legal History Of Waqf In Malaysia*, Paper presented to the International Legal History Conference, Mapping The Law, Exeter, UK.

Fernandes, L., (1987). *The Foundation of Baybars Al-Jasaahankir: Its Waqf, History and Architecture*, Muqarnas, No. 4.

Fratcher, W.F., (1971), *The Islamic Waqf*, Missouri Law Review, No. 36.

Gaudiosi, M.M., (1988), *The Influence of The Islamic Law of Waqf On The Development of The Trust in England: The Case of Merton College*, University of Pennsylvania Law Review, Vol. 136, No. 4.

Gerber, H., (1983). *The Waqf Institution in Early Ottoman Empire*, Asian and African Studies.

HAR, G., & Kramers, J.H., 1975. *Islamic Law in Africa*, London: F.Cass and Company Limited.

Hodgson, M. G. S., (1974), *The Venture of Islam: Conscience and History in a World Civilization*, vol. 2. University of Chicago Press, USA.

Hoexter, M., (1998), *Endowment, Rulers and Community Waqf al-Haramayn in Ottoman Algiers*, Brill, The Netherlands.

Hoexter, M., (1998). *Waqf Studies in The Twentieth Century: The State of The Art*, Journal of Economic and Social History of the Orient.

Hooker, M.B. (1984). *Islamic Law in South-East Asia*, UK: Oxford University Press.

Ibn Battutah, *Travel in Asia and Africa (1325-1354)*, translated by H.A.R. Gibb, London, (1929) and Abdullah, S.N., and Mohd. Dom, A.S., (2001), Pelayaran Ibn Battutah, Edisi Terjemahan, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Ibrahim, A., (1965), *The Legal Status of The Muslims in Singapore*, Malayan Law Journal.

Ibrahim, A., (1993). *Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia* in Mohamed Suffian, H.P. Lee, dan F.A. Trindade, *Perlembagaan Malaysia: Perkembangannya 1957-1977*, Petaling Jaya:Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kahf, M., (1992). *Waqf and Its Sociopolitical Aspects*, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute (IRTI).

Kahf, M., (1997). *Modern Forms of Waqf*, Islamic Research & Training Institute, Islamic Development Bank, Jeddah, K.S.A. August 1997.

Kahf, M., (1998), *Contemporary Issues In The Management of Investment Awqaf in Muslim Countries and Communities*, International Seminar On Awqaf and Economic Development, Jointly Organised By Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., 2nd – 4th March 1998, The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur.

Kahf, M., (1998), *Financing Development of Awqaf Properties*, International Seminar On Awqaf and Economic Development, Jointly Organised By Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), and BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., 2nd – 4th March 1998, The Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur.

Kahf, M., (1999), *Towards The Revival of Awqaf: A Few Fiqhi Issues To Consider*, Paper presented at the Harvard Forum On Islamic Finance and Economic, October 1, 1999, Harvard University, USA.

Khan, A. M. 1994. *An Introduction To Islamic Economic*, Pakistan: International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies.

Kozlowski, G.C. (1985) *Muslim Endowments and Society in British India*, London: Cambridge University Press.

Kuran, T., (2001), *The Provision of Public Goods Under Islamic Law: Origin, Contribution, and Limitation of the Waqf System*, Center For Law, Economics and Organization, Research Paper Series, Research Paper No. C01-13, University of Southern California Law School, LA, USA.

Kuran, T., (2003). *Why the Middle East is Economically Underdeveloped: Historical Mechanisms of Institutional Stagnation*, Research Paper No. C03-24, Center For Law, Economics and Organization Research Paper Series, University of Southern California Law School, LA, USA.

Langgulung, H. (1987). *Pendidikan Menghadapi Abad Ke 21*. Jurnal Pendidikan. UKM.

Langgulung, H., (1988). *Menghadapi Abad Ke 21*, Penerbitan Tidak Berkala UKM.

Makdisi, G. (1981). *The Rise of Colleges: Institution of Learning in Islam and The West*. Edinburgh University Press.

McChesney, R.D. (1995). *Waqf in Central Asia-Four Hundred Years in The History of Muslim Shirne*. UK: Princeton.

Muhammad, A.A., 1985., *Waqf on Mosques in North West Africa and Anduthilia*, Center for Research in Islamic Economic, King Abd al-Aziz University, Jeddah.

Nasution, K.S., (2002). *Colonial Intervention and Transformation of Muslim Waqf Settlements in Urban Penang: The Role of The Endowment Board*, Journal of Muslim Minority Affairs.

Othman, M.Z. (1982). *Islamic Law With Special Reference To The Institution Of Waqf*. Kuala Lumpur: Percetakan Negeri Sdn. Bhd.

Othman, M.Z. (1983). *Orgin of the Institution of Waqf*, Hamdrad Islamicus 6: 2._

Othman, M.Z. (1984). *Institutionation of Waq*. Islamic Culture 58._

Othman, R. (2003). *Colonization and Its Influence on Waqf*. Kertas Kerja Malaysian Research Group Annual Conference. Manchester, UK. 27 September 2003.

Othman, R. (2004a). *The Influences of Colonization on The Perception and Practices of Waqf*. IKIM Journal. Vol. 12. No 1. January / June 2004.

Othman, R. (2004b). *Poverty Reduction: Does the Institution of Waqf Help*. Kertas Kerja Malaysian Research Group Annual Conference Ketiga. Di Manchester, UK. 4 Jun 2004.

Powers, D.S., (1989). *Orientalism, Colonialism and Legal History: The Attack on Muslim Family Endowment in Algeria and India, Comparative Studies in Society and History*.

Qureshi, A.I., (1967) *Fiscal Policy of Islam, Institute of Islamic Culture, Lahore, Pakistan*.

Raissouni, A., (2001). *Islamic ‘Waqf Endowment’, Scope and Implications*, Translated by Benhallam, A., Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization.

Sabra, A., (2000). *Poverty and Charity in Medieval Islam, Mamluk Egypt, 1250-1517*, UK: Cambridge University Press.

Sadeq, A.M., (1999). *Socio-Economic Development Role of Waqf in The 21st Century and Restructuring of Its Administration With*

Special Reference To Bangladesh, International Conference Islamic Economics in The 21st Century, Organised By International Islamic University Malaysia (IIUM), Islamic Research and Training Institute (IRTI) and Islamic Development Bank (IDB), 9-12 August 1999, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sadeq, A.M., (2002). *Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation*, International Journal of Social Economic, Vol. 29, No.1/2.

Shatzmiller, M. 2001. *Islamic Institutions And Property Rights: The Case Of The Public Good*. Waqf, Journal of the Social and Economic History of the Orient 44 (1).

Stillman, A.N., (1975). *Charity and Social Service in Medieval Islam*, Societas-A Review of Social History, Vol. 5, No. 2.

Stillman, A.N., (2000). *Waqf and The Ideology of Charity in Medieval Islam*, in Hunter of the East. *Studies in Honour of Clifford Edmund Bosworth*, Vol. 1, ed. Ian R. Netton, Brill Academic Publishers: Leiden.

Sugar, P., (1977), *The Early History and The Establishment of The Ottomans in Europe*, University of Washington Press, USA.

Turgay, U.A. 2003. *Impact of Waqf Institution On The Social And Economic Development In The Muslim World*, Institute Of Islamic Studies, McGill University.

Wehr, H., (1971). *A Dictionary of Modern Written Arabic*, Ithaca: Spoken Language Services.

Yediydiz, B. (1996b). *The Habitable Town and The Turkish Waqf System*. Kertas Kerja HABITAT II, UN.

Yediydiz, B., (1996a). *Place of the Waqf in Turkish Cultural System*., Istanbul: The Foundation of Turkey.

PENGURUSAN ZAKAT DAN WAKAF DI MALAYSIA: SATU LANGKAH KE HADAPAN

Oleh:

Abdul Ghafar Ismail¹

Noraziah Che Arshad²

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan isu perkembangan semasa mengenai ke manakah hala tuju zakat dan wakaf di Malaysia berdasarkan pendekatan mikro and makro. Persoalannya, bagaimanakah sumber kewangan Islam ini diperolehi, dijana serta dikembangkan bagi memenuhi keperluan maqasid syariah. Allah S.W.T. telah meletakkan zakat di tempat tertinggi, mendaulatkannya sebagai salah satu daripada lima Rukun Islam serta merupakan aktiviti ekonomi bagi menjalin hubungan sesama manusia. Manakala sebagaimana yang diketahui umum, wakaf pula merupakan satu amalan yang sangat dituntut oleh Islam sekalipun tidak diwajibkan. Ia berbeza dengan sedekah biasa kerana manfaat dan pahalanya berkekalan walaupun pewakaf telah meninggal dunia selama mana harta yang diwakafkan itu kekal dan masih memberi manfaat kepada masyarakat umum. Hakikatnya, wujud perbezaan dari segi pengurusan zakat dan wakaf. Selari dengan keperluan sosio-ekonomi kontemporari negara, artikel ini memberikan beberapa pendekatan yang boleh dijadikan sebagai suatu hala tuju baru dalam usaha pemantapan kemajuan ekonomi ummah terutamanya dari sudut zakat dan wakaf.

Perkataan Teras : Pengurusan Zakat dan Wakaf; Tadbir Urus Pengurusan; Halatuju.

Klasifikasi JEL : N45, L.80, Z12, Z13.

¹ Profesor Perbankan dan Ekonomi Kewangan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada masa yang sama beliau juga merupakan *AmBank Group Research Fellow for Perdana Leadership Foundation*.

² Pensyarah Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Utara Malaysia.

PENGENALAN

Sistem kewangan Islam (*nizam Al-Mal Al-Islam*) meliputi aktiviti yang berkaitan kewangan (*Al-Tassarufat Al-Maliyah*) dalam semua sektor ekonomi. Dalam artikel ini, sistem kewangan Islam akan dilihat dari dua sudut yang berbeza. Dari sudut makro, sistem kewangan Islam menghimpunkan kaedah yang berkaitan perolehan sumber kewangan bagi negara dan cara penggunaannya. Antara sumber negara ialah zakat, *kharaj*, *jizyah*, *usyhur*, *ghanimah*, *fai'*, wakaf dan cukai lain. Menurut sudut mikro pula, sistem kewangan Islam melibatkan urus niaga kewangan yang dilakukan dalam sistem kewangan.

Pada masa kini, dana wakaf semakin diberi perhatian akibat kesedaran tentang kepentingannya sebagai salah satu pemangkin pembangunan ekonomi umat Islam. Berasaskan kepada istilah bahasa ‘*waqafa*’, maka wakaf membawa maksud berhenti, menegah dan menahan. Manakala, dari segi istilah, wakaf ialah menahan harta dan memberikan manfaatnya pada jalan yang direhui Allah S.W.T. Ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah S.A.W., yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A.:

“Apabila mati anak Adam, terputus amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kepadanya”.

(Hadis Riwayat Muslim)

Walaupun sebahagian *fuqaha'* seperti mazhab Syafie, Hanafi dan Hambali menyatakan bahawa istilah wakaf adalah berkait dengan infaq, zakat dan sedekah. Tambahan pula, ketiga-tiganya juga bermaksud memindahkan sebahagian daripada aset segolongan umat Islam kepada mereka yang memerlukan. Namun, berbanding zakat yang diwajibkan ke atas umat Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu dan sedekah yang menjadi sunat yang umum ke atas umat Islam, wakaf lebih bersifat pelengkap kepada kedua-dua perkara tersebut. Ini disebabkan zakat adalah tidak kekal di mana sumbangannya akan digunakan dalam bentuk hangus, sedangkan harta wakaf adalah berbentuk produktif iaitu kekal dan boleh dilaburkan dalam pelbagai bentuk untuk faedah masa hadapan.

Akibat cirian wakaf tersebut dan sejak sejarah awal wakaf diwujudkan hingga kini, amalan berwakaf semakin berkembang. Harta wakaf telah menjadi tulang belakang kepada teras pembangunan umat Islam dahulu dan berkekalan sehingga ke hari ini. Banyak institusi pendidikan seperti Universiti Cordova di Andalus, Al-Azhar Al-Syarif di Mesir, Madrasah Nizamiyyah di Baghdad, dan banyak institusi pondok serta sekolah agama di Malaysia adalah berkembang berasaskan harta wakaf. Universiti Al-Azhar contohnya telah membangun dan terus maju hasil sumbangan harta wakaf. Sehingga kini pembiayaan Universiti Al-Azhar yang dibina sejak 1,000 tahun lalu telah memberikan khidmat percuma pengajian kepada ribuan pelajar Islam dari seluruh dunia.

Manakala zakat pula, dari sudut bahasa boleh ditakrifkan sebagai suci, tumbuh, berkat dan terpuji. Pengertian suci dalam definisi zakat pula bermaksud menyucikan harta dan diri daripada sifat kedekut dan bakhil serta menyucikan diri daripada sifat dengki dan dendam. Zakat dari sudut istilah boleh ditakrifkan sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah S.W.T. untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak dengan beberapa syarat.

Zakat merupakan salah satu ibadah yang disyariatkan oleh Islam dan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan umat Islam yang dikehendaki dan diredhai Allah S.W.T. serta berupaya meningkatkan martabat ummah. Bahkan telah dinyatakan dalam Al-Quran bahawa menunaikan zakat merupakan sebahagian daripada ciri-ciri mereka yang beriman sebagaimana firman-Nya dalam surah At-Taubah ayat 71:

Maksudnya: “*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanatan, dan mereka mendirikan solat dan memberikan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana”.*

(Surah At-Taubah: Ayat 71)

Berlatar belakangkan dua sudut pandangan tersebut serta kepentingan zakat dan wakaf kepada ekonomi, maka timbul persoalan berikut: bagaimana sumber kewangan seperti zakat diperoleh dan diguna, dan wakaf dijana dan dikembangkan.³ Bagaimana aktiviti tersebut dapat memberi impak bagi tercapainya *maqasid Al-Syariah*, maka kedua-dua sumber kewangan atau mal tersebut harus diuruskan. Persoalan ini akan dijadikan bahan utama perbincangan dalam bahagian kedua. Manakala, bahagian ketiga akan melihat ke arah mana seharusnya pengurusan ini akan dibawa pada masa hadapan.

PENGURUSAN ZAKAT DAN WAKAF

Zakat merupakan suatu kewajipan yang perlu ditunaikan dan juga merupakan sebahagian hasil perbendaharaan negara. Manakala wakaf pula merupakan sunat yang umum ke atas individu Islam. Maka wakaf lebih bersifat pelengkap kepada zakat. Ini kerana apa yang disumbangkan melalui zakat adalah tidak kekal di mana sumbangannya akan digunakan dalam bentuk hangus, sedangkan harta wakaf adalah berbentuk produktif iaitu kekal dan boleh dilaburkan dalam pelbagai bentuk untuk faedah masa hadapan. Ini menunjukkan cara pengurusannya berbeza. Perbezaan tersebut dapat dilihat secara berasingan dalam perbincangan berikut:

a. Pengurusan Zakat

Ayat Al-Quran berikut yang masing-masing dipetik daripada surah Al-Baqarah (ayat 110) dan surah At-Taubah (ayat 60):

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَةَ

Maksudnya: “*Dan dirikanlah oleh kamu solat dan tunaikanlah zakat.*”

dan

³ Perkataan diperoleh dan diguna masing-masing bermaksud jenis-jenis zakat yang diperoleh dan kemudiannya dibelanjakan. Manakala, wakaf dijana dan dikembangkan khusus untuk memenuhi *maqasid* syariah untuk menjaga dan mengembangkan mal.

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفَقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْمِنَةِ فَلَوْبُهُمْ وَفِي الرَّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مَّنْ أَنْ شَاءَ اللَّهُ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حِكْمَةٌ

Maksudnya:

“Sesungguhnya sadaqaat (zakat-zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dijinakkan hatinya (juga untuk) memerdekaakan hamba, orang-orang yang berhutang (agama) untuk (digunakan) di jalan Allah, dan untuk orang-orang musafir (yang keputusan wang) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai kewajipan yang ditetapkan Allah dan (ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana)”.

Kedua-dua ayat tersebut menunjukkan ada individu yang menunaikan dan menerima zakat dan ada pihak yang menjadi pengurus zakat tersebut. Oleh kerana zakat yang diterima harus dibelanjakan, maka soal peningkatan sumber harus diutamakan.

Pelbagai usaha dalam meningkatkan sumber zakat termasuklah pendapatan dan penggajian yang merangkumi upah, gaji, bonus, elaun, komisen, pemberian, ganjaran profesional, hasil sewaan, perkhidmatan dan sebagainya. Pendapat daripada para *fuqaha'* menyatakan bahawa semua hal yang berkenaan pendapatan dan penggajian boleh disebut sebagai '*mal-mustafad'* iaitu perolehan baru yang termasuk dalam tafsiran sumber harta yang dikenakan zakat (Iqbal et al., 2007).

Di kebanyakan negeri di Malaysia, pungutan zakat secara puratanya telah meningkat dari setahun ke setahun. Seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**, di Wilayah Persekutuan misalnya, pungutan zakat telah meningkat dari RM34.4 juta pada 1994 kepada RM126.7 juta pada 2005. Di Selangor, pungutan zakat meningkat dari RM13.8 juta kepada RM123.9 juta pada 2005. Manakala, di negeri-negeri lain tidak nampak peningkatan jumlah kutipan yang ketara. Manakala, jumlah keseluruhan zakat yang dikutip hanya meningkat lima kali ganda untuk tempoh satu dekad iaitu meningkat dari RM109.6 juta pada 1994 kepada RM519.2 juta pada 2005.

Maka usaha harus dijalankan supaya sumber kutipan ini dapat dipertingkatkan lagi. Oleh kerana sumber harta yang *diittifaq* (disepakati para *fuqaha*) telah diketahui umum iaitu harta dari jenis pertanian, ternakan, perniagaan, emas dan perak. Maka, selain itu terdapat sumber zakat baru yang *diikhtilaf*, termasuk zakat ke atas pendapatan gaji, simpanan, unit amanah dan sukuk harus diusahakan.⁴ Beberapa kaedah *fiqh* boleh diguna pakai, umpamanya berpandukan kepada *qiyas* yang sahih dan kaedah-kaedah yang *muktabar*, seperti memilih yang lebih menguntungkan fakir miskin, tanpa menzalimi orang kaya, maka sumber zakat baru boleh dikenal pasti. Impaknya ialah bahawa sumber zakat boleh diperluaskan.

b. Pengurusan Wakaf

Surah Al-Baqarah (ayat 261), Allah S.W.T. berfirman:

“Bandingan (pahala) orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (pahala) bagi setiap yang Dia kehendaki dan Allah Maha Luas (Kurniaannya) lagi Maha Mengetahui”.

dan daripada Abu Hurairah R.A., Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Apabila mati anak Adam, terputus amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kepadanya”.

(Hadis Riwayat Muslim)

Kedua-dua ayat dan hadis di atas menunjukkan harta yang dibelanjakan (dalam bentuk wakaf) sebagai sebahagian daripada amalan yang dianjurkan oleh syariah.

Individu pertama yang mengeluarkan harta untuk diwakafkan adalah Saidina Umar R.A. dengan mewakafkan 100 bahagian daripada

⁴ Lihat Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (2006) (eds.) Zakat: Persyaritan, Perekonomian dan Perundangan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

tanah Khaibar kepada umat Islam. Anaknya Abdullah bin Umar R.A. menyatakan bahawa ayahnya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar lalu dia datang kepada Rasulullah S.A.W. untuk meminta pandangan tentang tanah itu, maka katanya:

“Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, di mana aku tidak mendapat harta yang lebih berharga bagiku selain daripadanya, (walhal aku bercita-cita untuk mendampingkan diri kepada Allah) apakah yang engkau perintahkan kepadaku dengannya?”. Maka sabda Rasulullah S.A.W.: “Jika engkau hendak, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkan manfaatnya.” “Maka Umar telah mewakafkan hasil tanahnya itu, sesungguhnya tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihibah (diberi) dan diwarisi kepada sesiapa”. Katanya lagi: “Umar telah menyedekahkannya kepada orang-orang fakir, kaum kerabat, hamba yang baru merdeka, pejuang-pejuang di jalan Allah, *Ibn Sabil* dan para tetamu. Tidaklah berdosa sesiapa yang menyelia tanah wakaf itu memakan sebahagian hasilnya sekadar yang patut, boleh juga ia memberi makan kawan-kawannya, tetapi tidaklah boleh ia memiliki”.

Di Malaysia tidak terkecuali dengan tanah antara harta yang awal diwakafkan. **Jadual 2** menunjukkan keluasan tanah wakaf di Malaysia iaitu sebanyak 20,735.61 ekar di mana sebanyak 14,815.787 ekar adalah wakaf am dan 5,919.83 ekar adalah wakaf khas. Negeri Johor adalah negeri yang paling banyak memiliki tanah wakaf diikuti oleh Perak dan Pahang.

Namun begitu pada masa kini, harta yang diwakafkan telah diperluaskan seperti terbitan saham wakaf di Johor, Melaka dan Selangor.⁵ Umpamanya, saham wakaf Johor telah membolehkan pembinaan Bangunan Saham Wakaf Johor di Skudai dengan kos RM4 juta, pembangunan projek wakaf pertanian seluas 3,800 hektar

⁵ Cadangan ini adalah menepati keputusan *Majma' Fiqh Islamiy* pada 24 November 2005 bahawa: “Adalah harus mewakafkan bahagian-bahagian dan saham-saham syarikat kewangan yang diperniagakan dalam dagangan yang diharuskan oleh syarak dengan syarat saham-saham ini berserta keuntungannya diagihkan sejajar serta mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pewakaf di mana ia adalah seperti nas syarak iaitu satu kaerah yang telah disepakati oleh ulama”.

di Mersing, pembelian bangunan asrama 6 tingkat untuk pelajar di Kaherah, Mesir dan pemberian bantuan kepada umat Islam hasil sewaan bangunan wakaf. Universiti Kebangsaan Malaysia juga tidak terkecuali, Majlis Agama Islam Selangor pada 26 Mac 2009 telah membenarkan UKM menggunakan kaedah wakaf (wakaf tunai atau wakaf harta tak alih) untuk menjana dana *endowment*. Di samping menggabungkannya dengan produk kewangan sedia ada seperti pelan takaful wakaf.

HALA TUJU

Negara yang sering melaksanakan belanjawan defisit menunjukkan bahawa hasil Kerajaan tidak mampu untuk menampung perbelanjaan Kerajaan. Zakat mampu menghasilkan belanjawan berimbang kerana jumlah yang dibelanjakan harus dipadankan dengan jumlah yang diterima. Manakala, impaknya sebagai satu bentuk jaminan sosial amat penting. Manakala, ciri kekekalan wakaf mampu menghasilkan sumber negara untuk kegunaan awam yang semakin meningkat. Namun, harta wakaf yang ada pada baitulmal adakalanya terbiar dan tidak menghasilkan manfaat ekonomi yang besar.⁶ Maka, suatu hala tuju baru harus dikemukakan supaya kedua-duanya akan menjadi pemangkin pembangunan negara.

i. Perundangan Zakat Perniagaan

Temuan kajian masa kini di beberapa negeri menunjukkan bahawa sumber zakat seperti zakat perniagaan akan menyumbang kepada kutipan zakat yang semakin meningkat. Namun begitu, tidak ada peruntukan yang khusus yang mewajibkan pembayaran zakat terhadap syarikat di Malaysia. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 hanya memperuntukkan kewajipan membayar cukai tertentu terhadap syarikat.⁷ Peruntukan pembayaran zakat oleh individu disebut dengan jelas serta diberi potongan rebat jika melebihi pada kadar tertentu.⁸ Dalam keadaan ini, rebet yang diberikan oleh Akta adalah dalam bentuk pengurangan terhadap cukai

⁶ Rujukan penulis kepada beberapa laporan kewangan baitulmal negeri menunjukkan tidak banyak hasil yang dijana daripada harta wakaf.

⁷ Lihat Seksyen 4, 21, 40, 41, 43, 44, 107, 108 dan Seksyen 140 Akta Cukai Pendapatan 1967.

⁸ Ibid Seksyen 6A (4).

berbayar bagi tahun taksiran itu atau mana-mana tahun berikutnya. Sehubungan itu, suatu cara bagi menggalakkan pembayaran zakat terhadap syarikat adalah dengan memperkenalkan peruntukan pelepasan rebat ini kepada syarikat.

Selain dari itu, peruntukan berkaitan zakat adalah dalam bidang kuasa syariah di peringkat Negeri yang termaktub dalam enakmen setiap negeri sedangkan badan korporat dan syarikat adalah tertakluk kepada undang-undang sivil yang dikuatkuasakan di peringkat Persekutuan. Undang-undang syarikat pada masa kini adalah tertakluk kepada beberapa statut yang diluluskan oleh pihak Parlimen, di antaranya yang utama adalah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Syarikat 1956, Akta Pelaburan Kerajaan 1983, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Suruhanjaya Syarikat 2001. Selain dari itu terdapat juga amalan dan kaedah yang terpakai kepada syarikat seperti Kod Amalan Pengarah dan Kod Tadbir Urus Syarikat 1999 yang merupakan garis panduan syarikat.

Walaupun amalan dan kod ini hanya merupakan garis panduan sahaja dan tidak mempunyai implikasi undang-undang (*legal sanction*) tetapi prinsip-prinsip dari kod dan amalan ini telah banyak mencorak dan menjadi asas kepada dasar pindaan dalam rang undang-undang yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan terutama di pertengahan dan akhir tahun 1990 an akibat dari kemelesetan ekonomi yang melanda Asia dan dunia pada masa itu.⁹

Dalam erti kata lain dari segi pelaksanaan, jika terdapat cadangan untuk memperkenalkan zakat terhadap syarikat, beberapa peruntukan lain dibawah statut-statut yang tersebut di atas juga perlu dikaji bagi memastikan supaya tidak ada percanggahan dengan prinsip asas berkaitan dengan syarikat. Sebagai alternatif, cadangan juga boleh diperkenalkan melalui kod amalan yang juga berupaya membentuk dasar serta mempengaruhi perjalanan mekanisma syarikat seperti yang terbukti dengan Kod Tadbir Urus Korporat 1999.¹⁰

⁹ Isu ini telah dibincangkan dalam Aishah Bidin, “*The position of share buy backs and recent amendments to the Malaysian Companies Act 1965*” (1999) 10 Company Lawyer 339.

¹⁰ Dalam hal ini, keadaan di Malaysia adalah berbeza dengan di England. Di England, Kod Tadbir Urus (*Cadbury Code* dan *Hampel Code*) telah diberi pengiktaran oleh *London Stock Exchange* (LSE) di mana ketidakpatuhan terhadap peruntukan kod boleh menyebabkan syarikat dinyahsenaraikan (*delisting*) dari LSE.

ii. Mengkonsolidasikan Akaun Pengurus Dengan Akaun Negeri

Setiap negara mempunyai jaminan sosial untuk penduduknya dalam dua bentuk sistem, iaitu “*fully funded*” atau “*pay as you go*”.¹¹ Kedua-dua sistem ini dianggap membebankan negara dan ketakcukupannya membiayai persaraan. Dalam Islam, jaminan sosial ini dilakukan melalui tanggungjawab sebahagian dan hak individu lain. Hak dan tanggungjawab ini diselaraskan secara automatik.

Walaupun jaminan sosial dalam Islam boleh diperoleh melalui tiga peringkat iaitu keluarga, masyarakat dan negara, tetapi masih wujud persoalan bagaimana peranan negara (melalui pihak berkuasa zakat/wakaf) dapat menyediakan jaminan sosial tersebut. Ini disebabkan zakat terutamanya merupakan kewajipan yang dikenakan ke atas pengumpulan kekayaan apabila mencapai had tertentu. Maka negara perlu memainkan peranan bagi memastikan golongan ini memenuhi tuntutan tersebut. Umumnya, zakat merupakan tanggungjawab sebahagian insan yang menjadi hak individu lain. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“...Janganlah harta hanya beredar di kalangan orang-orang kaya sahaja..”

(Surah Al-Hashr: Ayat 7)

Zakat merupakan tindakan pengabdian/penyerahan/ketundukan kepada Allah S.W.T. oleh setiap Muslim yang mempunyai pendapatan dan kekayaan mencukupi *nisab* dan *haul* serta merupakan hak kepada individu Muslim lain yang memerlukan. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Zakat perlu dikutip daripada orang kaya di antara kamu dan perlu diagihkan kepada golongan miskin di antara kamu”.

(Hadis Sahih - Riwayat Bukhari)

¹¹ Jaminan sosial yang didefinisikan oleh ILO termasuk bantuan bersalin, penjagaan anak, penjagaan perubatan, ketakupayaan bekerja, usia emas, pengkebumian dan kematian pencari nafkah.

Sehubungan itu, zakat merupakan sistem keselamatan yang menjadi obligasi dan tanggungjawab negara bagi memastikan ianya diimplementasikan dengan sesuai. Maka zakat merupakan urusan negara dan masyarakat keseluruhan. Zakat bukan hanya merupakan tanggungjawab, malah zakat merupakan hak orang miskin yang terdapat di dalam harta individu kaya. Dalam Surah Al-Ma'aarij (ayat 24-25), Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

“Orang-orang yang dalam hartanya tersedia bahagian tertentu bagi orang (miskin) yang meminta dan orang yang tidak mempunyai apa-apa (yang tidak mahu meminta)”.

Implimentasi dana zakat perlu diaplikasikan sejajar dengan syariah dalam bentuk; pertama, pemulihan dan bantuan kepada golongan miskin dan fakir, golongan cacat, anak yatim dan janda yang memerlukan bantuan/kurang upaya. Kedua, mengukuhkan pendidikan, industri dan institusi latihan vokasional untuk memberikan kemahiran kepada golongan-golongan tersebut bagi tujuan manfaat guna tenaga. Ketiga, menubuhkan hospital untuk manfaat golongan miskin. Keempat, penyesuaian perbelanjaan kutipan dan pentadbiran zakat. Dan kelima, aktiviti lain yang dibenarkan oleh syarak. Oleh itu, zakat merupakan kunci utama kebajikan ekonomi dalam sistem ekonomi Islam. Ia meliputi seluruh populasi negara yang memerlukan bantuan dalam memenuhi keperluan asas mereka.

Manakala ciri-ciri keistimewaan harta wakaf pula adalah seperti berikut:

- i. **Keunikan wakaf pada konsep pemisahan di antara hak pemilikan dan faedah penggunaannya.** Pewakafan harta menyebabkan kuasa pemilikan hartanya akan terhapus daripada harta tersebut. Wakaf secara prinsipnya adalah satu kontrak berkekalan dan pewakaf tidak boleh lagi memiliki harta itu dengan apa jua sekalipun, kecuali sebagai pengurusan harta wakaf. Secara *majaznya* harta wakaf adalah menjadi milik Allah S.W.T.;
- ii. **Wakaf adalah sedekah berterusan** iaitu bukan sahaja membolehkan pewakaf mendapat pahala berterusan, tetapi

penerima mendapat faedah berterusan. Dengan itu, pihak yang bergantung kepada wakaf boleh mengatur perancangan kewangan institusinya dengan berkesan untuk jangka panjang. Di samping itu, pihak pewakaf tidak perlu bimbang mungkin berlaku sabotaj seperti pengubahan status wakaf tanahnya oleh pemerintah kerana kaedah fiqh menyatakan: "Syarat pewakaf adalah seperti nas syarak".

- iii. **Penggunaan harta wakaf adalah untuk kebajikan dan perkara-perkara yang diharuskan oleh syarak.** Oleh itu, tidak diwajibkan menentukan golongan yang mendapat manfaat daripada wakaf dan memadai menyebutkan: "Saya wakafkan harta ini kerana Allah". Ciri ini membolehkan pengembangan harta wakaf kepada pelbagai bentuk moden selagi mana ia menepati objektif wakaf.

Oleh itu, kedua-dua zakat dan wakaf boleh digunakan untuk tujuan agihan, juga membiayai perbelanjaan Kerajaan, individu atau organisasi. Jika sumber kedua-duanya semakin diperluas, maka jumlah yang dikumpul juga akan bertambah. Maka, zakat dan wakaf boleh bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi. Ini mungkin boleh dilakukan jika jumlah kedua-duanya dikonsolidasi ke dalam akaun negeri dengan mengambil kira lebihan zakat yang tidak diagihkan supaya kesan menyeluruh dasar fiskal dapat dilihat. Fokus konsolidasi harus melihat pemanfaatan kedua-duanya bukan bagi aktiviti ekonomi bersifat kepenggunaan, tetapi dikelola secara produktif terutamanya menyediakan barang dan perkhidmatan awam.

PETUNJUK PRESTASI PENGURUSAN (ZAKAT/WAKAF)

Pengurus zakat/wakaf, seperti mana-mana organisasi, untuk terus relevan atau diperlukan mestilah mampu melaksanakan operasi mereka pada tahap yang paling optimum dan efektif. Pengagihan mestilah dilakukan dengan kaedah supaya manfaatnya bukan sahaja dapat dimaksimumkan tetapi juga ia mesti kelihatan telah diagihkan dengan saksama. Agihan ini terutamanya dana zakat sampai kepada mereka yang berhak di samping meyakinkan pembayar zakat bahawa

hasil zakat telah diagihkan sewajarnya. Amanah dan tanggungjawab dalam mengendalikan dana zakat bagi pihak ummah menekankan lagi betapa perlunya tugas ini dijalankan secara cekap.

Untuk tujuan ini, salah satu matlamat hala tuju yang dicadangkan ialah untuk membina satu set **petunjuk prestasi** atau “*performance indicators*” untuk mengukur kecekapan lembaga yang menguruskan kedua-duanya.

Apakah aspek yang harus diambil kira bagi membentuk petunjuk prestasi. Secara amnya, pembinaan petunjuk prestasi mengambil kira beberapa aspek iaitu pelanggan, tenaga kerja, pesaing, persekitaran (*environment*) dan petunjuk-petunjuk kewangan. Petunjuk prestasi yang tepat mampu memberikan penilaian objektif terhadap pencapaian lembaga. Petunjuk prestasi berbeza mengikut keperluan dan organisasi. Berikut dicadangkan beberapa aspek yang akan diambil kira: pertama, **matlamat utama dan tujuan penubuhan lembaga** ialah untuk memastikan zakat diagihkan kepada mereka yang berhak dan pengagihan dana zakat yang telah dikumpulkan dengan cara yang paling cekap, manakala harta wakaf digunakan secara produktif.

Kedua, *mengenal pasti proses utama dalam membuat keputusan dan perlaksanaan di dalam lembaga*. Kajian awal mendapat perbezaan membuat keputusan dan pelaksanaan adalah dipengaruhi oleh struktur lembaga.¹²

Ketiga, fokus kepada pembolehubah utama yang mempengaruhi kejayaan. Pembolehubah seperti proses dalaman perniagaan, sumber manusia: kategori pekerja, pegawai siasatan, penentuan kelayakan, jangka masa kelulusan dan bantuan diberi, kos operasi—tidak boleh lebih dari 12.5%.

¹² Contohnya, institusi zakat seperti Pusat Zakat Pulau Pinang dan Selangor telah dikorporatkan (kutipan dan agihan). Manakala di Wilayah Persekutuan, hanya kutipan zakat sahaja dikorporatkan. Di negeri lain seperti Kedah dan Kelantan ia tidak dikorporatkan.

Keempat, kenal pasti faktor kritikal yang memerlukan perhatian seperti hal-ehwal berkaitan pelanggan-pembayar dan penerima zakat, pesaing-pengutip zakat bebas, *wakif*.¹³

Berikut akan dijelaskan bagaimana kerangka petunjuk prestasi dapat dibentuk. Sesuatu petunjuk prestasi itu mestilah melibatkan faktor luaran dan faktor dalaman. Dari aspek luaran ia harus mampu mengukur (memberi penilaian) *vis-a-vis* perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat, pelanggan dan pesaing. Dari aspek dalaman pula, penekanan harus ditumpukan kepada kualiti, fleksibiliti, kemampuan memberikan perkhidmatan (*delivery*), nilai dan kos operasi. *Acknowledgement* terhadap perkara di atas menjurus kepada kepelbagaiannya dimensi petunjuk prestasi. Kepelbagaiannya dimensi inilah yang akan menentukan sama ada petunjuk yang dibina adalah relevan dan mencapai objektif ianya dicipta.

Dimensi pertama meliputi output atau hasil (diterjemahkan melalui bilangan penerima zakat dan keupayaan penerima zakat dapat dikeluarkan dari senarai penerima zakat dalam satu tempoh yang munasabah, penambahbaikan kebajikan masyarakat).

Dimensi kedua meliputi input atau bahan yang diterima. Ini bukan sahaja termasuk daripada harta kutipan zakat/wakaf tetapi juga sumber manusia dan prasarana yang wujud.

Dimensi ketiga merangkumi antaranya, salah satu dari faktor penting dalam pengagihan ialah proses mengenal pasti mereka yang berhak menerima zakat dan penambahbaikan perkhidmatan awam. Dimensi keempat ialah aspek-aspek kualiti dan pemantauan yang diamalkan oleh agensi terbabit.

Dimensi kelima adalah keberkesanannya lembaga dalam melaksanakan tugasnya. Terdapat berbagai pengukur keberkesanannya yang saling melengkapi. Penggunaan instrumen pengukur, sekali lagi berbeza mengikut data dan struktur lembaga. Kesemua dimensi ini secara makro akan memberikan makluman yang tepat mengenai prestasi sesebuah lembaga.

¹³ Senarai aspek ini bukanlah *exhaustive*. Petunjuk prestasi juga merupakan kaedah yang baik untuk dijadikan asas dalam memberi ganjaran kepada kumpulan atau individu dalam institusi yang mempamerkan prestasi terbaik.

TADBIR URUS WAKAF MELALUI PEMBENTUKAN SUB-BIDANG

Mekanisma skim wakaf berdasarkan **Rajah 1** ini melibatkan beberapa langkah berikut:

Langkah 1: Individu atau organisasi menyumbangkan wakaf. Berdasarkan syariah, seseorang itu perlu sihat mental dan fizikal. Keputusan yang dibuat untuk menjadikan sebahagian harta sebagai wakaf mestilah atas kerelaan hati. Aset atau dana yang didermakan sebagai wakaf dikenali sebagai *Al-mawquf*. Wujudnya *mawquf* perlu jelas. Oleh itu, masyarakat boleh memanfaatkan wakaf pada tempoh jangka panjang. Di samping itu, *sighah* dirangka dalam urusan wakaf sama ada wakaf boleh dijana dalam bentuk aset atau wang.

Langkah 2: Wakaf diuruskan oleh nazir, dengan diawasi oleh lembaga pemegang amanah.

Langkah 3: Manfaat harta wakaf boleh disalurkan kepada beberapa penerima manfaat.

Dalam langkah 2 menunjukkan bahawa pengurusan wakaf yang terpusat. Namun, pada hakikatnya, pengurusannya harus dinyaahpusatkan. Penyahpusatan ini melibatkan beberapa pembahagian sub-bidang pengurusan.

Pertama, sub-bidang pembentukan harta wakaf. Pada prinsipnya pengurus (nazir) wakaf harus mematuhi persyaratan yang digariskan oleh pemberi wakaf (*wakif*). Dalam praktiknya, tujuan atau arahan wakif seringkali harus disesuaikan dengan pelbagai faktor yang berkembang dalam masyarakat. Ini bagi membolehkan wakaf berhasil menjadi alat yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat, bidang pendidikan, perkhidmatan sosial, ekonomi, keagamaan dan perkhidmatan awam.

Kedua, sub-bidang lembaga pemegang amanah. Perlu mewujudkan satu badan yang bertanggungjawab menguruskan wakaf agar patuh syariah. Satu piawaian perlu diwujudkan dalam membuat keputusan pelaburan serta pengurusan harta wakaf. Di samping itu, lembaga bertanggungjawab mematuhi peraturan yang dikenakan oleh wakif atau tanggungjawab *fiduciari* (seperti kehendak wakif mewakafkan

untuk tujuan am atau khas) supaya harta yang diuruskan patuh kepada prinsip syariah. Laporan kewangan harus didedahkan kepada pihak lembaga bagi tujuan ketelusan dan ringkasan prestasi yang mungkin berubah disebabkan perubahan nilai pasaran.

Ketiga, sub-bidang dasar pelaburan. Tanggungjawab ini diletakkan di bawah lembaga pemegang amanah. Usaha perlu dibuat untuk mempertingkatkan program pelaburan untuk tempoh jangka panjang serta dapat mengawal risiko pelaburan sekurang-kurangnya mengoptimumkan risiko aset yang dilaburkan. Matlamat kewangan bagi pengurusan harta wakaf adalah mengekalkan nilai wang serta mewujudkan kuasa beli berdasarkan sumber dana yang diperolehi. Perlu ada pemantauan dari segi inflasi serta kos pengurusan dana pelaburan. Prestasi dana pembiayaan boleh dinilai selepas suatu tempoh tertentu.

KESIMPULAN

Sistem kewangan Islam mikro di Malaysia boleh dikembangkan lagi dengan mempertingkatkan pengurusan zakat dan wakaf. Aspek pengurusan yang telah ditemukan hasil analisis dalam artikel ini ialah: penambahan sumber dana zakat dan harta wakaf. Maka hala tuju berikut telah dikenal pasti: pertama, peruntukan undang-undang zakat perniagaan supaya sumber zakat perniagaan ditambah; kedua, konsolidasi akaun zakat dan wakaf supaya koordinasi dasar fiskal dapat dilaksanakan; ketiga, petunjuk prestasi harus dimunculkan bagi pengurusan kedua-dua zakat dan wakaf; dan keempat pembentukan struktur tadbir urus kelembagaan zakat dan wakaf. Sehubungan itu, apabila kita membincangkan tentang hala tuju pengurusan zakat dan wakaf di Malaysia, peranan para ilmuwan Muslim perlu dalam sesebuah masyarakat bagi mengemukakan pandangan bersandarkan kepada ilmu untuk kesejahteraan sejagat. Usaha ini perlu seiring dengan pihak pemerintah agar tadbir urus sistem tersebut dapat berjalan lancar.

RUJUKAN

Al-Quran.

Akta Cukai Pendapatan 1967.

Abdul Ghafar Ismail and Hailani Muji Tahir (2006) (eds.) Zakat: Sharia, “*Economics and Law*” (in Bahasa Malaysia). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. ISBN 967-942-791-1.

Iqbal. Z and Mirakhori. A (2007) “An Introduction To Islamic Finance: Theory And Practice”. John Wiley & Sons (Asia) Pte Ltd.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Kelantan.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Johor.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Kedah.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Selangor.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Perlis.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Sarawak.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Perak.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Pahang.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Melaka.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Terengganu.

Statistik kutipan dan agihan 1996 – 2008, Majlis Agama Islam Sabah.

Jadual 1: Kutipan Zakat Tahunan Negeri-Negeri Di Malaysia

BIL .	NEGERI	2008		2007		2006	
		(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%
1	Wilayah Persekutuan	-		-		143,304,403.08	
2	Selangor	-		-		-	
3	Johor	100,737,539.76		73,548,266.33		54,730,081.95	
4	Terengganu	66,200,415.14		51,438,482.59		42,873,259.87	
5	Perak	-		-		33,936,760.15	
6	Pulau Pinang	-		34,336,813.33		28,065,598.62	
7	Pahang	50,636,614.32		37,217,904.61		31,721,733.59	
8	Kelantan	-		-		-	
9	Negeri Sembilan	33,797,056.18		26,572,081.66		23,155,041.54	
10	Kedah	-		-		-	
11	Melaka	26,905,934.29		22,067,022.30		19,464,653.26	
12	Sarawak	-		-		-	
13	Sabah	-		-		-	
14	Perlis	-		-		-	
	Jumlah		100		100		100

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

BIL.	NEGERI	2005		2004		2003	
		(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%
1	Wilayah Persekutuan	126,746,029.77	24.4	110,631,584.04	23	96,380,801.25	23.6
2	Selangor	123,782,912.00	23.8	108,826,547.05	23	86,200,315.23	21.1
3	Johor	41,166,136.48	7.9	38,052,802.64	8	33,959,015.68	8.3
4	Terengganu	36,301,165.95	7.0	36,147,739.28	7.6	40,058,735.20	9.8
5	Perak	22,680,408.78	4.4	25,724,715.39	5.4	21,698,518.02	5.3
6	Pulau Pinang	25,559,617.00	4.9	23,288,019.00	4.9	21,317,975.00	5.2
7	Pahang	26,991,593.00	5.2	22,917,724.25	4.8	20,616,368.54	5.1
8	Kelantan	24,641,490.46	4.7	22,440,931.30	4.7	18,10,371.63	4.4
9	Negeri Sembilan	20,493,433.91	3.9	19,037,286.24	4	16,520,810.59	4.1
10	Kedah	29,761,051.45	5.7	22,205,222.54	4.7	18,559,387.21	4.5
11	Melaka	15,695,466.47	3.0	14,238,492.58	3	13,037,830.48	3.3
12	Sarawak	12,486,438.30	2.4	15,566,982.51	3.3	10,264,513.31	2.5
13	Sabah	7,060,358.92	1.4	7,784,937.74	1.6	6,573,244.92	1.6
14	Perlis	5,837,157.38	1.1	6,406,109.00	1.4	5,102,537.00	1.2
	Jumlah	519,203,260.07	100	473,269,093	100	408,430,423.60	100

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

BIL.	NEGERI	2002		2001		2000	
		(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%
1	Wilayah Persekutuan	84,533,227.00	23.0	72,886,035.71	22.8	58,921,958.69	22.8
2	Selangor	78,724,128.00	214	61,432,750.66	19.2	46,256,873.24	17.9
3	Johor	29,735,717.00	8.0	31,452,922.95	8.8	20,757,142.50	8.0
4	Terengganu	32,982,990.00	9.0	28,247,343.21	9.8	28,030,503.36	10.8
5	Perak	20,803,536.00	9.0	20,468,421.04	8.8	16,355,487.75	6.3
6	Pulau Pinang	20,101,578.00	5.5	17,550,949.00	5.5	14,827,874.50	5.7
7	Pahang	18,379,997.00	5.0	16,625,473.84	5.2	14,428,253.00	5.6
8	Kelantan	16,877,789.00	4.6	16,582,718.19	4.1	10,622,748.62	4.1
9	Negeri Sembilan	15,019,051.00	4.1	13,230,123.80	3.9	11,864,620.00	4.6
10	Kedah	18,275,109.00	5.0	12,487,629.23	5.2	15,674,921.90	6.1
11	Melaka	12,342,303.00	3.4	12,034,520.43	3.8	8,435,467.90	3.3
12	Sarawak	13,808,155.00	2.2	8,318,162.67	2.6	4,946,007.44	1.9
13	Sabah	6,183,540.00	1.7	5,331,116.09	1.2	3,319,594.00	1.3
14	Perlis	6,157,050.00	1.8	3,720,504.09	1.7	4,257,464.15	1.3
	Jumlah	373,924,167.00	100	320,368,660.00	100	258,698,918.05	100

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

BIL.	NEGERI	1999		1998		1997	
		(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%
1	Wilayah Persekutuan	36,018,248.99	18.4	45,770,559.20	23.1	52,850,927.00	26
2	Selangor	37,760,000.00	19.3	37,321,669.05	18.9	37,213,288.00	18
3	Johor	12,499,444.40	6.4	13,332,035.94	6.7	12,883,924.00	6.3
4	Terengganu	28,591,949.00	14.6	19,683,595.05	9.9	22,612,834.00	11
5	Perak	15,695,046.19	8.0	16,667,827.01	8.4	15,629,554.00	7.7
6	Pulau Pinang	10,388,466.96	5.3	10,662,531.32	5.4	9,716,224.00	4.8
7	Pahang	9,375,239.47	4.8	9,714,169.00	4.9	9,225,865.00	4.5
8	Kelantan	8,763,046.43	4.5	7,498,203.08	3.8	7,470,136.00	3.7
9	Negeri Sembilan	8,399,694.93	4.3	8,510,859.59	4.3	6,406,012.00	3.2
10	Kedah	9,533,087.90	4.9	9,865,453.38	5.0	11,171,432.00	5.5
11	Melaka	7,656,886.00	3.9	8,950,728.94	4.5	8,556,377.00	4.2
12	Sarawak	4,611,670.00	2.4	4,449,240.82	2.3	3,907,769.00	1.9
13	Sabah	2,469,199.40	1.3	2,377,404.84	1.2	3,203,206.00	1.6
14	Perlis	3,743,029.00	1.9	3,000,000.00	1.5	2,604,679.00	1.4
	Jumlah	195,506,008.67	100	197,864,322.00	100	203,455,228.00	100

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia


BIL.	NEGERI	1996		1995		1994	
		(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%
1	Wilayah Persekutuan	42,921,790.00	27	33,681,681.00	28	34,419,920.00	31
2	Selangor	27,923,700.00	18	13,178,868.00	11	13,861,337.00	13
3	Johor	9,888,358.00	6.2	8,398,475.00	6.9	7,749,688.00	7.1
4	Terengganu	17,867,214.00	11	15,895,318.00	13	10,128,839.00	9.2
5	Perak	12,069,152.00	7.6	11,224,838.00	9.2	9,814,064.00	9.0
6	Pulau Pinang	7,896,911.00	5.0	4,056,616.00	3.3	5,798,027.00	5.3
7	Pahang	8,306,877.00	5.2	7,161,835.00	5.9	4,878,610.00	4.5
8	Kelantan	5,870,265.00	3.7	4,827,781.00	3.7	3,594,483.00	3.3
9	Negeri Sembilan	6,325,940.00	4.0	4,520,975.00	3.7	3,528,613.00	3.2
10	Kedah	8,865,859.00	5.6	7,981,568.00	6.5	7,469,211.00	6.8
11	Melaka	6,054,373.00	3.8	7,062,620.00	5.8	4,454,604.00	4.1
12	Sarawak	3,018,909.00	1.9	2,511,297.00	2.1	2,400,000.00	2.2
13	Sabah	2,799,108.00	1.8	2,454,964.00	2.0	2,119,084.00	1.9
14	Perlis	2,202,193.00	1.4	1,666,150.00	1.4	1,522,970.00	1.4
	Jumlah	153,171,621.00	100	121,868,020.00	100	109,620,365.00	100

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Jadual 2: Keluasan Tanah Wakaf Di Malaysia

BIL.	NEGERI	WAKAF		JUMLAH
		KHAS	KHAS	EKAR (e)
1	Wilayah Persekutuan	5.47	22.07	27.54
2	Selangor	621.10E	442.15E	1063.25
3	Johor	1951A 2R 23.01P	3976A 2R 4.9P	5928
4	Terengganu	204.43E	43.01E	247.44
5	Perak	4474E 3R 30.02P	647E 1R 7P	5122
6	Pulau Pinang	22.21E	67.05E	89.26
7	Pahang	3984A 4.14R 4.08P		3985
8	Kelantan	171.54E	133.12E	304.66
9	Negeri Sembilan	1727.35E	61.25E	1788.60
10	Kedah	420 E	423.34E	843.34
11	Melaka	773.39E	69.97E	843.36
12	Sarawak	93.9168 hektar + 0.240E + 19489.2sq. Metres = 236.929E		236.929
13	Sabah	4.178E	25.42E	29.598
14	Perlis	218.69E	8.75E	227.44
Jumlah		14,815.787	5,919.83	20,735.61

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Rajah 1: Aliran Skim Wakaf

PENILAIAN KOMPREHENSIF KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT MENGIKUT PERSPEKTIF MAQASID AL-SYARIAH¹

Oleh:

Rosbi Abd Rahman²

Prof. Madya Dr. Sanep Ahmad³

Prof. Madya Datuk Dr. Hailani Muji Tahir⁴

ABSTRAK

Pada kebiasaannya penilaian terhadap keberkesanannya agihan zakat kepada fakir miskin lebih menekankan sudut ekonomi seperti peningkatan tahap pendapatan. Sekiranya agihan zakat dapat meningkatkan tingkat pendapatan maka agihan tersebut dikatakan berjaya dan jika sebaliknya maka ia dikatakan sebagai gagal. Namun ukuran keberkesanannya dalam perspektif Islam bukan hanya mengambil kira sudut petunjuk ekonomi yang menggambarkan tahap pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan seumpamanya, namun yang lebih penting ianya menekankan kepada penilaian yang lebih komprehensif yang merangkumi petunjuk-petunjuk sosial yang merangkumi aspek pendidikan, sudut psikologi dan perasaan penerima bantuan, hubungan sosial dengan masyarakat dan sebagainya. Berdasarkan pendekatan Islam sendiri matlamat kehidupan seseorang individu bukan bersandarkan kepada memenuhi keperluan material semata-mata. Keperluan seseorang individu mestilah bersandarkan hukum dan garis panduan yang telah ditetapkan. Seseorang Muslim perlu berpegang kepada konsep tauhid kepada Allah S.W.T. yang akan memandu mereka mencapai kejayaan bukan sahaja di dunia malahan di akhirat. Justeru itu, ukuran keberkesanannya bantuan yang disalurkan kepada golongan asnaf ini seharusnya dilihat dalam

¹ Artikel ini adalah merupakan sebahagian daripada kandungan asal kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Muamalat Kewangan Ekonomi Islam pada 20-21 Oktober 2009 di Hotel Equatorial Bangi, anjuran Fakulti Pengajian Islam dengan kerjasama EKONIS, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM.

² Pelajar PhD, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, 43600 UKM Bangi, Selangor.

³ Prof Madya, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, 43600 UKM Bangi, Selangor.

⁴ Prof Madya, Fakulti Pengajian Islam, 43600 UKM Bangi, Selangor.

konteks yang lebih luas iaitu sejauh mana ia dapat membantu mereka mencapai harta. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menyelidiki bagaimana penilaian ke atas kejayaan atau kegagalan sesuatu agihan zakat boleh dinilai secara komprehensif dari kesemua aspek sebagaimana dinyatakan oleh maqasid Al-Syariah. Kajian ini juga akan mengaplikasikan prinsip maqasid Al-Syariah ke atas Teori Maslow dan dengan menggunakan analisis CAST. Dapatkan kajian merumuskan bahawa penilaian secara komprehensif adalah lebih tepat bagi menilai keberkesanan prestasi agihan zakat berdasarkan kesemua elemen dalam maqasid Al-Syariah.

Perkataan Teras : Keberkesanan Agihan Zakat, Penilaian Komprehensif, *Maqasid Al-Syariah*, Teori *Maslow*.

Klasifikasi JEL : A13, K10, O15, Z12

PENGENALAN

Apabila sesuatu bantuan atau program dilaksanakan terhadap sesuatu golongan sasaran tertentu, maka persoalan yang seringkali diutarakan adakah ianya mencapai matlamat seperti yang dirancang, atau adakah ianya berjalan lancar tanpa sebarang masalah atau adakah ianya benar-benar memberikan faedah yang terbaik atau pulangan yang terbaik berbanding dengan kos atau perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menjayakan sesuatu program berkenaan. Maka penilaian program adalah amat penting digunakan untuk menilai keberkesanan sesuatu program. Justeru itu, penilaian terhadap keberkesanan agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin seringkali menjadi fokus perhatian masyarakat sebagai penanda aras bahawa pusat zakat menjaga kebijakan kedua-dua golongan ini dengan sewajarnya. Namun keberkesanan sesuatu program tidak harus dilihat dalam konteks yang terbatas iaitu dari sudut ekonomi atau sosial semata-mata sebaliknya perlu lebih komprehensif merangkumi pelbagai aspek. Penilaian keberkesanan program agihan bantuan dana zakat seharusnya dilihat dalam konteks yang lebih komprehensif berdasarkan *maqasid Al-Syariah*⁵ yang perlu dipelihara bagi menjamin kebijakan kehidupan manusia. Ia terdiri dari 5 perkara penting iaitu menjaga agama, akal, nyawa, harta dan keturunan.

Prinsip pertama dalam *maqasid Al-Syariah* iaitu memelihara kesucian agama (*al-din*) akan dapat memastikan setiap Muslim berpegang teguh kepada ajaran Islam dan tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya. Maka setiap tindakan dan usaha yang dilakukan termasuk dalam mencari rezeki dan memperbaiki taraf kehidupan akan mengikut lunas-lunas ajaran Islam. Prinsip kedua iaitu menjaga keselamatan nyawa (*al-nafs*) pula akan mendorong individu berusaha keras bagi memastikan mereka berupaya menjaga keselamatan diri dan keluarga. Maka sebarang tingkah laku mereka akan berteraskan kepada menjaga keharmonian dan tidak akan melakukan sesuatu tindakan yang akan mendatangkan bahaya atau merbahayakan nyawa sendiri dan pihak lain. Prinsip ketiga iaitu

⁵ *Maqasid Al-Syariah* telah diperincikan dengan sistematik oleh Iman Syatibi dalam kitabnya *Al-Muwafaqatt Fi Usul Al-Syariah*, Beirut, Dar Al-Ma'rifah, 1416H/1996M Jld 2.

memenuhi keperluan menjaga kewarasan akal dan fikiran (*al-aql*) akan mendorong setiap individu menggunakan kelebihan akal yang ada untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran untuk menjamin kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.

Seseorang individu juga mesti memenuhi prinsip keempat iaitu menjaga kehormatan diri dan maruah (*al-nasb*), ini bermakna mereka yang mampu menjaga batas-batas kehormatan diri, maruah dan nama baik keturunan secara tidak langsung akan dapat membantu membina masyarakat yang bermaruah di samping diri mereka sendiri akan lebih diterima dan dihormati. Mereka juga akan sentiasa berpegang kepada ajaran Islam dan tidak terdorong untuk melakukan sesuatu yang akhirnya merosakkan maruah diri dan keturunan. Prinsip kelima pula iaitu menjaga harta (*al-mal*), ini bermakna ajaran Islam tidak menghalang umatnya mengejarkekayaan asalkan harta yang diperolehi adalah dari kaedah dan sumber yang halal. Seseorang Muslim mesti bijak menggunakan peluang yang ada untuk mencari rezeki dan seterusnya menjaga harta benda demi kesejahteraan diri dan keluarga.

Oleh itu, kelima-lima prinsip dalam *maqasid Al-Syariah* ini adalah merupakan keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi oleh setiap individu bagi memastikan mereka membentuk ahli masyarakat yang berpandukan kepada prinsip syariat Islam. Maka di sini terdapat kewajarannya bahawa dalam mengukur keberkesanannya sesuatu bantuan seperti bantuan dana zakat dari segi keupayaannya mengubah taraf sosio-ekonomi hendaklah berdasarkan penilaian yang komprehensif berdasarkan prinsip *maqasid Al-Syariah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Pengukuran Keberkesanannya Mengikut ‘CAST’ Tool

Bagi tujuan mengukur keberkesanannya agihan bantuan dana zakat secara lebih komprehensif maka dicadangkan kaedah ‘*Change Assessment And Scoring Tool*’ (CAST). Kaedah CAST ini diguna pakai oleh pengkaji dari Denmark Birtha Mikkelsen (2005) dalam kajian mengenai keberkesanannya program-program pembasmian kemiskinan di bawah program DANIDA. Menerusi kaedah CAST ini ukuran

keberkesanan diperolehi apabila melihat kepada perubahan yang berlaku kepada responden apabila sesuatu program dilaksanakan, menerusi kaedah ini ukuran keberkesanan ditentukan oleh mereka yang terlibat dalam sesuatau program yang dilaksanakan. Perubahan ini akan diukur dalam 5 skala iaitu perubahan daripada yang paling positif (nilai 5), perubahan positif (nilai 4), tiada perubahan (nilai 3), perubahan tidak positif (nilai 2) dan kepada perubahan yang paling negatif iaitu perubahan sangat tidak positif (nilai 1). Model asal CAST yang diperkenalkan oleh Birtha Mikkelsen ini melihat ukuran keberkesanan sesuatu program dari 4 aspek/indikator utama iaitu dari segi *livehood, resources/services, knowledge* dan *human right*. Bagaimanapun, bagi tujuan kajian keberkesanan bantuan dana zakat ini, 4 aspek tersebut akan diubah suai dan digantikan dengan 5 aspek mengikut *maqasid Al-Syariah* iaitu melihat ukuran keberkesanan dari segi memenuhi matlamat seseorang individu untuk menjaga agama, kehidupan, akal, keturunan dan harta. Untuk mengukur sebarang perubahan yang dialami oleh responden terutama dari segi keupayaan memenuhi kelima-lima aspek berkenaan, maka dicadangkan menggunakan pendekatan berdasarkan Teori *Maslow*.

Teori *Maslow*

Teori *Maslow* yang juga lebih dikenali sebagai teori Hierarki *Maslow* diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow (1954)⁶ melihat kepada keperluan bagi individu untuk memenuhi 5 hieraki keperluan dalam hidupnya meliputi keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan diri dan akhirnya keperluan kesempurnaan kendiri. **Rajah 1** berikut menunjukkan rajah berbentuk piramid yang menggambarkan 5 hieraki keperluan berdasarkan Teori *Maslow*.

⁶ Berdasarkan Teori *Maslow* (1954) Dalam buku Teori: Abraham H. Maslow, 1970. *Motivation and Personality. Second Edition.* New York: Harper & Row.

Rajah 1: Teori Hierarki Maslow oleh Abraham H. Maslow, 1954




Menurut Teori Maslow, hierarki paling dasar yang perlu dipenuhi adalah keperluan fisiologi yang merangkumi keperluan asas, diikuti keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghormatan diri dan keperluan kesempurnaan diri. Menurut teori ini, kelima-lima keperluan ini memberikan motivasi kepada individu menjalani kehidupan.

Aplikasi Prinsip Maqasid Al-Syariah Ke Atas Teori Maslow

Berdasarkan prinsip *maqasid Al-Syariah* pula, menurut Iman Syatibi terdapat lima keperluan utama yang dipenuhi dan ianya dirujuk sebagai *maqasid dharuriyat* (keperluan asas) yang mengandungi lima perkara iaitu menjaga agama (*ad-din*) yang merupakan keperluan yang paling utama sekali, diikuti oleh menjaga jiwa (*al-nafs*), menjaga akal (*al-aql*), menjaga keturunan (*al-nas*) dan akhirnya menjaga harta (*al-mal*). Untuk tujuan kajian ini, kelima-lima prinsip *maqasid Al-Syariah* telah diaplikasikan dan diselaraskan ke dalam kelima-lima hierarki *Maslow* (rujuk **Rajah 2**).

Rajah 2: Aplikasi Prinsip Maqasid Al-Syariah Ke Atas Teori Hierarki Maslow⁷



HASIL KAJIAN

Latar Belakang Responden

Satu kajian telah dijalankan untuk mengukur keberkesanan agihan zakat berdasarkan prinsip *maqasid* Al-Syariah bagi penerima bantuan di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kajian ini dilaksanakan selama 3 minggu bermula 16 Mei hingga 07 Jun 2009. Maklumat latar belakang responden yang terlibat adalah diringkaskan seperti di dalam **Jadual 1**. Responden yang terpilih adalah 100 orang penerima bantuan zakat dari dua buah negeri iaitu seramai 41 orang (41%) daripada Selangor dan 59 orang (59%) di Wilayah Persekutuan.

⁷ Aplikasi dan penyesuaian prinsip *maqasid* Al-Syariah terhadap Teori *Maslow* tidak bermaksud untuk memberikan gambaran bahawa kedua-duanya adalah serupa sebaliknya bertujuan untuk mencari ciri-ciri persamaan antara kedua-duanya selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip Islam.

Majoriti responden adalah terdiri daripada perempuan seramai 61 orang (61%) dan bakinya seramai 39 orang (39%) adalah lelaki. Umur responden majoritinya adalah dalam lingkungan 25-55 tahun (84%). Majoriti kaum yang terlibat daripada bangsa Melayu (96%) dan selebihnya berbangsa Cina 2 orang dan berbangsa India 2 orang. Dari segi status perkahwinan, kebanyakan responden penerima bantuan adalah berkahwin (63%), diikuti golongan janda/ibu tunggal (29%), bujang (5%) dan duda (3%).

Didapati kebanyakan penerima bantuan menerima pendidikan formal sama ada di peringkat menengah rendah (SRP/PMR) seramai 38 orang, peringkat SPM (27 orang) dan tamat sekolah rendah 23 orang. Hanya 3 orang sahaja yang tidak menerima pendidikan formal, manakala terdapat 7 orang menerima pendidikan sehingga ke tahap STPM/Diploma dan seramai 2 orang lagi menerima pendidikan peringkat Ijazah. Sebahagian besar iaitu seramai 77 orang memiliki tahap kesihatan yang baik dan hanya 4 orang responden sakit berbahaya manakala selebihnya 19 orang sakit kurang berbahaya. Manakala dari aspek jumlah tanggungan responden didapati kebanyakan mereka hanya menanggung sekurang-kurangnya 1 hingga 3 orang (41%), manakala paling tinggi adalah mempunyai tanggungan seramai 4-8 orang (50%) dan selebihnya 9-12 orang seramai 4 orang dan 5% lagi dari kategori lain-lain. Kesimpulannya, berdasarkan latar belakang responden didapati dari segi fizikal mereka berkeupayaan untuk melakukan kerja/mencari nafkah dan majoriti terdiri daripada golongan yang masih bertenaga ditambah dengan tahap kesihatan yang baik. Malah kebanyakan mereka mendapat pendidikan asasi formal sekurang-kurangnya tamat sekolah hingga peringkat menengah. Menerusi gabungan latar belakang kesihatan, umur dan pendidikan formal dirasakan mereka merupakan sekumpulan yang mempunyai modal insan yang boleh dibangunkan dan mampu berdikari sekurang-kurangnya untuk menjana pendapatan bagi menyara kehidupan keluarga.

Jadual 1: Latar belakang Penerima Bantuan Modal Perniagaan

Latar Belakang Responden	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
1. Negeri		
Selangor	41	41
Kuala Lumpur	59	59
Jumlah	100	100
2. Jantina		
Lelaki	39	39
Perempuan	61	61
Jumlah	100	100
3. Umur		
< 25 tahun	2	2
25-34 tahun	12	12
35-44 tahun	26	26
45-55 tahun	46	46
>60 tahun	14	14
Jumlah	100	100
4. Bangsa		
Melayu	96	96
Cina	2	2
India	2	2
Jumlah	100	100
5. Status		
Bujang	5	5
Berkahwin	63	63
Duda	3	3
Janda/ibu tunggal	29	29
Jumlah	100	100
6. Pendidikan		
Tidak bersekolah	3	3
Tamat sekolah rendah	23	23
SRP/PMR	38	38
SPM/Sijil kemahiran	27	27
STPM/diploma	7	7
Ijazah	2	2
Jumlah	100	100
7. Tahap kesihatan		
Sihat	77	77
Sakit berbahaya	4	4
Sakit kurang berbahaya	19	19
Jumlah	100	100
8. Jumlah tanggungan		
1-3 orang	41	41
4-8 orang	50	50
9-12 orang	4	4
Lain-lain	5	5
Jumlah	100	100


Penilaian Komprehensif Terhadap Keberkesanannya Agihan

Berdasarkan penilaian komprehensif terhadap tahap keberkesanannya agihan bantuan modal perniagaan di kalangan responden, didapati bahawa majoriti responden adalah berjaya sekurang-kurangnya pada tahap sederhana bagi setiap lima (5) prinsip yang ditetapkan oleh *maqasid Al-Syariah* (rujuk **Rajah 3**). Daripada lima aspek yang dikaji dan petunjuk yang dibina berdasarkan aplikasi prinsip *maqasid Al-Syariah* ke atas Teori *Maslow* (rujuk **Lampiran 1**) tersebut, didapati prinsip kedua iaitu menjaga keperluan nyawa (*al-nafs*) dan keperluan keselamatan, telah mencapai penilaian pada kedudukan tahap berjaya bagi setiap elemen yang diuji. Ini bermakna mereka telah dapat memenuhi keperluan dari segi menyediakan tempat tinggal yang terjamin keselamatan (S1), keselesaan persekitaran (S2), ketenteraman dalam kehidupan (S3), ketenangan dalam pekerjaan (S4) dan kebebasan dalam menjalani kehidupan (S5). Ini memberikan petunjuk bahawa dengan adanya bantuan dana zakat ini telah memberikan harapan baru dan memberikan mereka keyakinan dapat memastikan kehidupan mereka berada pada tahap yang lebih selamat. Manakala bagi keempat-empat lagi prinsip yang dinyatakan dalam *maqasid Al-Syariah*, penilaian yang diberikan oleh golongan asnaf adalah gabungan di antara tahap berjaya dan sederhana bagi setiap prinsip berkenaan.

Prinsip *maqasid Al-Syariah* yang paling penting (pertama) adalah dari segi memenuhi keperluan menjaga agama (*al-din*). Maka berdasarkan petunjuk yang mengaplikasikan prinsip *maqasid Al-Syariah* dan Teori *Maslow* (keperluan menjaga agama dan keperluan kesempurnaan diri), didapati kebanyakan elemen adalah pada kategori berjaya kecuali dua item berada pada kategori sederhana iaitu kemampuan berdikari (D5) dan kemampuan membayar zakat (D6). Ini menunjukkan golongan asnaf masih tidak yakin dapat berdikari sepenuhnya dan juga tidak yakin untuk membayar zakat pada masa akan datang. Maka golongan ini perlu diberi pengawasan dan bimbingan yang sewajarnya untuk membolehkan mereka lebih yakin untuk berdikari tanpa bergantung kepada pihak lain dan pada akhirnya mampu mentransformasikan diri dari status penerima kepada pembayar zakat. Kejayaan mereka sehingga menjadi pembayar zakat bermakna membantu mereka memenuhi keperluan menjaga agama (*al-din*)

yang merupakan keperluan paling penting dalam *maqasid Al-Syariah*. Menjaga agama juga bermakna mematuhi segala perintahnya dan kewajiban membayar zakat adalah satu tuntutan Rukun Islam yang wajib ke atas umat Islam yang berkemampuan. Sekiranya mereka mampu menjadi pembayar zakat ini bermakna telah menunaikan keperluan Rukun Islam yang menjadi tuntutan ajaran Islam.

Rajah 3: Ukuran Keberkesanan CAST



Ukuran: Keberkesanan CAST

Berjaya	: 3.75 – 5.00 (75% ke atas)
Sederhana	: 3.00 – 3.74 (60% -74.9%)
Kurang Berjaya	: 1.00 – 2.99 (kurang dari 60%)

PRINSIP MAQASID DAN TEORI MASLOW	SCORE							
	D1 (4.30)	D2 (4.45)	D3 (4.04)	D4 (4.20)	D5 (3.73)	D6 (3.68)	D7 (4.40)	
Menjaga Agama (<i>al-din</i>) & Keperluan Kesempurnaan Diri								
Menjaga Nyawa (<i>al-nafs</i>) & Keperluan Keselamatan	S1 (4.01)	S2 (4.02)	S3 (3.84)	S4 (3.99)	S5 (3.99)			
Menjaga Akal dan Fikiran (<i>al-aql</i>) & Keperluan Kasih Sayang	K1 (3.82)	K2 (3.69)	K3 (3.62)	K4 (3.96)	K5 (3.51)			
Menjaga Maruah dan Keturunan (<i>al-nasb</i>) & Keperluan Penghormatan Diri	H1 (4.09)	H2 (4.09)	H3 (4.01)	H4 (3.08)	H5 (4.06)			
Menjaga Harta (<i>al-mal</i>) & Keperluan Fisiologi	F1 (3.80)	F2 (3.70)	F3 (3.95)	F4 (4.01)	F5 (3.53)	F6 (3.71)	F7 (3.76)	F8 (3.59)

Sumber: Hasil Kajian Rintis (16 Mei-7 Jun 2009) di Wilayah Persekutuan dan Selangor

Prinsip *maqasid* Al-Syariah ketiga adalah keperluan menjaga akal dan fikiran (*al-aql*). Maka berdasarkan petunjuk yang mengaplikasikan prinsip *maqasid* Al-Syariah dan Teori *Maslow* (keperluan menjaga agama dan keperluan kesempurnaan diri), elemen yang dikategorikan pada tahap berjaya adalah kasih sayang ahli keluarga (K1) dan keyakinan berinteraksi (K4). Di antara elemen yang masih berada pada kategori sederhana adalah dari segi keprihatinan terhadap jiran tetangga (K2), penyertaan aktiviti kemasyarakatan (K3), kemampuan bersuara dan memberikan idea (K5). Ini menunjukkan bahawa golongan asnaf masih tidak begitu aktif melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, kurang keprihatinan terhadap keperluan jiran dan kurang keyakinan dalam menyuarakan idea atau pandangan. Maka seharusnya perkara ini diberi perhatian dan golongan asnaf ini seharusnya perlu diberi dorongan dan latihan dan kursus yang berkala dari segi pembentukan karektor diri dan pembinaan insan untuk membolehkan mereka meningkatkan keupayaan diri dan mampu berhadapan dengan ahli masyarakat dan pada akhirnya berupaya memenuhi prinsip menjaga akal dan fikiran (*al-aql*).

Prinsip *maqasid* Al-Syariah keempat adalah dari segi menjaga maruah dan keturunan (*al-nasb*). Maka berdasarkan petunjuk yang mengaplikasikan prinsip *maqasid* Al-Syariah dan Teori *Maslow* (keperluan menjaga maruah dan keturunan dan keperluan

penghormatan diri), didapati kesemua elemen adalah pada kategori berjaya kecuali satu elemen yang berada pada kategori sederhana iaitu dari segi keberanian memegang jawatan (H4). Ini menunjukkan golongan asnaf fakir dan miskin masih tiada keberanian dan keyakinan diri untuk menawarkan dan memegang sebarang jawatan dalam sebarang persatuan atau organisasi NGO. Kemungkinan ini dipengaruhi oleh pandangan peribadi mereka dan rasa rendah diri mereka yang dianggap golongan fakir dan miskin di kalangan masyarakat setempat. Mereka seharusnya dibantu dan diberi galakan untuk berani memegang jawatan sebagai satu cara untuk meningkatkan tahap keyakinan tinggi dan memberikan penghormatan pada diri dan akhirnya mampu memenuhi keperluan dari segi menjaga nama baik dan keturunan (*al-nasb*).

Bagi prinsip *maqasid* Al-Syariah kelima iaitu keperluan menjaga harta (*al-mal*), berdasarkan petunjuk yang mengaplikasikan prinsip *maqasid* Al-Syariah dan Teori *Maslow* (keperluan menjaga harta dan keperluan fisiologi, elemen yang mencapai tahap berjaya adalah keperluan hidangan makanan yang mencukupi (F1), keperluan pakaian (F3), keperluan tidur dan rehat (F4), keperluan perbelanjaan dan keperluan perbelanjaan pendidikan (F7). Bagaimanapun, masih terdapat 3 elemen yang diberikan kategori sederhana iaitu keperluan barang dapur (F2), kemampuan membayar sewa rumah (F5), kemampuan membayar bil air (F6) dan keperluan rawatan (F8). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan golongan asnaf masih tidak mampu lagi berada pada tahap yang lebih selesa dalam menyediakan keperluan harian keluarga mereka seperti menyediakan keperluan makanan, bayaran bil dan keperluan rawatan kesihatan. Maka golongan asnaf ini masih perlu dibantu dan juga perlu berusaha lebih keras untuk memastikan mereka berupaya menjalani kehidupan yang lebih baik seperti golongan masyarakat yang lainnya.

Kesimpulannya, berdasarkan kelima-lima prinsip *maqasid* Al-Syariah ini didapati secara majoritinya golongan asnaf fakir dan miskin yang mendapat bantuan dana zakat berupaya untuk mengubah taraf sosio-ekonominya ke arah yang lebih baik jika dinilai dari perspektif memenuhi keperluan yang digariskan berdasarkan prinsip *maqasid* Al-Syariah itu. Walaupun tidak kesemua elemen dalam setiap prinsip *maqasid* adalah pada kategori berjaya tetapi setiap penerima bantuan

zakat telah menunjukkan peningkatan dalam sekurang-kurangnya satu kategori. Ini menunjukkan bahawa bantuan dana zakat telah membawa perubahan dan kejayaan kepada golongan asnaf walaupun bukan dalam aspek ekonomi. Bagi elemen dan aspek yang didapati berada dalam kedudukan sederhana atau lemah perlu diambil perhatian oleh pihak yang terlibat untuk memperbaiki kelemahan yang sedia ada. Berdasarkan analisa CAST ini, tindakan yang tepat boleh dilakukan oleh pihak berkuasa dan institusi zakat kerana ianya memberikan gambaran yang terperinci untuk setiap elemen yang dikaji sama ada perubahan berkenaan adalah menggalakkan atau sebaliknya. Justeru itu, kaedah pembetulan dan penambahbaikan kepada golongan asnaf fakir dan miskin dapat dilaksanakan.

RUMUSAN

Penilaian secara komprehensif bagi menilai keberkesanan agihan bantuan dana zakat dirasakan lebih tepat dan sesuai untuk dilaksanakan bagi menilai secara lebih terperinci sama ada terdapat sebarang perubahan dan peningkatan positif yang berlaku kepada golongan asnaf dalam pelbagai aspek. Maka penilaian berdasarkan prinsip *maqasid Al-Syariah* ini adalah satu alternatif yang terbaik untuk mengukur keberkesanan bantuan modal zakat serta dapat memberi gambaran yang lebih adil, terperinci dan tepat kepada semua pihak yang berkepentingan.

RUJUKAN

- Abd. Halim Mohd Noor, Rozman Hj. Md. Yusof dan Ahmad Che Yaakob, 2007. *Performance Indicator Model for Model for Zakat Institution*. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol 1, No. 2, 2007.
- Abraham H. Maslow, 1970. *Motivation and Personality*. Second Edition. New York: Harper & Row.
- Abu Bakar Sarpon, 2005. *Kajian Pengurusan Baitulmal Malaysia: Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Petugas Daripada Perspektif Islam*. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Abu Elias Sarker dan Muhammad Habibur Rahman, 2007. *The Emerging Perspective of Governance and Poverty Alleviation: A Case of Bangladesh*. Public Organize Rev (2007)7:93-112.
- Abu Sufian Abu Bakar, 2006. Baitulmal Dan Kemiskinan Di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat Dalam Bentuk Perniagaan. Dlm Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (ed). *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abul Hasan M. Sadeq, 2002. *Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation*. International Journal of Social Economics, Vol. 29 No. 1/2002. P135-151.
- Adnan Alias dan Mohamed Dahlan Ibrahim, 2002. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia. Sdn. Bhd.
- Afzal-Ur-Rahman, 1994. (Terjemahan: Othman Ahmad dan Mazni Othman) *Doktrin Ekonomi Islam*. Jilid IV. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Saleh, 1999. *Pelaburan Zakat Di Malaysia: Kajian di Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fuad Mohamed, 2006. *Zakat Sebagai Mekanisma Pembangunan Usahawan di Kalangan Asnaf*. Kertas Ilmiah Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Audit, Jamil, Muhamad Azmi dan Syed Abdul Hamid, 1990. *Zakat: A Case Study of Al-Qaradawi*, M. Yusof, 1987. *Fiqhuz-Zakat* (Hukum Zakat) terjemahan: Drs. Salman Harun, Drs. Didin Hafidhuddin dan Drs. Hasanuddin. Singapura: Pustaka Nasional, Pte. Ltd.

Al-Qaradawi, M.Yusof, 1998. *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam* (terjemahan: Mufti Latib Arsil Ibrahim). Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Syariah*, Beirut, Dar al-Ma'rifah, 1416H/1996M Jld 2.

Asmadi Muhamad Naim, 2003. *Maqasid Syariah. Tujuan Akhir Syariat*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Bernama.com. *Agihan Zakat Perlu Impak Besar Dalam Masyarakat*. 25 September 2007. http://www.bernama.com/bernama/v3/bm//news_lite.php?id=286883 (di akses pada 31.10.2008).

Chua Yan Piaw, 2006. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Emil J. Posavac dan Raymond G.Carey,1992. *Program Evaluation Methods and Case Studies*. Fourth Edition. United State of America: Prentice Hall.

Fuadah Johari, 2004. *Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka*. Disertasi Sarjana Syariah dan Ekonomi. Universiti Malaya.

Habib Ahmad.2004. *Role of Zakah and Awqaf in Poverty Alleviation*. Occasioanal Paper No 8, Islamic Development Bank Group, Islamic Research and Training Institute, Jeddah, Saudi Arabia.

Hailani Muji Tahir, 2009, *Maqasid Syariah dalam Pengurusan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Negara*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Maqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara Peringkat Kebangsaan 2009, 13 Julai 2009, Kota Bharu, Kelantan. Anjuran Jabatan Al-Syariah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Nor, 2004. *Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin*. Dlm Muhamad Muda et.al. *Proceeding on National Seminar in Islamic Banking and Finance 2004*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.

Hasan Bahrom dan Shawal Kaslam, 2007. Amalan Corporate Governance Dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Vol 1, No 2, 2007. P53-63.

Imran Ashraf Toor dan Abu Nasar, 2001. *Zakat As a Social Safety Net: Exploring The Impact*. Research Report No. 53, Interim Poverty Reduction Strategy Paper (I-PRSP), Government of Pakistan, November 2001.

Iqbal, Munawar.1998. "Zakat, Moderation and Aggregate Consumption in An Islamic Economy". Dlm Monzer Khaf (ed.) "Lesson in Islamic Economic, Vol.1". Jeddah: Islamic Research and Training Institute, IDB.

Iqbal, Zafar, 2000. "Economic Rationale for The State Collection of Zakah", *International Journal of Islamic Financial Services*, April-June, Vol.2, No.1.

Ishtiaq Hossain, 2000. *Micro-Credit and Good Governance: Models of Poverty Alleviation*. *Southeast Asian Journal of Social Science*. Volume 28 Number 1(2000):185-208.

Johari Jamain, 2004. *A Secret Recipe: Steps In Entrepreneurial Development Success*. Policy and Development. Volume 1 Number 1/2004 (June 2004). Pg.111-122.

Kahf, Monzer. 1998. *Zakat and Obligatory Expenditures*. Dlm Monzer Kahf (ed). Lesson in Islamic Economics. Volume 1. *Seminar Proceedings No 41*. Jeddah: Islamic Development Bank Islamic and Traning Institute. IBD.

M. Fahmi Khan dan Noor Muhammad Ghifari, 1992. *Shatibi's Objectives of Shari'ah and Some Implications For Consumer Theory*. Dlm Abul Hasan M. Sadeq dan Aidit Ghazali, eds. *Reading in Islamic Thought*, Petaling Jaya: Longman. Sdn. Bhd.

M. Kabir Hassan dan Juanyed Masrur Khan, 2007. *Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh. Journal of Economic Cooperation*, 28, 4 (2007),1-38.

Mabib Ali Al-Jahri, 2005. *Redistributive Justice In A Developed Economy: An Islamic Perspective*. Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Al-Haj dan Seminar Selangor 2005: Model Islam Sebuah Ekonomi Maju. Jabatan Mufti Selangor. P 38-69.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2007. *Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai Ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah*. Ucaptama Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, PWTC. 22 Mei 2007.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Laporan Tahunan 2007.

Mariani Abdul Majid, Md. Zyadi Md. Tahir dan Noorasiah Sulaiman, 1999. *Peranan Baitulmal Sebagai Agen Pembasmian Kemiskinan Penduduk (Umat) Islam Malaysia*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Masyhur, Rifaat Abd. Al-Latif, 2002. *Zakat: Sebagai Penjana Pembangunan Ekonomi Islam*. (Terjemahan: Hj. Abu Mazaya Al-Hafiz) Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Mikkelsen, Britha, 2005. *Methods of Development Work and Research. A New Guide For Practitioners*. Second Edition. New Delhi: Sage Publications India. Pvt. Ltd.

Mohamed Yusoff, 2006. *Fiscal Policy in Islamic Economy and The Role of Zakat*. IIUM Journal of Economic and Management 14, No.2 (2006) 117-145.

Mohammed Obaidullah, 2008. *Introduction to Islamic Microfinance*. International Institute of Islamic Business and Finance. IBF Education and Charitable Trust. India: IBF(Net)(P) Limited. Web.<http://www.iiibf.org>.

Mohd Arshad Hj. Taib, 1989. *Kemiskinan dan Penyelesaiannya Menurut Pandangan Islam*. Thesis PhD., Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhamad Loqman dan K.M. Golam Muhiuddin, 2003. *Zakat: An Instrument For Alleviating Poverty in Bangladesh: A Case Study of Chittagong District*. Dlm Shah Abdul Hassan (et al.) *Zakat and Poverty Alleviation*. Dhaka: Islamic Economics Research Bureau.

Muhamad Uda Kassim, 2005. *Zakat, Teori, Kutipan dan Agihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution.

Muhamed Dahlan Ibrahim, 2002. *Mengapa Islam Galakkan Keusahawanan Islam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Muhammad Yamin Ismail, 2007. *Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)*. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol.1, No.2, 2007. P45-52.

Mujani Tarimin, 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution.

Nasim Shah Shirazi, 2006. *Providing for The Resource Shortfall for Poverty Elimination Through The Institution of Zakat in Low Income Muslim Countries*, IIUM Journal of Economic and Management 14, No 1(2006) P1-27.

Nor Ghani Md. Noor, Mohd Ali Mohd Nor dan Abd. Razak Dan, 2002. *The Contribution of Zakat As An Income Creating Asset In Selangor and Wilayah Persekutuan Malaysia*. Jurnal Ekonomi Malaysia 36: 69-80.

Paramanik, A. Huq, 1998. *Pembangunan dan Pengagihan Dalam Islam* (terjemahan: Amar Said) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Patmawati Ibrahim, 2005. *Potential Role of Zakat Distribution in Reducing Inequality Among the Muslim Society*. Dlm Abdullah Alwi Hj. Hassan et al. *Teori dan Applikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Patricia Sloane, 1999. *Islam, Modernity and Entrepreneurship Among Malay*, London: Macmillian Press Ltd.

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Laporan Zakat 2006.

Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008. *Pelaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan*. Kertas Kerja yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia 20-22 Ogos 2008, Port Dickson, Negeri Sembilan. Anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Hussain, 2007. *Maqasid Al-Syariah Hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam, Selangor. Karya Bestari Sdn. Bhd.

Rossi, P.H, Lipsey, M.W & Freaman. H.E 2004. *Evaluation A Systematic Approach*. Seventh Edition. California: Sage Publishers, Inc.

Rusdy Hartungi, 2007. *Understanding The Successful Factor of Micro Finance Institution in a Developing Country*. International Journal of Social Economics Vol. 34, No 6(2007). P 388-401.

Sadeq, Abu Hassan Muhamed, 2003. *Pembangunan Ekonomi dalam Islam* (terjemahan: Rohani Sulaiman) Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Sanep Ahmad, 2004. *Kepatuhan Bayaran Zakat Kepada Institusi Formal Kutipan Zakat*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shofian Ahmad dan Amir Mulia Mohd Nor, 2002. *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Shukeri Mohamad, 2009, *Maqasid Syariah dalam Pengurusan Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Maqasid Syariah dalam pentadbiran Negara Peringkat Kebangsaan 2009, 13 Julai 2009, Kota Bharu Kelantan, Anjuran Jabatan Al-Syariah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

Supardi. 2005. *Zakat Organization and Poverty Alleviation; A Macro Social Work and Community Development Perspectives*. Thesis Master, School of Graduate Studies, State Islamic University Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia.

Surtahman Kastin Hassan, 1996. *Kemiskinan dan Pembasmian Kemiskinan Mengikut Perspektif Islam*. Dlm Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris (ed) *Kemiskinan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Othman Al-Habsi, 1996. *Poverty Eradication From Islamic Perspectives*: <http://vlib.unitar.kl.edu.my/staf.Publications/datuk> (akses pada 11 Ogos 2007).

Syed Othman Al-Habsi, 1998. *Zakat Di Malaysia. Kesannya Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Orang Islam Di Pulau Pinang*. Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan 5-6 Nov 1998, Universiti Sains Malaysia.

Wahbah Al-Zuhaily, 1969. *Nazariyyat Al-Daruriyat Al-Shariyyat*, (dimashq: maktabat Al-Farabiyy, 1969/1389) hlm. 49. Dlm Mohd Arshad Hj. Taib, 1989. *Kemiskinan dan Penyelesaiannya Menurut Pandangan Islam*. Thesis PhD., Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Xavier, John Antony. 2000. *Effecive Evaluation: A Practical Guide*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Admistration (INTAN).

Lampiran 1**PRINSIP MAQASID & TEORI MASLOW****PETUNJUK****1) Menjaga Agama (*al-din*) & Keperluan Kesempurnaan Diri**

- D1: Berkelakuan Baik Terhadap Diri dan Keluarga
- D2: Kepercayaan Terhadap Kebolehan Diri
- D3: Berkeyakinan Membebaskan dari Kemiskinan
- D4: Bersemangat Melibatkan Diri dalam Latihan
- D5: Berkemampuan Berdikari
- D6: Berkeyakinan Mampu Menjadi Pembayar Zakat
- D7: Memahami Matlamat Mencapai Keredhaan Allah Dunia Akhirat

2) Menjaga Nyawa (*al-nafs*) & Keperluan Keselamatan

- S1: Keselamatan Tempat Tinggal
- S2: Keselesaan Persekutaran
- S3: Ketenteraman dalam Kehidupan
- S4: Ketenangan dalam Pekerjaan
- S5: Kebebasan dalam Kehidupan

3) Menjaga Akal dan Fikiran (*al-aqal*) & Keperluan Kasih Sayang

- K1: Kasih Sayang Ahli Keluarga
- K2: Keprihatinan Jiran Tetangga
- K3: Penyertaan Aktiviti Kemasyarakatan
- K4: Keyakinan dalam Berinteraksi
- K5: Kemampuan Bersuara

4) Menjaga Maruah dan Keturunan (*al-nasb*) & Keperluan Penghormatan Diri

- H1: Penghargaan dan Kepercayaan Ahli Keluarga
- H2: Penghormatan dari Ahli Keluarga
- H3: Penghormatan dari Jiran
- H4: Keberanian Memegang Jawatan
- H5: Bertanggungjawab dan Amanah

5) Menjaga Harta (*al-mal*) & Keperluan Fisiologi

- F1: Hidangan Makanan Mencukupi
- F2: Keperluan Barang Dapur
- F3: Keperluan Pakaian
- F4: Keperluan Tidur dan Rehat
- F5: Kemampuan Membayar Sewa Rumah
- F6: Kemudahan Bekalan Air
- F7: Kemampuan Perbelanjaan Pendidikan
- F8: Keperluan Rawatan

KEDAH FIQHIYYAH DALAM MUAMALAT MALIYAH

Oleh:

Mohd Najib Syukri Soghiri¹

Hasan Hafizi Hanapi²

ABSTRAK

Artikel ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat dalam bermuamalat berlandaskan Islam dan bertepatan dengan syarak. Terdapat lapan (8) kaedah bermuamalat yang akan dibincangkan secara mendalam bagi memberi gambaran yang lebih jelas agar ianya dapat memantapkan lagi sistem ekonomi Islam di negara ini.

Perkataan Teras : Muamalat, Kaedah Muamalat, Riba, Gharar, Sistem Ekonomi.

Klasifikasi JEL : Z12, M14, E30, N25

¹ Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah, Kementerian Pelajaran Malaysia.

² Pengarah, Bahagian Mal, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

PENDAHULUAN

Sesungguhnya Islam mencakupi dua bidang perhubungan manusia yang utama iaitu hubungan dengan Tuhan dan hubungan manusia dengan masyarakatnya. Ini adalah kerana Islam bukan sahaja menekankan amalan di dunia semata-mata, malah merentasi alam akhirat. Alangkah indahnya bagi mereka yang dapat menghayati dan mengamalkan sistem Islam yang *syumul* (menyeluruh) sifatnya. Daripada sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besarnya sudahpun termaktub dalam ajaran Islam. Sebab itu, kita membenarkan slogan “Islam sebagai satu cara hidup manusia”. Antara cabang dalam Islam ialah penekanan pada aspek muamalat.

Secara umumnya, konsep muamalat ialah segala aktiviti dan hubungan di antara manusia dengan manusia. Konsep muamalat ini amat luas skopnya dan memadailah pada artikel ringkas ini yang menjadikan sistem ekonomi Islam sebagai tajuk pengkhususannya. Hakikatnya, sistem ekonomi Islam sebenarnya bertunjangkan kepada akidah yang kuat kerana dengan tunjangan akidah inilah, sistem ekonomi Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ini kerana pelaksana kepada sistem ekonomi Islam ini sewajarnya mengetahui segala tindakan yang dibuat mestilah selari dan selaras dengan pandangan Allah S.W.T. Dengan itu, akan lahirlah keredhaan daripada-Nya. Prinsip dalam ekonomi Islam mementingkan perkara-perkara berikut:

1. Sesuatu urus niaga yang dilaksanakan hendaklah bertepatan dengan syariat Allah S.W.T. kerana dengan berpandukan kepadanya, kita bakal memperolehi keuntungan duniawi dan *ukhrawi*. Usaha ini memerlukan kepada pengetahuan dan pemahaman yang betul mengenai persoalan halal dan haram terhadap sesuatu transaksi. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam”.

(Surah Al-An'am (6): Ayat 162)

2. Pelaksanaan sistem ekonomi sewajarnya mementingkan konsep keadilan dan kepentingan sangat. Perkara ini jelas dengan memahami bahawa setiap manusia mempunyai hak-hak yang tertentu perlu dipenuhi secara saksama. Maksud firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“(Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (S.A.W.) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya”.

(Surah Al-Hashru: Ayat 7)

3. Keikhlasan dalam memperjuangkan sistem ekonomi Islam ini mesti bergerak seiring dengan usaha tersebut agar ianya akan membawa hasil yang cukup cemerlang dan bersesuaian dengan pandangan Islam. Firman-Nya lagi yang bermaksud:

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar”.

(Surah Al-Bayyinah: Ayat 5)

MUAMALAT

Pengertian muamalat dari segi bahasa berasal daripada perkataan *al-'amala* (عمل) iaitu semua perbuatan yang dikehendaki oleh seorang mukallaf (orang yang telah dibebani dengan syariat). Menurut istilah pula ialah sesuatu yang di luar ibadat. Terdapat dua pendapat yang termasuk di dalam kategori muamalat iaitu:

1. Menurut pendapat mazhab Maliki, Syafie dan Hambali, muamalat adalah pertukaran harta dan yang berhubungan dengannya seperti jual beli, sewa-menyewa, perkongsian, gadaian, perwakilan dan yang sejenis dengannya; dan

2. Muamalat yang berhubungan dengan maslahah manusia dan yang selainnya seperti pembebasan hamba, kepenggunaan, amanah, warisan dan pernikahan. Ianya menurut pendapat mazhab Hanafi.

HARTA

Pengertian harta (**المال**) dari segi bahasa ialah barang yang benar-benar dimiliki dan dikawal oleh seseorang sama ada pada 'ain atau manfaatnya. Harta menurut istilah ialah: "*Hua kullu 'ainin mubaahatun naf'i bilaa haajatin*" (هو كل عين مباحة نافع بلا حاجة) iaitu semua benda yang dibolehkan dalam penggunaannya yang bukan disebabkan keperluan. Ayat tersebut membawa maksud bahawa benda tersebut pada asalnya memang halal dan bukan benda yang halal lantaran dalam keadaan darurat.

Contoh benda yang halal kerana keperluan ialah bangkai di mana apabila dalam keadaan darurat, ianya boleh digunakan. Bangkai tidak termasuk dalam kategori harta atau alat. Muzik yang diharamkan dalam penggunaannya, maka ianya dikira bukan harta. Contohnya ialah: emas, perak, beras, rumah, kereta dan lain-lain.

Ahli-ahli *fiqh* membahagikan harta kepada beberapa bahagian yang mempunyai hukuman yang berlainan mengikut bahagian masing-masing iaitu:

1. Dari sudut harus dan haram menggunakan sama ada bernilai dan tidak bernilai;
2. Dari sudut kekal dan tidak kekal di tempatnya iaitu harta alih dan tidak alih;
3. Dari segi unitnya iaitu *mithliy* (ada bandingan) dan *qimiy* (tidak mempunyai bandingan); dan
4. Dari segi kekal dan tidak kekal pada zatnya selepas menggunakan iaitu *istihlak* (pakai habis) dan *isti'mal* (harta yang boleh digunakan dan zatnya tetap kekal).

Fiqh Muamalat Maliyyah meliputi dua keadaan, iaitu:

- a. *Ahkam al-Mu'awadhat* (أحكام المعاوضة): Muamalat yang bertujuan untuk mencari keuntungan, perusahaan, perniagaan dan lain-lain. Contohnya: jual beli, sewa-menyewa, syarikat dan lain-lain; dan
- b. *Ahkam al-Tabarru'at* (أحكام التبرعات): Muamalat yang bertujuan untuk memudahkan orang lain untuk berbuat baik yang pada asalnya adalah satu sedekah seperti hadiah, wakaf, wasiat, hibah dan lain-lain.

A. KAEADAH PERTAMA

“*Al ashlu fil mu'amalaati al-hillu*” (الأصل في المعاملة الحل) yang bermaksud hukum asal dalam muamalat adalah halal.

Penjelasannya:

Kaedah tersebut adalah pendapat bagi *jumhur ulama*. Kaedah ini membawa maksud bahawa semua akad di antara kedua-dua belah pihak secara umumnya adalah halal/mubah. Tidak kiralah sama ada muamalat tersebut telah wujud sejak awal lagi ataupun belum kecuali sekiranya terdapat dalil sahih yang melarangnya.

Dalil pensyariatan bagi kaedah yang pertama, antaranya:

1. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Mai'dah ayat 1 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihilalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang ia kehendaki”.

2. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Isra' ayat 34 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya”.

3. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-An'am ayat 145 yang bermaksud:

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai atau darah yang mengalir, atau daging babi – kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah”. Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

4. *“Sesungguhnya orang yang paling besar kejahatannya adalah orang yang bertanyakan tentang sesuatu yang tidak diharamkan, kemudian menjadi haram lantaran daripada pertanyaannya itu”.*

(Muttafaqun 'alaih)

B. KAEDAH KEDUA

الأصل في الشروط في المعاملة الحل والإباحة إلا بالدليل

“Al ashlu fis Syuruuthi fil muamalati al-hillu wal ibaahati illa bi dalilin” yang bermaksud hukum asal bagi syarat-syarat yang ditetapkan dalam muamalat adalah halal dan mubah kecuali sekiranya terdapat dalil yang mengharamkannya.

Penjelasannya:

Ianya merupakan pendapat *jumhur* ulama. Semua syarat yang telah diajukan oleh si pelaku transaksi sama ada syarat itu merupakan tuntutan transaksi/syarat untuk kemaslahatan yang pada asalnya dibolehkan.

Syarat bagi kaedah yang kedua boleh berlaku dalam tiga bentuk atau keadaan, iaitu:

1. Sebelum akad (dalam proses transaksi);
2. Ketika dalam waktu *khiyar* (menunggu/mempertimbangkannya); dan
3. Ketika akad tersebut disepakati.

Bagi syarat yang sahih (syarat yang tidak bertentangan dengan tuntutan akad dan tidak pula bertentangan dengan maksudnya serta memiliki maslahat untuk akad tertentu), ianya terbahagi kepada tiga syarat, iaitu:

1. Syarat yang termasuk dalam tuntutan transaksi seperti pembayaran tunai dan lain-lain;
2. Syarat yang termasuk dalam kemaslahatan akad seperti syarat tempoh pembayaran, gadaian dan lain-lain; dan
3. Syarat menggunakan barang yang diperdagangkan seperti menggunakan kenderaan terlebih dahulu selama beberapa hari oleh si pembeli.

Dalil pensyariatan yang berkaitan dengan kaedah yang kedua ialah:

1. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Mai'dah ayat 1 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihilalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya

binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang ia kehendaki”.

2. “Kaum Muslimin bersama syarat-syaratnya” (Hadis Riwayat al-Bukhari).

Contoh senario yang berkaitan dengan kaedah yang kedua ialah:

- a. Menjual barang dengan bersyarat iaitu barang yang sudah dibeli itu tidak boleh ditukar atau dikembalikan lagi oleh pihak pembeli. Ianya tidak dibolehkan dan tidak dibenarkan dalam syariat kerana ianya mengandungi unsur kemudaran. Pembeli harus tetap membeli barang tersebut meskipun barang itu mempunyai unsur kecacatan di dalamnya. Syariat telah menetapkan beberapa syarat yang sudah berlaku dan ianya sama seperti syarat yang berupa ucapan, di mana hal ini dimaksudkan agar pembeli selamat dari kecacatan sehingga dapat mengembalikan barangannya (ringkasan jawapan *Al-Lajnah Ad-Daa-imah Lil Buhuuts Al-Ilmiyah Wal Ifta*).
- b. Menjual barang yang disertai dengan jaminan. Contohnya: “Awak belilah barang ini dari saya dan jika ada yang lebih murah, kami akan gantikan dengan yang seumpama dengannya”. Syarat seperti ini akan gugur dengan sendirinya sedangkan jual belinya tetap sah. Kesan yang timbul daripada akad jual beli ialah berpindahnya barang jualan yang merupakan milik penjual kepada pembeli setelah dibayar secara penuh atau sempurna. Setelah selesai aktiviti jual beli tersebut, pembeli mempunyai hak mutlak kepada barang tersebut dan keuntungan atau kerugian menjadi milik atau tanggungan pembeli.

C. KAEDAH KETIGA

الأصل هو العدل في كل المعاملة و منع الظلم و مراعاة مصلحة الطرفين و رفع الضروري عنهم

“Al ashlu hual ’adlu fi kullil mu’aamalaati wa man’uz zulmi wa muraa’aatu mashlahatith tharafaini wa raf'u adh-dhorori ‘anhuma”

yang bermaksud pada asalnya, dalam setiap muamalat adalah adil dan dilarang berbuat zalim serta memperlihatkan kemaslahatan dan menghilangkan kemudaratan antara kedua-dua belah pihak.

Penjelasan:

Ianya adalah kaedah menurut *ijma'* ulama. Pada asalnya, akad transaksi mestilah berlaku secara adil dan saksama. Kezaliman amatlah dilarang dan wajib berlaku adil dalam semua keadaan. Perbuatan zalim terhadap orang lain adalah dilarang sama ada kepada mereka yang Muslim ataupun kafir. Perniagaan dan muamalat adalah salah satu punca yang utama untuk manusia berkelakuan zalim dan memakan harta orang lain secara batil. Maka larangan untuk berkelakuan zalim dan pengharamannya adalah penting dalam muamalat dan perniagaan.

Dalil pensyariatan yang berkaitan dengan kaedah ketiga ialah:

1. Firman Allah S.W.T. dari Surah An-Nisa' ayat 58 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat".

2. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)".

3. Firman Allah S.W.T. dari Surah An-Nisa' ayat 29 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuhan-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu".

4. Sabda Rasulullah S.A.W.: "Sesungguhnya darah, harta dan kehormatan kamu diharamkan ke atas kamu sebagaimana haramnya hari kamu ini, pada bulan kamu ini, pada negeri kamu ini".

(Hadis Riwayat Muslim)

5. "*Dengan apa salah seorang kamu mengambil harta saudaranya tanpa hak*".

(Hadis Riwayat Muslim)

6. "*Apabila dua orang berjual-beli, maka setiap orang memiliki hak untuk memilih selama sebelum berpisah dan keduanya sepakat atau salah satunya memberikan pilihan kepada yang lainnya lalu terjadi jual beli atas hal itu, maka wajib terjadi jual-beli dan bila telah berpisah setelah akad jual beli dan tidak ada yang menggagalkannya, maka wajib jual belinya*".

(Muttafaqun 'alaih)

7. "*Setiap Muslim diharamkan atas Muslim yang lain baginya menumpahkan darahnya, mengambil hartanya dan mencabul kehormatannya*".

(Hadis Riwayat Muslim)

Larangan Berkelakuan Zalim Dalam Muamalat:

1. *Al-Ghisy* (penipuan), contohnya berlaku percampuran di antara barang dagangan yang bagus dengan yang cacat sehingga semua barang dagangannya kelihatan bagus;

1. *Al-Najsy*, iaitu tambahan pada harga satu barang dagangan daripada orang yang tidak ingin membelinya agar orang lain terpengaruh kepadanya. “*Sungguh Nabi S.A.W. milarang al-Najsy*”.

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

3. Jual beli setelah saudaranya mengadakan persepakatan dengan saudaranya yang lain; dan
4. *Tas'ier (Price Fixing)* iaitu campur tangan pihak berkuasa dalam pengendalian dan penetapan harga. Begitu juga halnya dengan barang dagangan yang sudah diberi cukai harga dan tidak boleh dilakukan tawar-menawar. *Tas'ier* ini tidak dapat mewujudkan *Taradhi* (saling meredhai).

Dari Anas bin Malik: “*Sesungguhnya harga-harga barang amat mahal di zaman Nabi lalu mereka berkata, “Wahai Rasulullah, tetapkanlah harga untuk kami!” Lalu beliau menjawab, “Sesungguhnya Allah adalah penetap harga, Yang Menyempitkan dan Melapangkan serta Maha Pemberi Rezeki, dan sungguh aku berharap menjumpai rabb-ku dalam keadaan tidak ada seorang pun dari kamu yang menuntutku dengan sebab kezaliman dalam darah dan harta”*.

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Dalam hadis ini, Nabi S.A.W. tidak melakukan *Tas'ier* kerana ia hanya mengandungi unsur kezaliman, namun para ulama telah mengecualikannya dalam beberapa keadaan, iaitu:

1. Dengan adanya keperluan manusia terhadap barang tersebut;
2. Adanya unsur penimbunan oleh pengeluar dan pedagang; dan
3. Penjualan terbatas hanya kepada milik sebilangan orang sahaja.

D. KAEDAH KEEMPAT

Man'ul Gharari (منع الغرار) yang membawa maksud larangan *al-Gharar*. *Al-Gharar* dari segi bahasa ialah kekurangan, pertaruhan (*al-Kathr*), menjerumuskan diri ke dalam kehancuran serta kesamaran atau tipu daya. Menurut pengertian sebahagian pendapat ulama, jual beli *al-Gharar* adalah semua jenis jual beli yang mengandungi ketidakjelasan, kesamaran, pertaruhan atau perjudian dan semua yang tidak diketahui akan hasilnya serta hakikat dan ukurannya.

Kaedah keempat ini disebut *al-Gharar* kerana ianya tidak jelas terhadap hasilnya iaitu yang berkaitan mengenai untung dan rugi sama ada unsur *gharamya* itu berlaku pada akad transaksi, pembayaran ataupun tempoh pembayaran. Sesuatu kontrak yang mempunyai unsur penipuan adalah membatalkan akad jual beli kerana Rasulullah S.A.W. melarang jual beli yang berkemungkinan untuk ada atau tiada.

Dalil pensyariatannya:

“Rasulullah S.A.W. melarang jual beli *al-Hashah* dan jual beli *al-Gharar*.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Al-San'ani berpendapat jualan secara *al-gharar* boleh berlaku dalam beberapa bentuk iaitu:

1. Barang yang tidak boleh diserahkan seperti jual beli kuda yang berkeliaran atau unta yang sesat;
2. Barang yang hendak dijual itu tidak ada ataupun tidak diketahui tentang keberadaannya; dan
3. Penjual tidak memiliki seperti menjual ikan yang hidup di dalam air yang banyak.

Syarat-syarat Jual Beli *Al-Gharar*

Syarat unsur jual beli *al-gharar* yang dilarang ialah:

1. Berlaku banyak unsur *gharar* pada akad transaksi (*an yakun al gharar u katsiron ghooliban' alal' aqdi*) (أَنْ يَكُونَ الْغَرَارُ كَثِيرًا غَلَبًا عَلَى الْعَدْ). Perbuatan *al-Gharar* yang sedikit adalah dibolehkan dan ianya tidak merosakkan akad. Contohnya: Masuk ke tandas awam dengan dikenakan bayaran. Ianya adalah *gharar* kerana setiap orang berbeza dalam penggunaan air tetapi dalam hal ini ianya dibolehkan dan dimaafkan oleh syariat kerana penggunaannya yang sedikit;
2. Keperluan umum yang membawa kepada unsur *gharar* (*ala' tad 'ul haajatu ila hadzal Gharari haajatan 'aamatan*) (على تدع الحاجة إلى هذا الغرار حاجة عامة). Ibnu Taimiyah menyatakan bahawa syariat tidak mengharamkan aktiviti jual beli yang amat diperlukan oleh manusia walaupun terdapat unsur *gharar* dalam jual beli, bahkan beliau membolehkan kesemua benda atau perkara yang diperlukan oleh manusia. Namun kaedah ini haruslah diwujudkan keperluan tersebut dengan yakin dan tidak ada jalan penyelesaian syariat yang selain daripadanya;
3. Menghindarinya dalam jual beli adalah tidak menjadi satu kepayahan dalam sesuatu transaksi. Menurut *ijma'* ulama, unsur *gharar* dalam aktiviti jual beli yang tidak boleh dihindarinya maka dibolehkan. Contohnya: Membeli binatang yang sedang bunting dan tidak diketahui jantina kandungannya sama ada jantan atau betina. Ianya juga disebut sebagai *gharar* namun ianya amat sukar untuk menghindarinya; dan
4. Terdapat unsur *gharar* pada akad *mu'awadhabh* (akad yang tujuannya adalah untuk mengambil keuntungan). *Gharar* yang ada pada muamalat *mu'awadhabh* adalah dilarang seperti pada jual beli, pinjam-meminjam, sewa menyewa serta unsur-unsur lain. Adapun unsur *gharar* pada akad *Tabaru'at* (الترعات) pula ialah:

- a. Dibolehkan seperti pada sedekah, hadiah, hibah dan lain-lain. “Maka seseorang yang membawa sekumpulan bulu rambut (seperti wig) di tangannya dalam keadaan berdiri, lalu berkata, “Aku mengambil ini untuk memperbaiki pelana kudaku’. Maka Rasulullah S.A.W. bersabda, “Adapun yang menjadi hakku dan bani Abdul Mutholib, maka ini untukmu” (Hadis Riwayat Abu Dawud dan dihasankan al-Albani dalam Irwa’ Al-Ghalil 5/36-37).
 - b. *Gharar* juga berlaku pada akad *Tabaru’at*. Ianya menurut pendapat *jumhur* ulama namun yang paling rajih adalah pendapat yang pertama. Contoh *al-Gharar* pada akad *Tabaru’at* ialah: Seseorang memberi hadiah namun tidak jelas akan jenis, jumlah serta ukuran dan lain-lainnya.
5. Terdapat unsur *gharar* yang berlaku pada asalnya bukan pada sampingannya (*yughtafaru fii syai in idzaa kaa na taa bi'an maa laa yughtafaru idzaa kaa na ashlan*) (يغقر في شيء إذا كان تابعاً ما لا يغقر إذا كان أصلاً). | Makna asal dan sampingan tersebut adalah: Contohnya seseorang yang ingin menjual komputer, ternyata komputernya telah *diinstall windowsnya* maka komputer tersebut adalah *asalnya* dan *windows* tersebut adalah *sampingannya*.

Abdullah bin Umar R.A. mengatakan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: “Barangsiapa yang membeli pohon kurma yang telah berputik, maka buahnya milik penjual, kecuali pembeli mensyaratkannya dan siapa yang membeli dan hamba tersebut memiliki harta, maka harta tersebut adalah milik penjual, kecuali pembeli mensyaratkannya”.

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Contoh aktiviti jual beli yang terdapat unsur *gharar* ialah:

1. Jual beli *al-Hashah* (*Bai’ al-Hashah*).

Dari Abu Hurairah R.A.: “Bahawasanya Nabi S.A.W. melarang *jual beli al-Hashah* dan *jual beli gharar*”.

(Riwayat Muslim)

Contohnya: Seseorang memberi temannya batu dan menyatakan: "Lemparkanlah batu ini di atas tanahku dan sejauhmana lemparan batu tersebut kamu di atas tanah, maka ianya menjadi milikmu dengan membayar sekian dirham". Apabila lemparannya kuat maka pembeli akan mendapat keuntungan dan penjual akan mengalami kerugian. Sekiranya lemparan tersebut lemah, maka akan berlaku sebaliknya iaitu pembeli mengalami kerugian dan penjual mendapat keuntungan.

2. Jual beli *Mulamasah* (sentuh-menyentuh) dan *Munabazah* (campak-mencampak). Abu Sa'id al-Khudri R.A. menyatakan: "Rasulullah S.A.W. melarang jual beli secara sentuh-menyentuh (*mulamasah*) dan campak-mencampak (*munabazah*)".
(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Contoh dalam jual beli *Mulamasah*: Ali menyatakan kepada temannya iaitu Yusuf: "Apa sahaja pakaian yang sudah kamu pegang, maka ianya akan menjadi milik kamu apabila kamu membayar harganya". Sekiranya Yusuf memegang baju yang mahal maka Ali akan mengalami keuntungan dan seandainya Yusuf memegang baju yang murah harganya maka Ali akan mengalami kerugian.

Jual beli *Munabazah*. Ianya terjadi apabila seseorang menyatakan: "Kamu ambil batu ini, lalu lemparkanlah kepada pakaian-pakaian tersebut dan pakaian yang terkena lemparan bahan itu, maka ianya akan menjadi milikmu setelah kamu membayar harganya".

3. Jual beli anak dari janin yang masih di dalam kandungannya (بيع حبة الحبالة). Hadis dari Ibnu 'Umar R.A.: "Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. melarang jual beli anak dari janin yang dikandungnya".
4. Jual beli buah sebelum nampak keberhasilannya (بيع الثمر قبل بدوى صلاحها). "Nabi S.A.W. melarang jual beli buah-buahan sehingga nampak hasilnya untuk menjadi buah" (Muttafaqun 'alaih). Ianya disebabkan dengan adanya kemungkinan untuk menjadi rosak terhadap buah tersebut sebelum pembeli dapat menggunakaninya.

5. Insurans (*Ta'mien*).

Insurans didefinisikan sebagai sebuah sistem untuk menghilangkan bebanan bagi mereka yang kehilangan sumber kewangan (kebakaran atau kemalangan atau sebagainya) dengan menyalurkan bantuan tersebut daripada seseorang atau sesebuah badan lain.

Terdapat tiga jenis *gharar* di dalam jual beli, iaitu:

1. Jual beli barang yang belum wujud (*Ma'dum*).
2. Jual beli barang yang tidak jelas (*Majhul*).
Contohnya: "Saya menjual kereta ini kepada kamu". Namun jenis, sifat dan ukurannya tidak diketahui dengan jelas.
3. Jual beli barang yang tidak mampu diserah terima contohnya, menjual kenderaan yang dicuri.

Hikmah Larangan *Gharar*

Hikmah larangannya adalah kerana jual beli yang mengandungi unsur-unsur *gharar* ini mengakibatkan seseorang itu memakan harta orang lain dengan cara haram. "*Tidakkah kamu berfikir, sekiranya Allah tidak mengizinkan buah itu untuk tumbuh, dengan alasan apakah si penjual itu memakan harta pembelinya?*" (Hadis Riwayat Bukhari). Jual beli *gharar* ialah satu bentuk jual beli yang akan menyebabkan kerugian atau bahaya ke atas penjual atau pembeli. Ianya juga akan menyebabkan berlakunya kehilangan harta. Jual beli *gharar* mempunyai unsur-unsur penipuan dan pertaruhan yang lebih kepada bentuk perjudian.

E. KAEDEAH KELIMA

Man'urribaa (منع الربا) yang bermaksud larangan riba. Perbuatan riba dalam jual beli adalah diharamkan dan ianya diharamkan berdasarkan kepada dalil pensyariatannya yang bersumberkan daripada Al-Quran, Hadis serta *Ijma'* Ulama. Dalilnya ialah:

1. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri dengan betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya bermiaga itu sama sahaja seperti riba”. padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (bermiaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhananya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

2. Firman Allah S.W.T. dari Surah Ar-Ruum ayat 39 yang bermaksud:

“Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda”.

3. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Imraan ayat 130 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.”

4. Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: “Jauhilah tujuh perkara yang membina sakana”. Mereka bertanya: Ya Rasulullah!

Apakah dia?”. Baginda menjawab: “Menyekutukan Allah, sihir, membunuh nyawa yang diharamkan Allah melainkan dengan hak, memakan riba, makan harta anak yatim, lari dari medan peperangan, menuduh serta menuduh wanita suci yang sudah berkahwin berzina tanpa pengetahuannya.”

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

5. Diriwayatkan dari Jabir R.A. katanya: *“Rasulullah S.A.W. melaknat pemakan riba, orang yang memberi makan dengan riba, penulis riba, dua orang saksinya. Baginda bersabda: “Mereka semua sama sahaja (tergolong dalam riba)”.*

(Hadis Riwayat Muslim)

6. Kaum Muslimin semuanya telah bersepakat bahawa riba pada asalnya adalah diharamkan terutama sekali riba pinjaman/hutang. Para ulama ahli fiqh juga telah melakukan *ijma'* tersebut (mengenai pengharamannya).

Islam amat membenci kepada mereka yang suka mengamalkan riba kerana ianya salah satu bentuk penindasan. Bagi mereka yang mengamalkan riba, terdapat balasan yang telah diperjelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quran. Antaranya:

1. Hatinya dipengaruhi oleh syaitan dan mereka kekal dineraka. Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan yang merasuk) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berjual beli itu hanyalah seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhananya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya (terserahlah) kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

2. Dihapuskan keberkatannya dan kufur bagi yang menghalalkannya (riba). Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah ayat 276 yang bermaksud:

“Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa”.

3. Allah memerangi pemakan riba. Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah ayat 278-279 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.

Definisi Riba:

Riba dari segi bahasa bererti tambahan atau pertumbuhan. Menurut istilah syarak ianya adalah tambahan khusus yang dimiliki oleh salah satu daripada pelaku transaksi tanpa imbalan atau keuntungan yang tertentu. Tambahan atau pertumbuhan dapat dierangkan sebagai:

1. Tambahan kuantiti;
2. Tambahan dalam hutang yang harus dibayar kerana tertunda pembayarannya; dan
3. Tambahan yang ditentukan dalam waktu penyerahan barang berkaitan dengan penjualan aset yang diharuskan adanya serah terima secara langsung.

Jenis Riba

Riba terbahagi kepada 2 jenis iaitu:

1. **Riba Jahiliyah atau *Riba al-Qard* (hutang)**

Pertambahan dalam hutang sebagai imbalan tempoh pembayaran (*Ta'khir*), baik disyaratkan ketika tempoh ataupun di awal tempoh pembayaran.

"Riba adalah haram dan aku memulakannya dengan membatalkan riba yang akan diterima oleh Abbas bin Abdul Muthalib. Sesungguhnya ianya diharuskan secara keseluruhan."

(Hadis Riwayat Muslim)

Antara bentuk-bentuk aplikasi dalam Riba Jahiliyah ialah:

- a. Riba Pinjaman. Misalnya seseorang individu itu mempunyai hutang terhadap individu yang lain maka apabila tiba waktu pembayaran, orang yang berhutang (penghutang) itu tidak mampu untuk melunasinya. Akhirnya dia berkata: "Tangguhkanlah hutangku, aku akan beri tambahan". Maka setiap kali penangguhannya maka semakin bertambah jumlahnya.
- b. Pinjaman dengan bayaran tertunda namun dengan syarat harus dibayar dengan faedahnya. Hutang itu dibayar sekaligus pada saat berakhirnya tempoh pembayaran. Tambahan atau faedah tersebut adalah ganti rugi daripada tambahan waktu itu. Maka, Allah S.W.T. telah menjelaskan tentang pengharamannya.
- c. Pinjaman yang mempunyai sesuatu tempoh dan faedah yang tertentu dengan syarat ianya dibayar setiap bulan. Misalnya seseorang itu telah berhutang RM1,000.00 tetapi dibayar secara bulanan selama 1 tahun (12 bulan) sebanyak RM100.00.

2. Riba Jual Beli

Riba Jual Beli yang diharamkan dalam Islam terbahagi kepada dua, iaitu: Riba *al-Fadl* dan Riba *al-Nasi'ah*. Menurut pendapat mazhab Syafie pula terbahagi kepada tiga iaitu Riba *al-Fadl*, Riba *al-Yadd* dan Riba *al-Nasi'ah*.

a. Riba *al-Fadl*

Dari segi bahasa Riba *al-Fadl* bererti jual beli yang berlaku tambahan dan menuruti istilah ulama bererti tambahan pada salah satu dari dua barang yang sama jenis secara tunai atau lebihan pada salah satu daripada dua barang yang ditukar dalam penjualan barang ribawi yang sama jenisnya. Ia terdapat dalam 6 jenis barang iaitu emas, perak, gandum, syair (sejenis gandum), garam dan buah tamar. Riba ini tidak berlaku kecuali pada dua barang tukaran yang sama jenis.

Dalil mengenai pengharaman Riba *al-Fadl*:

1. “*Emas ditukar dengan emas, perak ditukar dengan perak, gandum merah ditukar dengan gandum merah, gandum dengan gandum, kurma dengan kurma dan garam dengan garam harus sama beratnya dan harus diserahkan secara langsung. Kalau berlainan jenis, silakan jual sesuka kamu namun harus secara tunai juga.*”

(Hadis Riwayat Muslim)

2. Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: “*Jangan kamu menjual emas dengan emas kecuali sama beratnya dan jangan melebihkan yang satu atas yang lainnya. Jangan kamu menjual perak dengan perak kecuali yang seumpama dengannya dan jangan kamu melebihkan salah satu dari keduanya.*”
3. “*Emas ditukar dengan emas, perak ditukar dengan perak, gandum merah ditukar dengan gandum merah, gandum dengan*

gandum, kurma dengan kurma dan garam dengan garam harus sama beratnya dan harus diserahterimakan secara langsung. Barangsiapa yang menambah atau meminta tambahan maka telah berbuat riba, yang mengambil atau orang yang memberi hukumnya adalah sama”.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

4. Hadis Al-Barra' bin 'Azib dan Zaid bin Arqam Radhiyallahu 'anhuma: "Rasulullah S.A.W. melarang jual beli perak dengan emas secara tempoh (hutang)" (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

b. **Riba al-Yadd**

Riba *al-yadd* adalah jual beli yang dilewatkan terima serahan salah satu barang tukaran atau pun menerima serahan salah satu barang tanpa menyebut tempohnya. Ianya berlaku pada dua barang yang berbeza jenis, seperti gandum dengan barli tanpa serah terima semasa majlis. Jenis riba ini termasuk di dalam definisi riba *al-Nasiah* disisi ulama mazhab Hanafi.

c. **Riba al-Nasiah**

Riba *al-Nasiah* adalah jual beli secara bertangguh iaitu jual beli bertangguh kepada sesuatu tempoh dan ditambah bayarannya apabila tempoh itu sudah mencukupi.

Barangan Ribawi

Barangan yang mempunyai unsur riba *al-fadl* yang disebutkan dalam nas ada enam, iaitu: emas, perak, gandum, kurma, garam dan barli. Namun berlaku perselisihan pendapat, apakah di sana mempunyai '*illah* (sebab pelarangan) yang menjadikannya menjadi barangan ribawi atau tidak. Di sini terdapat dua pendapat, iaitu:

Pertama: Riba tidak berlaku kecuali terhadap 6 jenis barangan tersebut dan tidak ada '*illah* yang dapat dijadikan dasar dalam menganalogikan selainnya. Inilah pendapat mazhab Az-Zhahiriyyah;

Kedua: Ada *'illah* yang menjadikannya sebagai barang ribawi yang terdapat analogi lain dan inilah pendapat majoriti ahli fiqh.

Pendapat yang paling rajih adalah pendapat daripada ahli fiqh kerana secara umum tidak mungkin membezakan antara yang serupa.

Dengan demikian, menjual barang ribawi tidak terlepas daripada dua keadaan, iaitu:

1. Barang yang ditukar dengan barang dari satu jenis yang sama, seperti kurma dengan kurma, gandum dengan gandum. Maka ianya disyaratkan kepada dua syarat:
 - a. Harus berada dalam kuantiti yang sama; dan
 - b. Pembayarannya mesti tunai di majlis akad.
2. Barang yang ditukar berlainan jenis, maka ianya tidak terlepas dari dua keadaan:
 - a. Diwajibkan dibayar secara tunai di majlis akad namun tidak disyaratkan sama kuantitinya misalnya gandum dengan kurma, berbeza jenisnya namun sama *'illahnya* iaitu makanan pokok, maka tidak disyaratkan harus sama kuantitinya. Contoh lain menukar dollar dengan ringgit, *'illahnya* sama pada mata wang tetapi jenisnya berbeza; dan
 - b. Tidak disyaratkan pada kuantitinya sama ada perlu sama atau tidak dan mesti disyaratkan ianya harus berlaku secara tunai di majlis akad (boleh dihutang). Ianya berlaku bagi barang ribawi yang berbeza pada *'illahnya* seperti jual emas dengan kurma.

Perbezaan Antara Riba Jahiliyah Dan Riba Jual Beli:

1. Riba Jahiliyah dilarang pada *maqasidnya* (zatnya dilarang secara langsung) sedangkan riba jual beli diharamkan pada *wasilahnya*;

2. Riba Jahiliyah mengandungi unsur “tambahan” dan pengunduran waktu pembayaran (*Tajjel*) dan sekiranya ianya mengandungi unsur penambahan dan penundaan dalam pembayaran sekaligus ianya menjadi Riba Jual Beli; dan
3. Riba Jahiliyah berlaku pada semua harta tanpa pengecualian.

F. KAEDEAH KEENAM

Muamalat yang berbentuk *al-Maisir* (perjudian), adalah dilarang. Menurut kajian para ulama, *al-Maisir* menjadikan orang yang melakukannya (si pelaku) berada dalam kesamaran atau keraguan antara untung dan rugi yang bersumberkan kepada *al-Gharar*. Hal ini menyebabkan terjadinya permusuhan dan kebencian sesama manusia.

Perbezaan antara perjudian dengan perniagaan adalah di dalam perniagaan akan mendapat barang sedangkan *al-Maisir* (perjudian) tidak jelas apakah hartanya akan hilang dengan penggantian atau hilang begitu saja tanpa ganti ataupun hilang hartanya dan muncul kebencian.

Perbezaan antara *al-Maisir* (perjudian) dengan *al-Gharar* (penipuan)

Para ulama telah menyatakan bahawa kedua-duanya adalah sama. Namun persamaan ini tidak bererti sama pada pengertian kedua-duanya. Kerana sebahagian jenis *al-Gharar* tidak dinamakan *al-Maisir*, sehingga perkataan *al-Maisir* menjadi lebih khusus daripada *al-Gharar*. Setiap *al-Maisir* adalah *al-Gharar* namun tidak semua *al-Gharar* adalah *al-Maisir*.

Dalil pensyariatan bagi kaedah ini ialah:

1. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Ma'idah ayat 90 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”.

“Siapa yang menyatakan kepada saudaranya: Mari, aku bertaruh denganmu, maka hendaklah ia bersedekah”

(Hadis Riwayat Bukhari Muslim)

Mengenai permainan pula, ianya dapat digolongkan ke dalam 3 jenis iaitu:

1. Permainan yang mempunyai kerosakannya lebih besar dari kebaikannya dan ianya adalah diharamkan oleh syariat. Misalnya: bersenam dengan muzik, bermain dadu dan catur.
2. Permainan yang berguna dan membantu manusia dalam melaksanakan ibadah kepada Allah S.W.T. dan untuk berjihad. Ianya juga dibolehkan dengan adanya taruhan. “Tidak ada hadiah dalam lumba kecuali lumba kuda, menembak/memanah dan lumba unta kerana itu adalah untuk jihad”.
3. Permainan yang tidak ada kemudharatan tetapi lebih kepada permainan biasa. Ianya dibolehkan dengan syarat tidak mempunyai taruhan. Apabila hadiah adalah dari pihak ketiga maka ianya dibolehkan tetapi apabila wangnya datang dari peserta sendiri maka ianya tidak dibolehkan. Contoh permainannya ialah: bola sepak.

G. KAE DAH KETUJUH

“Al-mu’amalatu mabniyyatun ’alash shodqi wal amaanati” (المعاملة مبنية على الصدق و الأمانة) iaitu muamalat yang terbina atas dasar kejujuran dan amanah. Kejujuran secara etimologinya bererti kekuatan pada sesuatu perkara sama ada pada perkataan ataupun selain daripadanya. Amanah bererti ketenangan hati, *Tasdiq* dan *wafa’* (pelaksanaan secara sempurna).

Secara istilahnya, muamalat yang jujur bererti penyataan daripada si pelaku transaksi yang jujur, bercakap benar dan tidak bertentangan dengan hukum syarak. Amanah pula bererti penyempurnaan pada akad transaksi dan penunaianya serta tidak bertentangan dengannya.

Dalil pensyariatannya:

1. Firman Allah S.W.T. dari Surah At-Taubah ayat 119 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar”.

2. Firman Allah S.W.T. dari Surah An-Nisa' ayat 58 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

3. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-A'raaf ayat 85 yang bermaksud:

Dan kepada penduduk Madyan (kami utuskan) saudara mereka Nabi Syuaib. Ia berkata: “Wahai kaumku sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata dari Tuhan kamu. Oleh itu, sempurnakanlah sukanan dan timbangan, dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya; dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman”.

4. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-Baqarah ayat 283 yang bermaksud:

“Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepada-Nya, dan hendaklah ia bertaqwah kepada Allah Tuhanmu. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”.

5. Dari Hakim bin Hizam R.A. bahawa Nabi S.A.W. bersabda:

“Dua orang yang berjual beli memiliki hak khyar selama keduanya belum berpisah. Jika keduanya jujur dan menjelaskan apa adanya maka keduanya mendapatkan keberkahan dalam jual beli mereka. Jika keduanya berdusta dan merahsiakan kecacatan dagangannya maka hilanglah keberkatan dalam jual beli mereka.”

(Hadis Riwayat Bukhari Muslim)

6. “Ada tiga golongan yang Allah akan bercakap dengan mereka dan tidak akan melihat mereka di hari kiamat kelak. Allah juga tidak akan membebaskan mereka. Mereka akan mendapat azab yang amat menyakitkan. Abu Dzar berkata: “Mereka kempungan dan rugi. Siapakah mereka wahai Rasulullah S.A.W.? Baginda menjawab, “Orang yang mengungkit pemberiannya, orang yang melabuhkan pakaianya dan orang yang mlariskan barangannya dengan menggunakan sumpah palsu”.

(Hadis Riwayat Muslim)

7. Dari Abu Hurairah R.A. bahawa *Rasulullah S.A.W. telah melalui satu kawasan jualan makanan (gandum), lalu dia memasukkan tangannya ke dalam makanan itu. Kemudian jari-jari beliau tersentuh bahagian yang basah lalu beliau bertanya: "Hai pemilik makanan (penjual)! Apa yang basah ini? Peniaga itu menjawab: "Kena hujan ya Rasulullah! Beliau bersabda, "Mengapa bahagian yang basah itu tidak kau letakkan di atas agar dapat dilihat oleh pembeli? Barangsiapa yang menipu maka dia bukanlah dari golonganku".*

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini amat umum dan mencakupi semua jenis muamalat sama ada dalam jual beli, sewa-menyewa, syarikat dan yang lainnya.

Kaedah ini pada dasarnya adalah mengenai kewajipan berlaku jujur dan amanah sepetimana yang disampaikan Imam Al-Ghazali rahimahullah (ulama fiqh mazhab Syafie) dalam pernyataan beliau: "*Menginginkan untuk saudaranya seperti yang ia inginkan untuk dirinya, sehingga semua muamalat yang membuatnya susah dan menyusahkan hatinya maka jangan dilakukan untuk saudaranya*". Rasulullah S.A.W. juga telah bersabda: "*Tidaklah sempurna keimanan seseorang mukmin sehingga dia mencintai saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri*".

(Hadis Riwayat Bukhari Muslim)

Oleh yang demikian, kita hendaklah berkelakuan jujur dan amanah dalam muamalat. Imam Ahmad rahimahullah melarang sebarang diplomasi dalam jual beli kerana ianya mempunyai unsur *tadlis* (penyembunyian aib) di dalamnya serta tidak menjelaskan keadaan sebenar barang tersebut. Ibnu Taimiyah pula menyatakan: "Penggunaan perkataan yang menunjukkan kepada diplomasi dalam jual beli adalah diharamkan, kerana ianya mempunyai unsur penyembunyian (hakikat) dan *tadlis* (penyembunyian aib)".

H. KAEADAH KELAPAN

(*Saddu Adz Dzari'ah wa ibthoolul hiyal*) (سد الزرعية و إبطال الحيال) iaitu kaedah *Saddu Adz Dzari'ah* dan pembatalan *al-Hielah*. Perkataan *saddu* secara etimologi membawa maksud menutupi kekurangan, menutup lubang dan menahan sesuatu. *Adz Dzari'ah* dari segi bahasa adalah wasilah (alat) dan pengertian *Saddu Dzari'ah* menurut para ulama' ialah menghalang sesuatu perkara yang pada zahirnya adalah mubah dan dapat menjadi alat kepada pengharamannya bagi mencegah kerosakan padanya.

Pembahagian kaedah *Saddu Adz Dzari'ah*, ialah:

1. *Ijma'* menyatakan kewajiban untuk mencegahnya dan ianya pada perbuatan yang menjadi alat kerosakan dalam perkara agama dan dunia, kerana perbuatan itu memang menjadi alat kerosakan secara pasti. Contoh: larangan meminum minuman yang memabukkan, kerana alat yang membawa kepada mabuk itu boleh merosakkan akal;
2. *Ijma'* menyatakannya itu sebagai *dzari'ah*, namun ianya tidak wajib dicegah seperti menanam anggur walaupun ada kemungkinan yang membeli dan memiliki serta memerahnya untuk dijadikan arak; dan
3. Perkara yang masih diperselisihkan oleh para ulama, iaitu sesuatu perkara yang mubah boleh membawa kepada pengharamannya secara menyeluruh.

Dalam masalah ini, pendapat mereka dapat dikategorikan dalam dua pendapat:

- a. Harus dicegah. Ianya menurut pendapat mazhab Maliki dan Hanbali; dan
- b. Tidak menggunakan kaedah ini. Inilah pendapat mazhab Syafie dan Hanafi. Namun mereka tetap menggunakan kaedah ini secara realiti dan aplikasinya dalam *ijtihad* mereka.

Pendapat yang paling rajih adalah pendapat pertama iaitu pendapat mazhab Maliki dan Hanbali. Inilah yang dirajihkan oleh Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah dalam pernyataan beliau, “*Dzari’at-dzari’at* ini apabila memberi kepada kerosakan secara pasti (yakin), maka syariat mengharamkannya secara mutlak”.

Dasar-dasar yang mengamalkan kaedah ini ialah:

1. Perbuatan yang dibolehkan tersebut menjadi punca kepada kerosakan dan kerosakan tersebut secara kekal. Jika perbuatan tersebut menjadi punca kerosakan dalam satu tempoh waktu dan tidak kekal, maka ianya tidak dilarang dan tetap pada hukum asalnya iaitu tidak perlu mencari dalil yang membolehkannya;
2. Mafsadah yang ditimbulkan dari perbuatan tersebut mestilah sama atau lebih besar daripada maslahatnya;
3. Tujuan mukallaf dalam membuat kerosakan tidak disyaratkan dalam kaedah ini. Disebabkan niat atau tujuan tersebut pada umumnya tidak semestinya menjadi sebab kepada sesuatu kerosakan kerana masalah yang timbul boleh dijadikan sebagai pedoman; dan
4. Semua perkara yang dilarang dalam *Saddu adz- Dzari’i* dibolehkan sekiranya menjadi satu keperluan. Contohnya, melihat wanita bukan mahramnya bagi orang yang akan melamar.

Dalil pensyariatan kepada kaedah *Saddu adz Dzari’at* ialah:

1. Firman Allah S.W.T. dari Surah Al-An’am ayat 108 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu mencerca benda-benda yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas tanpa sebarang pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan mereka kalah tempat mereka kembali, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.”

Dalam ayat ini, Allah S.W.T. mengharamkan memaki sembahannya orang musyrik sedangkan itu adalah ibadah, hanya kerana menjadi alat (*adz Dzari'at*) mereka memaki Allah S.W.T.. Hal ini disebabkan kemaslahatan mereka tidak memaki Allah S.W.T. lebih besar daripada kita memaki sembahannya mereka.

Sabda Rasulullah S.A.W.: “*Tergolong dalam dosa besar ialah apabila seseorang memaki kedua orang tuanya*”. Mereka bertanya, “*Wahai Rasulullah! apakah ada seseorang memaki kedua orang tuanya?*” Baginda menjawab, “*Ya, apabila seseorang memaki orang tua (ibu) orang lain lalu orang tersebut memaki kembali ayah dan ibunya*”.

(Hadis Riwayat Bukhari Muslim)

PENUTUP

Kehidupan manusia sebenarnya tidak lari daripada konsep bermuamalah. Jika dilihat pada masa kini, secara realitinya masyarakat Islam lebih banyak mengaplikasikan sistem ekonomi Islam bagi menjamin kehidupan mereka. Antara prinsip dalam ekonomi Islam; ianya mestilah bertepatan dengan syarak, mementingkan konsep keadilan dan mengamalkan konsep keikhlasan dalam bermuamalah. Masyarakat perlulah bijak dalam menggunakan harta mereka supaya tidak disalahgunakan. Terdapat beberapa kaedah *fiqhiyyah* dalam aktiviti pengurusan harta dan ianya amat berkait rapat dengan muamalah *Maliyyah*. Artikel ini telah membincangkan lapan kaedah *fiqhiyyah* dan daripada kaedah-kaedah tersebut, dapatlah ianya dijadikan panduan untuk bermuamalah dalam kehidupan seharian. Dapatlah disimpulkan bahawa faedah yang diperolehi daripada kesemua kaedah tersebut ialah dapat mengelakkan diri daripada sebarang penindasan dan penipuan dalam aktiviti muamalah. Selain itu juga, aktiviti muamalah dapat dijalankan secara adil dan saksama. Konsep keadilan ini dapat memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat kepada mereka yang menjalankan aktiviti muamalah yang bertepatan dengan syariat. Di samping itu, kaedah ini dapat memperkenalkan konsep muamalah Islam yang sebenar di mata dunia dan mempamerkan bahawa ajaran agama Islam adalah satu agama yang *syumul* (menyeluruhan) berbanding dengan agama lain. Kesemua kaedah ini boleh diaplikasikan dalam kehidupan semasa serta dapat membezakan antara halal dan haram mengikut landasan syariat.

RUJUKAN

Al-Zarkasyi, *Syarah Az-Zarkasyi 'ala Mukhtashar Al-Khurafi*, Beirut; Daar Al-Fikr.

Ibnu Faris, *Mu'jam Maqayis Al-Lughah*, Cairo: Majma' Al-Lughah Al 'Arabiyah, 1972.

Ibnu Rusy, *Bidayah Al-Mujtahid*, Cairo: Daar Al-Kutub Al-Islamiyah.

Ibnu Rusyd, *Bidayatul Mujtahid wa Nihayah Al-Muqtashid*, Beirut: Dar Al-Fikr.

M. Abdul Mannan, *Teori dan Praktik Ekonomi Islam*, Yogyakarta: Dana Bakti Wakaf, 1997.

Muhammad Rowwas Qal'ahji, *Al-Muamalat Al-Maliah Al-Ma'ashiroh fi dhow'i Al-Fiqh wa Al-Syari'ah*, Beirut: Dar an-Nafaes, 1999/1420.

Muhammad Sayyid Sabiq, *Fiqh As-Sunnah, Al-Mujallid Al-Tsalits*, Cairo: Dar'al Fath Lili'l'am Al-Araby, 1997.

Nuruddin Al-Haitsami, *Majma' Az-Zawa'id*, Cairo: Dar Al-Ilmy.

Sudin Harun, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Malaysia: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1996.

Wahbah Zuhali, *Al-Fiqhu Al-Islami wa Adillatuhu*, Beirut: Dar Al-Fikr 1997.

IBADAH HAJI SECARA KREDIT: SATU PENJELASAN ANTARA AKTA LEMBAGA TABUNG HAJI 1995 DAN JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN

Oleh:

Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi¹

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan isu menunaikan ibadat fardhu haji melalui pinjaman institusi kewangan, adakah ianya sah atau tidak menurut syarat haji istita'ah (berkemampuan). Isu ini dikaji dengan meneliti Akta Lembaga Tabung Haji 1995, pandangan ulama, keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Resolusi dari Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan.

Perkataaan Teras : Haji, Akta Lembaga Tabung Haji 1995, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Institusi Kewangan, Istita'ah

Klasifikasi JEL : Z12, D21, M13

¹ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Ketua Penyelidik Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Penyelaras Seminar Wacana Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

PENDAHULUAN

Ibadat haji merupakan suatu kefardhuan yang wajib ditunaikan oleh setiap individu Muslim yang mukallaf dan berkemampuan. Sejajar dengan kewajipannya sebagai rukun Islam yang kelima, di samping pahala dan ganjaran haji yang mabrur yang mana tiada balasan kecuali syurga, sudah pasti seluruh umat Islam berlumba-lumba untuk menunaikannya, khususnya jemaah haji di Malaysia. Namun begitu, tidak semua umat Islam berpeluang menunaikannya kerana tidak mencukupi syarat *istita’ah* (kemampuan) dari segi kewangan. Oleh sebab itu, muncul pandangan daripada seorang senator menyarankan Lembaga Tabung Haji (LTH) dan insitusi-institusi kewangan Islam memberikan pinjaman tanpa faedah mengikut kaedah “Qardhul Hasan” kepada golongan muda untuk menunaikan fardhu haji ke tanah suci. Pinjaman itu wajar diberikan kepada umat Islam yang layak sebagai usaha menggalakkan mereka menunaikan haji atau umrah semasa usia masih muda. Pembiayaan ini akan memberi kesan yang positif di dalam menunaikan fardhu haji kerana ibadah itu memerlukan stamina yang kuat dan akan menyukarkan mereka yang telah berusia berbanding jika menunaikan haji semasa muda. Selain itu katanya, bagi pendeposit dan pendaftaran haji pada tahun ini, mereka hanya layak menunaikan haji pada 2021.²

Pendapat tersebut telah disokong oleh beberapa cendekiawan, di antaranya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan umat Islam diharuskan memohon pinjaman untuk membiayai kos menunaikan haji dengan syarat mereka berkemampuan membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan.³ Namun begitu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa, umat Islam tidak boleh membuat pinjaman peribadi dengan syarikat kewangan atau bank untuk menunaikan ibadah haji. Ini berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 yang menggariskan bahawa “LTH tidak boleh memberi pinjaman kepada mana-mana individu bagi pinjaman peribadi dan untuk menunaikan haji dan umrah.”⁴ Di sini jelas timbul kekeliruan sama ada harus atau tidak melaksanakan ibadat haji

² Berita Harian, 18 Julai 2008.

³ Ibid, 4 Ogos 2008.

⁴ Ibid, 6 Ogos 2008.

melalui pinjaman institusi kewangan khususnya bagi golongan muda atau golongan yang berkemampuan untuk membayar balik kepada institusi kewangan tanpa perlu menunggu, melambat-lambatkan atau mengambil masa yang lama untuk menuaikan fardhu haji di tanah suci Mekah. Oleh itu, satu penjelasan diperlukan mengenai perkara tersebut yang mana ianya dilihat mampu membantu dan menyelesaikan permasalahan ummah yang berkaitan dengan isu menuaikan fardhu haji melalui pembiayaan atau pinjaman institusi kewangan. Artikel ini juga diharap akan dapat memberi satu pendedahan baru kepada masyarakat Islam di dalam menuaikan Rukun Islam yang kelima ini.

JEMAAH HAJI BERUMUR DAN UZUR

Haji merupakan ibadah *Badaniyyah*. Hampir semua amalan yang dituntut, sama ada rukun atau wajib haji memerlukan kekuatan dan ketahanan yang tinggi. Kekuatan dan ketahanan berkait rapat dengan faktor usia dan kesihatan. Satu kajian yang dilakukan ke atas 808 jemaah yang dimasukkan ke Hospital Universiti Raja Abdul Aziz menunjukkan 79% pesakit yang dimasukkan ke hospital terdiri dari mereka yang berusia 40 tahun ke atas dan lebih satu pertiga lain berusia lebih 60 tahun. Mereka menghadapi pelbagai masalah kesihatan seperti jangkitan virus, penyakit jantung serta trauma. Kajian menunjukkan hampir 85% pesakit terbabit mencatatkan sekurang-kurangnya satu masalah kesihatan serius manakala 13% lain mengalami dua masalah seumpamanya. Menurut Ketua Penyelidik Fakulti Perubatan Hospital, Dr. Tariq A Madani, risiko kesukaran atau komplikasi serta kes kematian amat ketara dalam kalangan jemaah berusia, khususnya berumur lebih 80 tahun.⁵

Jemaah haji Malaysia boleh dikatakan majoritinya terdiri daripada orang tua. Umpamanya, sehingga Mac 2009, mereka yang telah mendaftar untuk menuaikan haji pada musim akan datang berjumlah 162,737 orang. Seramai 83,559 orang atau 51.34% adalah terdiri

⁵ http://www.bharian.com.my/m/BHarian/Tuesday/Dunia/20061218232614/Article/pp_index_html.

daripada mereka yang berusia 50 tahun ke atas manakala 55,107 orang atau 33.86% terdiri daripada mereka yang berusia 40-49 tahun. Ini bererti hanya 14.79% sahaja jemaah yang berusia di bawah 40 tahun.

Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan tahun-tahun yang lalu. Musim haji 1426H sebagai contoh, seramai 34,995 orang telah terpilih untuk menunaikan haji. Daripada jumlah itu 23,770 orang atau 67.92% terdiri daripada mereka yang telah berusia antara 50 – 90 tahun.⁶

Berdasarkan pengalaman serta pengamatan pihak pengurusan LTH, jemaah yang telah berusia memang menghadapi pelbagai masalah yang perlu diberi perhatian khusus. Antaranya:

- a. Mudah murung;
- b. Mudah diserang sakit akibat perubahan cuaca;
- c. Kejutan perubahan tempat, persekitaran, penginapan, cuaca dan budaya;
- d. Mudah terlupa atau nyanyuk, tahap ingatan yang lemah, khususnya mengenai ibadah dan manasik. Akibatnya, mereka melakukan ibadah dalam keadaan kurang jelas, was-was, dan terikut-ikut. Mereka juga banyak bergantung serta mengharapkan ahli keluarga atau rakan-rakan dalam semua hal termasuk menguruskan diri di hotel dan ke masjid; dan
- e. Tidak mempunyai tenaga yang mencukupi untuk menyempurnakan ibadat tawaf, saie dan lontar. Untuk itu, mereka terpaksa mengeluarkan kos tambahan bagi mengupah pihak lain. Akibatnya, ada yang di tipu oleh penduduk tempatan yang mengambil upah.

Jelas kepada kita, hikmah di sebalik pensyaratuan wajib haji yang telah disepakati berlandaskan dalil-dalil yang sahih lagi soreh, iaitu *istita’ah*. Di dalam Mazhab Hambali, kesihatan tercakup di dalam

⁶ Lembaga Tabung Haji, Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-23.

pengertian *istita’ah* dan dikira sebagai satu daripada syarat wajib haji. Maka tidak wajib haji ke atas orang sakit yang tidak berupaya mengerjakan haji dan orang tua yang tidak mampu menaiki kenderaan secara bersendirian atau tidak mampu menanggung kesulitan serta kepenatan dalam perjalanan.⁷

AKTA TABUNG HAJI 1995⁸

LTH tidak membenarkan mana-mana individu membuat pinjaman bagi menunaikan haji seperti yang termaktub dalam Akta Tabung Haji 1995.

“Mengikut Akta Tabung Haji 1995, ianya tidak boleh memberi pinjaman kepada mana-mana individu bagi pinjaman peribadi dan untuk menunaikan haji dan umrah.”

LTH tidak menyediakan pinjaman menunaikan umrah dan haji kerana Akta Tabung Haji 1995 tidak membenarkan penyimpan membuat pinjaman. Peranan sebenar LTH ialah menggalakkan umat Islam menabung dan memberi dividen, selaras tuntutan agama yang menggalakkan umatnya menabung untuk menunaikan haji.

PENSYARIATAN HAJI DAN UMRAH

Ibadat fardhu haji termasuk juga umrah merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang kelima. Hukumnya ialah fardhu ain ke atas setiap orang Islam yang mukallaf dan mampu. Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah, ayat 196:

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِللهِ

Maksudnya:

“Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah S.W.T.”

⁷ Al-Mughni, jid 3, m.s. 219.

⁸ Lembaga Tabung Haji, Akta Lembaga Tabung Haji 1995.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

بني الإسلام على خمس : شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله واقام الصلاة وابتاء الزكاة وحج البيت وصوم رمضان. (رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya:

“Didirikan Islam itu di atas lima rukun: Pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah S.W.T. dan bahwasanya Muhammad S.A.W. itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadan.”

Kewajipan menunaikan haji dan umrah yang mengandungi hikmah dan falsafah yang banyak dan bernilai telah mendorong umat Islam dari seluruh dunia menanam hasrat untuk melakukan ibadat tersebut walaupun terpaksa berusaha lebih sedikit bagi mempersiapkan diri dari sudut fizikal dan material untuk menunaikan rukun Islam yang kelima tersebut.

Maksud *Istita'ah* (kemampuan) Untuk Mengerjakan Haji Atau Umrah

Berkuasa atau *istita'ah* merupakan satu daripada syarat-syarat wajib haji berdasarkan Ijma' muslimin⁹.

Ijma' atau persepakatan ini berlandaskan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup (*istita'ah*) mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barangsiapa mengingkari (kewajiban haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam.”¹⁰

Menurut Muhammad Rashid Ridha, *istita'ah* ialah kemampuan untuk sampai ke tanah suci. Ia berbeza mengikut keadaan diri seseorang serta jauh atau dekatnya dengan Baitullah.¹¹

⁹ Bahr al-Mazi, jzk 6, m.s.15, Percetakan Nahdi.

¹⁰ Ali- Imran: 97.

¹¹ Tafsir al-Manar, jld 4, m.s.10, Dar Al-Ma'rifah, Beirut, Cetakan Ke-2.

At-Tirmizi meriwayatkan dari Ibn ‘Umar R.A. katanya: Telah datang seorang lelaki bertanya Rasulullah S.A.W., “Ya, Rasulullah! Apakah perkara yang mewajibkan haji?” Baginda menjawab: “Bekalan dan kenderaan.”¹²

Menurut Mazhab Shafie, kesihatan tubuh badan juga merupakan satu daripada syarat *istita’ah*.

Kata Malik bin Anas: Apabila seseorang mempunyai bekalan dan dia mampu berjalan kaki ke Mekah, maka wajib ke atasnya haji. Jika dia tidak mempunyai bekalan tetapi dia boleh berusaha mendapatkan bekalan di dalam perjalannya, maka wajib juga ke atasnya menunaikan haji.¹³

Pendapat ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Al-Dhahhak. Beliau berkata: Seorang pemuda yang sihat lagi kuat, sekiranya dia tidak mempunyai harta, wajib mengambil upah sehingga dia dapat menunaikan hajinya”. Muqatil bertanya: “Adakah Allah S.W.T. mentaklifkan manusia supaya berjalan kaki ke Baitullah?” Al-Dhahhak menjawab: “Sekiranya seseorang kamu mempunyai harta warisan di Mekah, adakah dia akan membiarkannya begitu sahaja? Tentu tidak. Sebaliknya dia pasti akan segera berangkat ke sana walaupun dengan cara merangkak.” Beliau memperkuatkan pandangannya dengan membawa firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Dan serulah umat manusia untuk haji, mereka akan datang ke rumah Tuhanmu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta, yang datangnya dari berbagai-bagai jalan dan ceruk rantau yang jauh.”¹⁴

Di dalam ayat di atas, Allah S.W.T. menyebut (mereka akan datang ke rumah Tuhanmu dengan berjalan kaki). Mereka menambah: haji merupakan ibadah *badaniyyah* yang termasuk dalam kategori fardhu ‘ain. Maka bekalan dan kenderaan tidak boleh menjadi syarat wajibnya sebagaimana solat dan siam (puasa).¹⁵

¹² Bahr al-Mazi, jzk 6, m.s.15, Percetakan Nahdi.

¹³ Al-Qurtubiy, m.s.148.

¹⁴ Surah Al-Hajj:27.

¹⁵ Al-Qurtubiy, m.s.148.

Di sini kita dapatti Imam Malik dan Al-Dhahhak mentafsirkan *istita’ah* itu sebagai berkuasa untuk sampai walaupun tidak mempunyai bekalan di dalam tangan. Seseorang itu sudah dikira berkemampuan sekiranya dia dapat berusaha mendapatkannya semasa dalam perjalanan.

Sehubungan dengan itu, Imam Al-Nawawi mengulas satu persoalan yang dikemukakan: “Jikalau tiada didapatinya barang yang dibelanjakan pada bekalan dan air, tetapi ada baginya pencarian yang memadai dia dan dapat nafkahnya maka adakah lazim akan dia pergi haji kerana bergantung atas pencarian itu sahaja?”

Imam Al-Haramain telah menjelaskan daripada Ashab Kita Ahli Iraq akan hukumnya iaitu: “Jika adalah musafirnya itu panjang atau pendek dan tiada pencariannya di dalam tiap-tiap hari itu melainkan memadai harinya jua nescaya tiada lazim akan dia pergi haji kerana putus ia daripada pencarian pada hari-hari haji. Dan jika adalah musafirnya itu pendek atau panjang dan pencariannya itu yang dapat kerja daripada sehari boleh dibelanjakan beberapa hari nescaya lazim akan dia pergi haji.”¹⁶

Mengulas soalan mengenai pergi haji dengan meminta sedekah, Imam Al-Nawawi berkata: Telah berkata Sahib Al-Muhazzab: “Dan jika tiada bekalan dan kenderaan bagi seseorang pada hal ia kuasa berjalan kaki dan ada baginya kepandaian kerja yang jadi pencariannya yang memadai nafkahnya nescaya sunat baginya pergi haji kerana kuasa ia atas menggugurkan fardhu dengan berpayah-payah yang tiada benci menanggungnya, maka sunat baginya menggugurkan fardhu itu sama jua dengan hukum orang yang musafir apabila upaya ia puasa di dalam musafirnya maka puasa itu lebih awal. Adapun apabila tidak ada bagi seseorang kuasa berjalan itu bekalan dan tunggangan dan tiada pula ia pandai mencari nafkah kerana tiada ketukangan dalam tangannya bahkan dengan menadahkan tangan pada orang-orang sahaja, nescaya makruh baginya pergi haji dengan minta sedekah itu kerana menadahkan tangan serata orang itu makruh dan pula kerana pada minta sedekah itu tanggungan yang berat sangat maka dimakruhkan dia.”¹⁷

¹⁶ Bahr Al-Mazi, jzk 6, m.s.16, Percetakan Nahdi.

Kupasan-kupasan yang dibentangkan di atas menunjukkan para ulama bukan sahaja melihat pengertian *istita'ah* itu pada realiti yang telah sedia wujud, malah mereka juga melihat dan membahaskan *istita'ah* yang ada kemungkinan boleh diusahakan. Menurut pendapat Imam Malik bin Anas, sekiranya seseorang itu boleh mendapat bekalan untuk menunaikan haji dengan cara meminta-minta, maka wajib ke atasnya menunaikan haji.¹⁸

HAJI DENGAN CARA BERHUTANG ATAU PINJAMAN

Haji diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan serta cukup syarat-syaratnya. Maka tidak wajib haji selagi belum ada kemampuan. Dengan ini, ulama berkata orang yang belum ada kemampuan tidak perlu berhutang. Kalau berhutang juga sedang dia tidak ada cagaran untuk membayarnya maka dia berdosa kerana menyusahkan dirinya dengan perkara yang belum diwajibkan. Begitu juga sekiranya seseorang menawarkan perbelanjaan untuk mengerjakan haji, dia tidak wajib menerimanya kerana takut menanggung budi walaupun tidak salah.

Kini timbul persoalan mengenai menunaikan haji secara kredit, iaitu pihak bank atau institusi kewangan menawarkan model pembayaran haji secara hutang. Proses pembayaran balik hutang tersebut berlangsung sampai jemaah haji pulang dari tanah suci, erti haji dilangsungkan dengan cara berhutang. Cadangan ini ditimbulkan atas semangat untuk memudahkan umat Islam menunaikan rukun Islam yang kelima.

Menurut laman web Nahdlatul Ulama, “haji kredit” ini belum dibincang di Indonesia meski banyak juga yang telah berhaji dengan model hutang ini.¹⁹

¹⁷ Ibid, m.s.19.

¹⁸ Al-Qurtubiy, m.s.148.

¹⁹ <http://www.nu.or.id/v2/detail.asp?what=syariah&id=7&lang=id>

Bagi menjelaskan persoalan ini, beberapa fatwa yang telah dikemukakan oleh beberapa orang ulama yang muktabar dirujuk.

1. Syaikh Atiyyah Saqr ditanya mengenai seorang lelaki yang tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk menunaikan haji, adakah harus baginya berhutang untuk menunaikannya? Beliau menerangkan bahawa tidak wajib ke atas lelaki itu berhutang untuk menunaikan haji. Namun sekiranya dia yakin dapat membayar hutang tersebut tanpa memberi kesan yang menyulitkan diri dan keluarganya maka harus baginya berhutang.²⁰

Pandangan beliau disandarkan kepada Hadis Al-Baihaqi daripada Abdullah bin Abi Aufa katanya: “Saya bertanya Rasulullah S.A.W. mengenai seorang lelaki yang belum menunaikan haji, adakah dia perlu berhutang?” Baginda menjawab: “La!”.

Larangan di dalam hadis di atas boleh diandaikan larangan *lil-tahrim* yang membawa maksud haram atau *lil-karahah* yang membawa maksud makruh.

2. Syeikh Muhammad bin Saleh Al-‘Uthaimin mengemukakan pandangan dengan berkata: “Menurut pendapat saya perkara itu (menunaikan haji dengan cara berhutang) tidak usah dilakukan kerana seseorang itu tidak diwajibkan ke atasnya menunaikan haji sekiranya dia menanggung hutang. Maka bagaimana pula dia hendak berhutang untuk menunaikan haji? Maka saya tidak nampak dia patut berhutang untuk menunaikan haji kerana pada ketika itu haji tidak wajib ke atasnya. Dia tidak patut membebankan dirinya dengan hutang yang dia tidak tahu kemungkinan dia tidak dapat melunaskannya. Boleh jadi dia mati sebelum dia membayarnya. Maka hutang tersebut terus terpikul di atas tanggungannya.”²¹

²⁰ Al-Fataawa min Ahsan Al-Kalam fi Al-Fataawa wa Al-Ahkam, Syaikh Atiyyah Saqr, jzk 2, m.s.126.

²¹ Fatawa Ulama' Baladil-Haram, m.s. 331.

3. Syeikh Saleh bin Fauzan, anggota Lujnah Daimah Iil-Ifta' ketika diajukan soalan tentang hukum menunaikan haji dengan cara ber hutang, telah menjawab: "Allah S.W.T. berfirman maksudnya: "Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup (*istita'ah*) mengadakan perjalanan ke Baitullah..."²²

Sabil di dalam ayat ini bermaksud bekalan dan kenderaan, iaitu orang yang mempunyai perbelanjaan yang mencukupi untuk menunaikan haji dan mempunyai nafkah yang mencukupi untuk anak-anak serta orang yang di bawah tanggungannya sehingga dia pulang. Orang yang tidak mempunyai keupayaan dari segi harta, tidak wajib ke atasnya menunaikan haji. Dia tidak usah ber hutang untuk itu kerana Allah S.W.T. tidak mewajibkannya sedikit pun. Jika dia ber hutang bererti dia membebankan dirinya dengan hutang dan memberatkan dirinya melakukan sesuatu yang tidak diwajibkan ke atasnya. Allah S.W.T. telah berfirman maksudnya: "Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan Dia tidak menghendaki kesusahan ke atas kamu..."²³

"Maka syarak tidak menuntut seseorang insan itu ber hutang untuk menunaikan haji. Tetapi sekiranya dia telah melakukannya, iaitu ber hutang dan pergi menunaikan haji, maka hajinya sah dan wajib ke atasnya membayar hutangnya."²⁴

Pandangan yang serupa juga dikemukakan oleh Dr. Hasan Ahmad Al-Kabir, Dekan Kulliyyah Bahasa Arab, Universiti Al-Azhar, Zaqaziq, Mesir.²⁵

4. Persoalan mengenai harus atau tidak mengerjakan haji dengan cara ber hutang pernah juga dikemukakan oleh pembaca laman web "islamonline.net" dan telah dijawab oleh Dr. 'Ali Jum'ah, Mufti Negara Mesir pada 18 September 2006.

²² Aali-'Imran: 97.

²³ Al-Baqarah: 185.

²⁴ Al-Muntaqa min Fatawa Fadhilah Syaikh Saleh b. Fauzan, m.s. 452.

²⁵ Fatawa Mu'asarah, Dr. Hasan Ahmad Al-Kabir, jzk 1, m.s.385.

Question:

“Dear scholars, As-Salamu `alaykum. Firstly, what is the ruling on performing hajj or ‘umrah by installments?” [Al-Fadhil para ulama, Assalamualaikum. Yang pertama apakah hukum mengerjakan haji atau umrah secara ansuran?]

Answer:

Responding to your question, Dr. `Ali Jum`ah, Mufti of Egypt, states the following:

It is lawful for one to perform hajj or ‘umrah by installments; for this does not violate any ritual or condition concerning hajj or ‘umrah. [Hukumnya harus bagi seseorang untuk mengerjakan haji atau umrah secara ansuran; kerana ianya tidak melanggar rukun dan syarat haji dan umrah.]

From a far comprehensive perspective on that issue, Dr. Ahmad At-Tayyeb, Rector of Al-Azhar University, adds [Daripada perspektif yang lebih menyeluruh dalam isu ini, Dr. Ahmad At-Tayyeb, Rektor Universiti Al-Azhar menambah]: Generally speaking, there is no lawful preventive as to paying for something in installments, so long as this is done without paying interests. Hence, there is nothing wrong if a certain financial association has paid the expenses of hajj on behalf of its members as a loan without interests on the condition that the members will pay it back in installments. [Secara umum, tidak ada halangan dari sudut hukum membayar secara ansuran sesuatu perkara selagi mana tidak melibatkan riba. Dengan yang demikian, tiada salahnya sekiranya sesebuah institusi kewangan membayar perbelanjaan haji bagi seseorang sebagai pinjaman dengan syarat pembayaran balik secara ansuran tidak melibatkan riba (faedah).]

Moreover, the eminent Muslim scholar, Dr. `Abdel-Fattah Idrees, Professor of Comparative Jurisprudence at Al-Azhar University, states. [Tambahan kepada itu, seorang ulama terkenal, Dr. `Abdel Fattah Idrees, Professor Syariah Perbandingan di Universiti Al-Azhar menyatakan]:

Performing hajj by installments, or, in other words, through (a financial association) [that makes it easy for people to perform that religious obligation] is lawful, for there is no religious evidence against performing hajj in that way. Besides, the pilgrim in that case will pay the money borrowed back. This view is in accordance with the juristic schools, i.e., Shafie and Zahiri schools, that say that any lawful means that enables one to perform hajj is considered in that regard, even if it is through borrowing money. Hence, performing hajj by installments is lawful and is as rewarded as the hajj wholly paid for. [Melaksanakan haji melalui ansuran, atau dalam lain perkataan melalui institusi kewangan yang memudahkan orang ramai melakukan sesuatu fardhu adalah dibolehkan, kerana tiada dalil yang melarang disempurnakan haji cara begini. Selain itu, orang yang mengerjakan haji akan membayar pinjamannya balik. Pandangan ini selari dengan pandangan mazhab-mazhab seperti Syafie dan Zahiry, yang mengatakan bahawa apa-apa cara yang halal yang membolehkan seseorang mengerjakan haji dianggap harus walaupun dengan berhutang. Maka mengerjakan haji secara ansuran dibolehkan dan dianggap sebagai haji yang perbelanjaannya ditanggung sepenuhnya oleh orang berkenaan.]

5. Persoalan ini juga telah disentuh oleh tokoh ekonomi Islam Malaysia, Dr. Mohd. Daud Bakar, Presiden dan Ketua Eksekutif International Institute of Islamic Finance Inc. (IIIF) di dalam kertas kerjanya bertajuk “Pembiayaan Peribadi Mengikut Perspektif Syariah” pada program Muzakarah Kebangsaan Penasihat Syariah Kewangan Islam Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, pada 25 November 2006.

Dr. Mohd. Daud Bakar berkata, walaupun terdapat pandangan sesetengah pihak pembiayaan untuk tujuan ibadah tidak dibenarkan, beliau berpendapat ia tidak lagi relevan dengan keadaan semasa. Beliau memberikan tiga faktor bagi menyokong pendapatnya itu iaitu:

- i. Pola pekerjaan pada zaman sekarang berbanding dahulu adalah lebih terjamin berdasarkan kontrak perkhidmatan bagi seseorang pekerja untuk satu tempoh dengan skim imbuhan yang telah dipersetujui;

- ii. Pembiayaan ini memudahkan seseorang itu pergi menunaikan haji semasa muda, sekaligus memberikan kualiti kepada hajinya berbanding pada usia lanjut dan kesihatan badan yang tidak baik; dan
 - iii. Ia memudahkan seseorang menunaikan haji bersama ahli keluarga kerana segala kos serta perbelanjaan yang tinggi boleh dibiayai melalui skim ini.
6. Selain itu, permasalahan ini juga pernah diutarakan oleh Dato' Hj. Fadhil Awang, ahli Majlis Fatwa Negeri Kedah, dan Prof. Madya Hjh. Maznah bt Daud, Pensyarah CITU, UiTM di dalam Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-23 yang merumuskan bahawa menunaikan ibadat haji secara pinjaman adalah harus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

KEPUTUSAN MESYUARAT PANEL KAJIAN SYARIAH (PKS) DAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN (MJKF)

Isu ini telah dibawa dan dibincang melalui dua panel yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu PKS dan MJKF, Kedua-dua panel tersebut secara umumnya bersetuju mengharuskan berhutang untuk menunaikan haji sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman hutang tersebut dan skim pinjaman itu dijalankan atas prinsip ikhlas, kerjasama (*ta’awun*), adil, telus dan bebas dari unsur riba.

Berikut ialah keputusan lengkap kedua-dua panel tersebut:

1. Ahli-ahli Panel Mesyuarat Panel Kajian Syariah, JAKIM kali ke-47 pada 27-28 Julai 2004 telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

“Harus bagi orang yang berhutang dengan menggunakan skim pinjaman wang daripada koperasi dan seumpamanya untuk menunaikan fardhu haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman hutang tersebut dan tidak menjelaskan kehidupan normal seseorang.”

2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-69 pada 13-15 Jun 2005 yang kemudiannya meneliti kertas mengenai perkara tersebut telah memutuskan seperti berikut:
- i. Adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman hutang tersebut dan tidak menjelaskan kehidupan normalnya; dan
 - ii. Skim pinjaman tersebut hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, ta'awun, adil dan telus dalam operasinya di samping bebas dari unsur-unsur riba.

AHLI MUZAKARAH MENGAMBIL KEPUTUSAN DI ATAS BERSANDARKAN KEPADA BEBERAPA HUJAH SEPERTI BERIKUT:

- i. Islam secara prinsipnya tidaklah memberatkan umatnya terhadap sesuatu perkara melainkan sekadar yang termampu. Demikian juga, kewajipan menunaikan haji yang terikat dengan syarat-syarat yang khusus, salah satu daripadanya ialah berkemampuan untuk menunaikannya.

Firman Allah S.W.T.:

وَلَهُ عَلَى النَّاسِ حِجَّةُ الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا (التوبه : 97)

Maksudnya:

“Dan Allah S.W.T. mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya.”

- ii. Dalam membincangkan syarat kemampuan ini para fuqaha telah sepakat menyatakan bahawa kemampuan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah kemampuan dari segi

fizikal, kewangan dan keamanan, tetapi mereka berselisih pendapat dalam memperincikan apakah bentuk kemampuan-kemampuan tersebut. Antara yang dibahaskan ialah soal kemampuan dari segi kewangan di mana individu yang ingin menunaikan haji itu mestilah melebihi paras keperluan asasi bagi dirinya dan keluarganya sepanjang masa pemergiannya ke Baitullah tersebut. Selain itu dia hendaklah menjelaskan segala hutang piutang yang masih tertanggung kerana hutang merupakan salah satu hak yang mesti ditunaikan.

- iii. *Fuqaha Malikiah* mengatakan adalah tidak wajib haji dengan cara berhutang sekalipun dengan bapanya sendiri sekiranya dibimbangi tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut.²⁶
- iv. *Fuqaha Syafiiyah* pula menyatakan adalah disyaratkan bagi orang yang mengerjakan haji itu pembiayaan untuk bekalan dan kenderaannya hendaklah daripada lebihan pendapatannya selepas ditolak segala hutangnya yang perlu dibayar dengan segera atau secara tangguh, sama ada hutang yang bersangkutan dengan hak manusia atau hak Allah S.W.T.²⁷
- v. *Fuqaha Hanabilah* pula berpandangan seperti *Fuqaha Syafiiyah* dalam hal ini kerana penunaian hutang adalah keperluan asasi dan bersangkutan pula dengan hak-hak manusia yang mesti ditunaikan.²⁸
- vi. Imam Al-Mawardi²⁹ ketika membincangkan syarat kemampuan ini telah membahagikannya kepada dua belas jenis dan salah satunya ialah seseorang itu berkemampuan dari segi harta dan fizikalnya, tetapi dia mempunyai hutang yang belum dilangsakan, maka hukumnya tertakluk kepada dua keadaan:

²⁶ Zuhayli, Wahbah, *Al-Fiqh alislami wa Adllatuh*, Jld.3, m.s. 2085.

²⁷ Ibid, m.s. 2087.

²⁸ Ibid, m.s. 2091.

²⁹ Al-Mawardi, *Al-Hawi Al-kabir*, jld 4, m.s. 13.

- a. Hutang yang perlu dibayar segera:- dalam keadaan ini haji tidak wajib ke atas individu itu kerana dia dianggap tidak berkemampuan.
 - b. Hutang yang tidak perlu dibayar segera (boleh ditangguhkan):- sekiranya hutang itu perlu dibayar sebelum hari wukuf di Arafah maka tidak wajib haji, tetapi sekiranya ia perlu dibayar pada hari wukuf di Arafah maka terdapat dua pandangan:
 - Tidak wajib haji kerana tidak berkemampuan; dan
 - Wajib haji kerana hutang secara bertangguh tidak perlu dibayar sebelum sampai masanya; dan
- vii. Ahli Majlis Fatwa Al-Lajnah Al-daimah li Al-Buhuth wa Al-Ifta yang berpusat di Riyadh, Arab Saudi ketika ditanya tentang haji orang yang berhutang menyatakan harus orang yang berhutang itu mengerjakan haji jika dia yakin mampu membayar balik pinjaman dan pemergiannya menunaikan haji tidak menghalangnya menunaikan hutang atau orang yang berhutang menunaikan haji dengan izin orang yang memberi hutang. Sekiranya tidak yakin dapat membayar balik atau tidak diizinkan maka tidak harus baginya mengerjakan haji. Sekiranya dikerjakan juga maka hajinya dari segi hukum adalah sah.³⁰

KEPUTUSAN MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-23, LTH

1. Ahli-ahli Jawatankuasa dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Kebangsaan, LTH/JAKIM kali ke-23 pada 20-22 April 2007 yang dipengerusikan oleh Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Hassan telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

³⁰ Fatawa Al-Lajnah Al-Daimah li Al-Buhuth Al-Ilmiah wa Al-Ifta, Jld.11, m.s. 47-48.

"Harus bagi orang yang berhutang melalui skim pinjaman wang daripada institusi kewangan untuk menunaikan fardhu haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan tidak menjelaskan kehidupan normal seseorang. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Tidak ada unsur riba;
- b. Mempunyai pendapatan yang melebihi sara diri serta orang-orang yang dalam tanggungan untuk melunaskan hutang atau perbelanjaan mengerjakan haji; dan
- c. Kemudahan yang diambil hendaklah benar-benar atas dasar menyegerakan pelaksanaan perintah Allah S.W.T., bukan sekadar memenuhi keinginan untuk berkunjung dan berekreasi bersama keluarga ke tanah suci."

KESIMPULAN

Dari apa yang telah dibentangkan, kesimpulan yang dapat dibuat ialah:

1. Walaupun kewajipan menunaikan haji tidak wajib disegerakan, ulama berpendapat sunat disegerakan sekiranya ada peluang untuk menyegerakannya;
2. Tidak ada nas Al-Quran dan hadis yang terang dan jelas melarang seseorang menunaikan haji dengan cara berhutang untuk tujuan memudahkannya, dan mungkin memudahkan keluarganya;
3. Oleh kerana tiada larangan, maka hukumnya adalah harus dengan syarat:
 - a. tidak ada unsur riba;
 - b. mempunyai pendapatan yang melebihi sara diri serta orang-orang yang di bawah tanggungan untuk melunaskan hutang atau perbelanjaan mengerjakan haji; dan

- c. kemudahan yang diambil hendaklah benar-benar atas dasar menyegerakan perlaksanaan perintah Allah S.W.T., bukan sekadar memenuhi keinginan untuk berkunjung dan berekreasi bersama keluarga ke tanah suci;
- 4. Kebimbangan tidak dapat membayar balik pinjaman tidak timbul kerana berdasarkan amalan institusi kewangan, pinjaman yang diluluskan telah merangkumi insurans/takaful ke atas pinjaman tersebut. Sekiranya berlaku kematian atau kecacatan kekal ke atas orang yang meminjam, maka pinjamannya akan dilunaskan oleh pihak insurans/takaful;
- 5. Sekiranya kemudahan ini tidak dibenarkan maka masalah ramai jemaah haji dari kalangan warga tua tidak dapat diatasi. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh para penyelidik Fakulti Perubatan Universiti Raja Abdul Aziz, ramai dalam kalangan jemaah warga tua berdepan dengan masalah kesihatan disebabkan hanya mampu menjejakkan kaki ke tanah suci selepas membuat simpanan bertahun-tahun lamanya;
- 6. Tidak timbul kekeliruan atau percanggahan di antara Akta Tabung Haji 1995 dan keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan serta Resolusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat haji, LTH. Jelasnya, Akta Tabung Haji 1995 menerangkan bahawasanya badan berkanun tersebut tidak boleh memberi pinjaman kepada mana-mana individu bagi pinjaman peribadi dan untuk menunaikan haji dan umrah dan bukannya menyatakan pinjaman untuk menunaikan ibadat haji itu haram. Ini adalah kerana peranan sebenar LTH ialah menggalakkan umat Islam menabung dan memberi dividen, selaras dengan tuntutan agama yang menggalakkan umatnya menabung untuk menunaikan haji. Bagi menyokong pendapat ini, LTH melalui satu Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Kebangsaan yang ditubuhkannya telah mengeluarkan hukum bahawa menunaikan Ibadat Haji melalui pinjaman institusi kewangan adalah harus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

PENUTUP

Ulama sepandapat mengatakan bahawa haji tidak wajib kecuali ke atas mereka yang mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk diri serta orang-orang yang berada di bawah tanggungan mereka. Kerana itu, mereka yang tidak mempunyai kemampuan adalah tidak wajib dan tidak perlu bersusah payah berhutang semata-mata untuk menunaikan haji. Bagaimanapun, sekiranya mereka berhutang dalam keadaan yakin dapat melunaskan kembali hutang tersebut, harus dan sah hajinya. Allahu A'lam.

RUJUKAN

Abu Al-Hasan Ali Ibn Muhammad Ibn Habib Al-Mawardi, Al-Hawi Al-Kabir, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 1999, Beirut.

Al-Fatawa min Ahsan Al-Kalam fi Al-Fatawa wa Al-Ahkam, Syaikh Atiyyah Saqar, Jld. 2.

Al-Mawardi, Al-Hawi Al-Kabir, Jld. 4.

Al-Muntaqa min Fatawa Fadhilah Syaikh Saleh b. Fauzan.

Al-Syarbini, Al-Mughni, Jld.3, Dar Al-Fikr.

Bahr Al-Mazi, jzk 6, Percetakan Nahdi.

Fatawa Al-Lajnah Al-Daimah li Al-Buhuth Al-Ilmiyah wa Al-Ifta, Dar Al-Muayyad, Jld. 11, 2000, Jeddah.

Fatawa Mu'asarah, Dr. Hasan Ahmad Al-Kabir, jzk 1, m.s.385.

Fatawa Ulama Baladil-Haram.

[http://www.bharian.com.my/m/BHarian/Tuesday/
Dunia/20061218232614/Article/pp_index_html](http://www.bharian.com.my/m/BHarian/Tuesday/Dunia/20061218232614/Article/pp_index_html)

<http://www.islamonline.net/>

<http://www.nu.or.id/v2/detail.asp?what=syariah&id=7&lang=id>

Jakim, Jurnal Muamalat, 2008.

Jakim, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.

Lembaga Tabung Haji, Akta Lembaga Tabung Haji 1995.

Lembaga Tabung Haji, Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-23.

Mingguan Malaysia/Dalam Negeri, 26.11.2006, m.s.14.

Tafsir Al-Manar, Jld.4, Dar Al-Ma'rifah, Beirut, Cetakan Ke-2.

Zuhayli, Wahbah, Al-Fiqh All Islami wa Adllatuh, Jld.3, 1997,
Damsyik.

ARUS PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM IBADAT HAJI

Oleh:
Kamarulazizi Ibrahim¹
Mohd Sukri Shafie²

ABSTRAK

Artikel ini memberi gambaran keseluruhan mengenai usaha Kluster Penyelidikan Haji, USM di dalam menambah baik pengurusan dan pengendalian haji menerusi kemajuan sains dan teknologi masa kini. Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan jalan penyelesaian untuk semua aspek mengenai pengurusan haji di Makkah kini yang merangkumi pengendalian penambahan jumlah jemaah haji dari tahun ke tahun, ruang dan masa yang semakin terhad, kepelbagaiannya budaya dan juga bahasa di sana. Oleh yang demikian, melalui pengalaman penyelidikan yang telah dijalankan di Makkah, beberapa pendekatan penambahbaikan melalui kemajuan sains dan teknologi telah dikenal pasti dengan memfokuskan kepada servis yang sedia ada. Antaranya adalah penambahbaikan di lapangan kapal terbang Jeddah yang menjadi tumpuan segenap jemaah haji dari seluruh dunia, penambahbaikan dari segi pengawasan jemaah haji, penambahbaikan sistem pengangkutan, penambahbaikan kemudahan penginapan, memperkenalkan sistem informasi kepada jemaah haji, memperkenalkan sistem perbankan antarabangsa dan penambahbaikan pengurusan sisa buangan.

Perkataan Teras : Pengurusan Haji, Sains dan Teknologi,
Penambahbaikan Sistem.

Klasifikasi JEL : L80, R53, N45, Z12

¹ Penasihat Kluster Penyelidikan Haji, Pusat Penyelidikan dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga (CETREE), Universiti Sains Malaysia (USM).

² Sekretariat, Kluster Penyelidikan Haji, Pusat Penyelidikan dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga (CETREE), Universiti Sains Malaysia (USM).

PENGENALAN

Mengerjakan ibadat haji merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang kelima dan ianya menjadi kewajipan untuk seluruh umat Islam tidak kira lelaki ataupun wanita yang berkemampuan dari segi fizikal dan kewangan. Ibadat haji merangkumi perjalanan ke tempat-tempat seperti Makkah, Mina, Arafah dan Mudzalifah. Sepanjang perjalanan ini berbagai-bagai amalan yang perlu ditunaikan seperti *tawaf*, *sae*, melontar di ketiga-tiga *jamrah*, *bertahlul* dan sebagainya. Saban hari, dengan penambahan jumlah orang Islam yang memohon untuk mengerjakan haji setiap tahun, Kerajaan Arab Saudi telah menghadkan jumlah jemaah haji kepada 2 juta orang untuk setiap tahun. Walaupun dengan jumlah yang sebegini, ternyata sumber-sumber yang ada di sana hampir kehabisan disebabkan oleh kesesakan jemaah haji yang terlalu ramai berasak-asak mengerjakan ibadat haji. Untuk memahami dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku semasa mengerjakan haji, para penyelidik Kluster Penyelidikan Haji, USM telah melakukan kajian awal dan mendapati jumlah jemaah haji yang sangat ramai perlu ditampung dan pergerakan jemaah haji perlu dikawal dengan menggunakan kemajuan sains dan teknologi masa kini.

KEPERLUAN JEMAAH HAJI

Melaksanakan ibadat haji mengandungi beberapa amalan yang perlu dilengkapkan bagi mencapai kesempurnaan mengerjakan ibadat yang dipanggil haji *mabrur*. Seperti yang dinyatakan, amalan-amalan ini adalah asas atau rukun di mana setiap jemaah haji perlu mengerjakannya.

Melalui pemerhatian keseluruhan yang telah dilakukan oleh para penyelidik Kluster Penyelidikan Haji, USM, seseorang jemaah haji yang mengerjakan ibadat haji, memerlukan keperluan asas seperti penginapan yang melibatkan tempat tinggal, tandas dan sumber air yang mencukupi, pengangkutan tempatan yang sedia ada, sedikit informasi berkenaan keperluan berada di sana, kemudahan perbankan dan kelebihan untuk mendapatkan bantuan perubatan.


Bagaimanapun, disebabkan keperluan yang kurang mencukupi, berbagai-bagi masalah telah timbul dan kadang kala mengundang kepada kejadian yang serius dan kemalangan yang tidak diingini. Oleh sebab itu, melalui kemajuan sains dan teknologi, kesempurnaan mengerjakan haji dengan lebih mudah dapat dicapai di samping para jemaah haji berasa lebih selesa dan selamat.

Di dalam konteks ini, Kerajaan Arab Saudi telah berusaha dari tahun ke tahun bagi menyelesaikan berbagai-bagi masalah yang dihadapi oleh jemaah haji tidak kira dari pelbagai sudut pengurusan. Setakat ini, Kerajaan Arab Saudi telah menyediakan servis yang baik walaupun menerima tekanan yang kuat daripada jemaah haji yang melebihi 2 juta orang, tetapi hakikatnya keadaan sistem yang sedia ada sekarang masih memerlukan penambahbaikan. Berikut adalah keadaan semasa di tempat-tempat tertentu yang harus ditambah baik menggunakan kemajuan sains dan teknologi masa kini:

a. Terminal Haji, Lapangan Terbang King Abdul Aziz, Jeddah

Pengurusan dan pengawasan semua jemaah haji yang tiba di Lapangan Terbang King Abdul Aziz, Jeddah pada musim haji menjadi faktor utama di mana proses imigrasi menjadi lambat. Walaupun dari tahun ke tahun Kerajaan Arab Saudi cuba memperbaiki keadaan di sini dengan pembesaran kawasan dan kaunter-kaunter imigrasi tetapi masalah yang sama masih dihadapi. Melalui pemerhatian yang dapat dilihat, proses imigrasi terpaksa memakan masa selama 2 hingga 3 jam di terminal haji sahaja bagi menguruskan satu kapal terbang yang tiba dan mempunyai lebih kurang 100 orang jemaah haji. Disebabkan jemaah haji yang terlalu ramai, pengurusan seperti penyemakan visa oleh pegawai imigrasi dari satu jemaah haji ke satu jemaah haji mengambil masa yang lama.

Rajah 1: Proses imigrasi yang dilalui para jemaah haji yang tiba di terminal haji, Lapangan Terbang King Abdul Aziz



Masalah ini juga timbul apabila jemaah haji ingin mengambil bagasi mereka dan terpaksa melalui proses yang lama disebabkan kesesakan yang terjadi dan sistem yang kurang cekap. Setelah selesai segala proses di terminal haji, selalunya semua jemaah haji akan berkumpul di luar untuk menaiki bas ke Makkah. Perjalanan ke Makkah memakan masa selama 5 hingga 6 jam disebabkan faktor kesesakan lalu lintas dan faktor-faktor yang lain. Walaupun sepanjang proses perjalanan ini, jemaah haji dapat berhenti untuk membeli barang-barang keperluan, makan dan minum, solat, berehat dan sebagainya, tetapi dengan proses yang mengambil masa yang lama dan kesesakan yang dialami semestinya jemaah haji akan keletihan setelah tiba di Makkah.

b. Jeddah – Mekah – Madinah

Untuk menampung dan menghantar sejumlah besar jemaah haji sama ada dari Jeddah ke Makkah ataupun Madinah dan sebaliknya semasa musim haji, pengangkutan yang cekap dan efisien sangat diperlukan. Keadaan semasa menunjukkan perjalanan ke tempat-tempat ini mengambil masa yang lama dan kesesakan lalu lintas

menjadi punca utama disebabkan jutaan manusia berpusu-pusu ke satu destinasi yang sama pada waktu yang sama. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat 20 juta orang yang bergerak sekitar Jeddah, Makkah dan Madinah menggunakan berbagai-bagai jenis pengangkutan. Dijangka jumlah ini akan meningkat kepada 30 juta orang menjelang tahun 2020. Ini dikhuatiri kesesakan yang sedia ada masih tidak dapat diselesaikan sedangkan jumlah pengguna jalan raya semakin meningkat dari tahun ke tahun.


c. Penginapan

Semasa di musim haji, hotel-hotel sekeliling Jeddah, Makkah mahupun Madinah menjadi tempat utama untuk para jemaah haji untuk berahat, bersuci, menjamu selera, membeli belah dan sebagainya. Di sini bermacam-macam hotel serba mewah mahupun tidak mewah seperti Makkah Hilton, Zam-Zam Tower, Makkah Palace, Firdaous Palace mahupun hanyalah khemah-khemah biasa telah dibina untuk menampung sebahagian besar jemaah haji yang mengerjakan haji pada musim haji pada tiap-tiap tahun. Boleh dikatakan kemudahan-kemudahan yang berada di penginapan ini cukup dengan keperluan-keperluan harian sepanjang aktiviti mengerjakan haji mengikut taraf-taraf penginapan yang sedia ada. Tetapi melalui pemerhatian yang dilakukan, sistem yang digunakan untuk kemudahan-kemudahan ini masih tidak mengikut arus perkembangan zaman sekarang. Contohnya, bekalan air di sana memerlukan lori dengan bilangan yang sangat banyak untuk mengangkut bekalan-bekalan air ke seluruh penginapan-penginapan jemaah haji dan kawasan-kawasan yang lain. Manakala semua sisa-sisa buangan dari tempat-tempat penginapan ini juga menggunakan lori dengan bilangan yang banyak untuk mengangkut sisa-sisa buangan ke tempat pembuangan sampah utama. Dengan keadaan semasa ini, masalah yang sering dihadapi ialah kekurangan bekalan air dan sampah bertimbun-timbun tidak diangkut disebabkan lori-lori pengangkut gagal untuk menguruskan masa bagi membekalkan air dan mengangkut sampah dengan cekap. Masalah utama yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah apabila lori-lori yang membekalkan air dan mengangkut sampah tidak dapat menuju ke destinasi-destinasi tertentu di sekitar Makkah akibat kesesakan lalu lintas dan lautan manusia yang membanjiri kawasan-kawasan di sana untuk mengerjakan haji.

d. Makkah – Mina – Arafah – Mudzalifah

Seperti sedia maklum oleh semua orang Islam yang mengerjakan haji, Masjidil Haram, Mina, Arafah dan Mudzalifah menjadi tempat-tempat untuk dilawati bagi menunaikan beberapa amalan untuk mengerjakan haji.

Rajah 2: Kawasan-kawasan yang dilalui oleh jemaah haji sepanjang mengerjakan haji



Bermula dengan hari kelapan yang dikenali dengan hari *al-Tarwiyah*, kemudian hari kesembilan yang digelar hari Arafah, sehingga hari kesepuluh (hari *Nahar*), serta tiga hari *al-Tasyriq* (11, 12 dan 13 Zulhijjah), para jemaah haji akan bergerak secara beramai-ramai sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki ke kawasan-kawasan ini untuk menunaikan amalan-amalan yang tertentu.

Bagaimanapun, melalui pemerhatian yang dilakukan beberapa tahun kebelakangan ini, masalah kesesakan lalu lintas menjadi semakin serius dari tahun ke tahun disebabkan penambahan jemaah haji dan kenderaan pengangkutan. Bas-bas mahupun kenderaan lain terpaksa bergerak secara perlahan dan memakan masa berjam-jam lamanya untuk sampai ke kawasan destinasi. Adapun jemaah-jemaah haji yang memilih untuk berjalan kaki bagi sampai ke kawasan destinasi dengan lebih cepat berbanding bas ataupun kenderaan lain disebabkan oleh kesesakan lalu lintas yang serius, jemaah-jemaah haji akan mendapati diri mereka letih setelah tiba dan memberi kesan untuk menunaikan amalan haji seterusnya. Kadang kala para jemaah haji ini akan lewat dan tidak sempat sampai ke

kawasan-kawasan destinasi ini pada waktu yang tertentu sama ada menggunakan kenderaan mahupun berjalan kaki. Ini akan mengundang kepada tidak kesempurnaan mengerjakan ibadat haji dan pembayaran dam.


Berdasarkan keadaan semasa yang serius di Makkah pada tiap-tiap tahun kebelakangan ini dengan berbagai-bagai isu dan masalah hampir di semua kawasan-kawasan seperti Masjidil Haram, Mina, Arafah dan Mudzalifah di sepanjang musim haji, pendekatan yang hanya boleh diambil adalah dengan menggunakan kemajuan sains dan teknologi kini bagi mengatasi segala isu dan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh para jemaah haji. Sudah sedia maklum melalui perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi kini, pengurusan haji dapat dijalankan dengan lebih teratur dan selamat, lebih produktif dan lebih cekap dari segi pelaksanaan untuk menjadikan servis haji di Makkah berada di kelas yang pertama.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK LAPANGAN TERBANG KING ABDUL AZIZ, JEDDAH

Melalui pemerhatian menyeluruh dan beberapa ulasan kajian yang telah dibuat di peringkat awal, penyelidik-penyalidik Kluster Penyelidikan Haji, USM telah mengenali servis yang patut diperbaiki di lapangan kapal terbang ini. Seperti yang telah dinyatakan, sistem sedia ada khususnya proses imigrasi yang berada di lapangan terbang ini tidak cekap dan tidak dapat menampung jutaan jemaah haji yang datang untuk mengerjakan ibadat haji setiap tahun di Makkah. Tetapi dengan kemajuan sains dan teknologi kini, RFID (*Radio Frequency Identification*) adalah satu teknologi yang dapat menyelesaikan masalah-masalah di lapangan terbang ini dengan menggunakan proses-proses yang tertentu.

RFID ataupun dipanggil *Radio Frequency Identification* adalah sebuah kaedah identifikasi dengan menggunakan sarana yang disebut label RFID atau *transponder* untuk menyimpan dan mengambil data jarak jauh. Label atau tag RFID adalah sebuah benda yang biasa dipasang atau dilabelkan di dalam sebuah produk, peralatan atau manusia dengan tujuan untuk identifikasi menggunakan gelombang radio. Label RFID terdiri daripada mikrocip silikon dan antena.

Rajah 3: Perangkat Input Sistem RFID



Di sini dapat dilihat teknologi RFID dapat membantu dan mengambil alih sistem sedia ada di Lapangan Terbang King Abdul Aziz, Jeddah. Dengan penggunaan RFID yang menggunakan frekuensi radio untuk mengesan jemaah haji melalui label RFID yang ditagkan bersama, perkara-perkara berikut dapat diaplikasikan dan diuruskan dengan lebih cepat dan cekap:

- i. proses imigrasi yang melibatkan pasport dan visa jemaah haji tidak memerlukan pemeriksaan secara terperinci oleh pegawai imigrasi, tetapi dengan mengimbas label RFID yang ditagkan bersama jemaah haji sudah memadai bagi dihantar kepada server dan pengesahan oleh pangkalan data bagi membuktikan bahawa jemaah haji tersebut adalah jemaah haji yang sah dan telah berdaftar;
- ii. maklumat perubatan dapat diakses dengan cepat dan bila-bila masa oleh pegawai yang bertanggungjawab di lapangan terbang tersebut bagi megenal pasti tahap kesihatan jemaah haji bagi tujuan tertentu;
- iii. hotel atau tempat penginapan jemaah haji dapat dikesan dari awal bagi memudahkan pengurusan penempatan jemaah haji dari lapangan terbang ke hotel atau tempat penginapan;

- iv. bagasi yang menggunakan label RFID dapat dikesan dengan mudah di lapangan terbang di samping pengurusan berkenaan proses daftar masuk dan pengambilan bagasi dapat dijalankan dengan lebih mudah dan efektif;
- v. identiti jemaah haji bagi tujuan pengangkutan menggunakan kenderaan yang telah diuruskan dapat dikenal pasti dengan lebih awal di lapangan terbang lagi. Ini membolehkan pengurusan untuk pemindahan dan pengumpulan jemaah haji ke kenderaan masing-masing selepas keluar dari lapangan terbang tersebut dapat dijalankan dengan lebih cepat dan berkesan;
- vi. begitu juga maklumat berkenaan menu makanan bagi jemaah haji termasuk alergi yang dihadapi dapat dikesan secara automatik oleh aplikasi RFID untuk tujuan pengagihan makanan; dan
- vii. pengawasan jemaah haji dapat dilakukan secara keseluruhan melibatkan hubungan entiti dan sistem yang menggunakan teknologi RFID. Dengan ini sistem yang digunakan akan lebih cepat dan cekap.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK PENGAWASAN

Dengan peningkatan jumlah jemaah-jemaah haji yang datang ke Makkah bagi mengerjakan ibadat haji setiap tahun, kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan untuk mengerjakan haji menjadi semakin sesak dan susah untuk diawasi.

Oleh yang demikian, melalui kajian pergerakan yang dilakukan untuk jemaah-jemaah haji di kawasan-kawasan tumpuan di Makkah, didapati lingkungan pergerakan mereka menjadi semakin besar, rumit dan merebak hampir ke seluruh kawasan di Makkah. Untuk tujuan pengawasan dan pemantauan jemaah-jemaah haji ini di kawasan-kawasan yang berlainan di Makkah, peralatan seperti kamera pengawasan amat diperlukan.

Di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan semua jemaah haji seperti di Masjidil Haram, kamera yang mempunyai kepentasan tinggi (*high-speed camera pan/tilt*) diperlukan untuk memantau pergerakan jemaah haji di waktu puncak terutamanya pada waktu-waktu solat Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

Di dalam kawasan hab-hab utama pengangkutan jemaah-jemaah haji seperti di terminal-terminal, kamera kubah (*dome camera*) yang juga mempunyai kepentasan tinggi perlu diadaptasikan.

Untuk kawasan-kawasan pemeriksaan jemaah haji, kamera tetap (*fix camera*) pula perlu digunakan. Justeru itu, dengan adaptasi peralatan ini di berbagai-bagai kawasan di Makkah secara tidak langsungnya dapat melaksanakan pengawasan dan pemantauan jemaah-jemaah haji secara keseluruhannya.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK PENGANGKUTAN

Sistem keretapi pantas yang dapat memuatkan lebih ramai penumpang adalah penyelesaian nyata dari segi kemajuan sains dan teknologi kini yang dapat dibangunkan di Makkah bagi menggantikan servis bas yang sedia ada mahupun penggunaan kenderaan persendirian seperti kereta ataupun van. Kejayaan penggunaan sistem keretapi pantas dapat dilihat di negara-negara maju seperti di Perancis dan Jepun. Ini adalah satu pendekatan yang baik yang dapat digunakan di Makkah bagi mengangkat bilangan jemaah haji yang ramai dari satu tempat ke kawasan-kawasan destinasi di Makkah.

Sebagai contoh, sistem keretapi pantas di Jepun dapat mengangkat lebih dari 2 juta orang sehari dalam lingkungan radius 300km dari Tokyo. Jika dibandingkan situasi di Jepun, situasi yang dihadapi pada setiap tahun di Makkah dapat diatasi dengan mudah dengan perancangan yang terperinci dan penggunaan sistem dan teknologi yang betul. Di samping itu, mengikut kemajuan teknologi masa kini yang menggunakan sistem pengangkutan pintar, kebanyakan negara-negara maju telah memasang sistem ini yang berfungsi secara sendirinya bagi mengendali sesuatu operasi di dalam pengangkutan dan juga berfungsi sebagai pelantar pemprosesan data.

Tempat-tempat efektif yang dapat dilaksanakan adalah seperti di sistem pengangkutan lebuh raya ataupun di dalam sistem pengangkutan di sesebuah bandar. Sistem ini mengendali audit kelajuan, pengawasan isyarat kesesakan dan mempamerkan papan kenyataan yang dinamik menggunakan LED (*Light Emmiting Diod*).

Makkah pada musim haji adalah satu suatu keadaan di mana sistem keretapi pantas dan sistem pengangkutan pintar dapat digabungkan dan menjadi sangat berguna bagi mengurangkan masa perjalanan jemaah haji dan menghapuskan kesesakan lalu lintas di Makkah pada musim haji.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK PENGINAPAN

Pendekatan yang boleh diambil dari segi penginapan untuk jemaah haji di Makkah dengan kemajuan sains dan teknologi kini, penggunaan satu sistem yang dipanggil sistem pengurusan bangunan secara automasi dapat diguna pakai. Sistem ini amat sesuai dilaksanakan di hotel-hotel dan tempat penginapan jemaah haji sepanjang musim haji di Makkah. Sistem pengurusan ini memberi kelebihan kepada pengurus sesebuah hotel untuk mengendalikan hotel dengan lebih baik dari segi sumber-sumber untuk hotel, meningkatkan operasi hotel dengan lebih cekap dan mengurangkan kos untuk pengawasan di dalam bilik pengawalan kerana ianya dijalankan secara automatik. Melalui sistem ini, sistem penyaman udara dapat dikendalikan secara automatik termasuk pengawalan lif, pengawalan pintu masuk dan sistem penggera keselamatan. Sistem yang juga dipanggil sistem bangunan pintar ini tidak hanya beroperasi sebagai satu entiti, tetapi bersambung dengan hab-hab lain di lingkungan infrastruktur sesuatu bandar. Dengan penyambungan ini, sistem ini mempunyai keupayaan untuk mengurangkan kos, mengoptimasikan sumber manusia yang digunakan dan meningkatkan taraf servis menerusi pengumpulan, penggabungan dan diikuti proses automasi. Di sini dapat dilihat, kecekapan pengurusan dari segi penginapan jemaah haji dapat ditingkatkan dengan kemajuan sains dan teknologi kini.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK INFORMASI

Sesuatu yang amat diperlukan sebelum dan semasa mengerjakan haji adalah informasi tidak kira sama ada panduan mahupun pengetahuan. Dengan perkembangan sains dan teknologi khususnya di dalam bidang teknologi informasi, perjalanan mengerjakan haji di Makkah akan menjadi lebih mudah dengan menggunakan satu peralatan yang dapat memberi berbagai-bagai informasi seperti keadaan penghuni di Makkah pada musim haji mahupun panduan-panduan yang penting di Makkah seperti peta, lokasi-lokasi penting, cuaca, pengangkutan, penginapan, institusi, pusat membeli-belah dan sebagainya. Peralatan yang dipanggil kiosk pintar ini amat penting untuk memberi panduan kepada semua jemaah haji.

Melalui kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyalidik Kluster Penyelidikan Haji, USM, versi pertama kiosk ini haruslah diletakkan di kawasan awam dan menawarkan servis informasi seperti maklumat-maklumat bandar Makkah, institusi, cuaca dan sebagainya. Untuk versi kedua kiosk ini yang lebih mudah alih boleh digunakan melalui telefon bimbit masing-masing yang menggunakan konsep kepelbagaiannya media untuk mengakses pelbagai informasi di sekitar Makkah. Walaupun penggunaan telefon bimbit masih tidak menyeluruh terutamanya oleh jemaah-jemaah haji di Makkah, tetapi melalui statistik kajian, jumlah penggunaan telefon bimbit oleh jemaah haji di Makkah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini membuktikan bahawa teknologi informasi semakin penting semasa musim haji di Makkah.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK PERBANKAN ANTARABANGSA

Salah satu lagi kemudahan yang dapat diaplikasikan dengan menggunakan sains dan teknologi kini untuk jemaah haji adalah dengan menghubungkan bank-bank asing dari negara asal jemaah haji dengan bank di Arab Saudi. Melalui pendekatan ini, jemaah haji akan mempunyai kelebihan untuk berinteraksi terus dengan mana-mana bank di Arab Saudi dan secara tidak langsungnya akan mewujudkan pertukaran wang dengan lebih cepat dan selamat selama 24 jam dan 7 hari seminggu.

Di samping itu, sistem yang dipanggil ATM (*Automated Transfer Machine*) pintar ini dapat juga memudahkan urusan jual beli di Makkah hanya dengan menghubungkan kad ATM jemaah haji dengan pembaca kad ATM yang digunakan di Arab Saudi.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK PENGURUSAN SISA BUANGAN

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, permasalahan yang terjadi pada musim haji adalah jumlah sampah yang sangat banyak telah dihasilkan daripada jemaah haji di Makkah tidak dapat diuruskan dengan sempurna disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan seperti kesesakan orang ramai dan kesesakkan lalu lintas. Apa yang dapat dilihat dengan kemajuan sains dan teknologi kini, negara-negara seperti di Eropah dan Jepun telah mula menghapuskan cara lama menguruskan sampah seperti menyapu, mengutip dan penggunaan lori untuk mengangkut sampah. Secara tidak langsungnya, mesin telah digunakan untuk menolong untuk mengurangkan interaksi manusia dengan pengutipan sampah bagi mengelakkan penyebaran penyakit, memudahkan pengurusan pembuangan sampah lebih cepat dan lebih cekap. Ini dapat dibuktikan dengan penggunaan pam vakum yang bertindak untuk mengangkut sampah dari tapak pembuangannya sama ada di rumah-rumah, hotel-hotel mahupun di tepi-tepi jalan, terus ke dalam tanah dan ke tempat pembuangan sampah utama untuk diproses menjadi baja ataupun bahan guna semula. Dengan pendekatan ini, penyelidik-penyalidik Kluster Penyelidikan Haji, USM telah membuat kesimpulan di mana dengan teknologi pengurusan sampah kini, isu permasalahan pengurusan sampah di Makkah ataupun bandar-bandar lain di Arab Saudi dapat diatasi dengan mudah melalui perancangan dan penggunaan teknologi yang betul.

KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI UNTUK KESELURUHAN AKTIVITI HAJI

Perkembangan arus sains dan teknologi kini sangat perlu diadaptasikan di Makkah bagi meningkatkan kualiti dan kecekapan servis yang sedia ada. Pembangunan aplikasi untuk mengautomasikan segala

urusian dan operasi haji akan memudahkan jemaah haji untuk mengerjakan haji di Makkah maupun melawat tempat-tempat suci seperti di Madinah ataupun di tempat-tempat lain. Aplikasi perisian kini menjadi sangat utama di mana teknologi ini dapat memproses permohonan dan permintaan jemaah haji secara automatik dengan penggunaan teknologi informasi untuk proses-proses berikut:

- i. membuat visa dan pasport;
- ii. mencari penerbangan dan menghubungkan dengan syarikat penerbangan;
- iii. menyediakan perkhidmatan atas talian kepada jemaah-jemaah haji berkenaan status permohonan bagi mengerjakan haji;
- iv. menyediakan sistem maklum balas suara secara interaktif untuk sebarang status dan pertanyaan am melalui kiosk-kiosk pintar;
- v. menyediakan khidmat untuk mengendalikan pelbagai-bagai bayaran dan transaksi FOREX (pertukaran wang);
- vi. mengesan jemaah-jemaah haji di Makkah ataupun Madinah pada waktu sebenar dan menyediakan maklumat secara atas talian; dan
- vii. menyediakan khidmat pengurusan bayaran balik untuk jemaah haji untuk hal-hal yang tertentu.

Teknologi informasi yang digunakan untuk menghasilkan servis-servis ini pula adalah seperti ASP, IIS, SQL Server, Flash, Dream Weaver dan sebagainya.

MENGGALAKKAN KERJASAMA BARU

Untuk melebarkan lagi penyelidikan menggunakan sains dan teknologi kini terhadap aktiviti haji di Makkah, Kluster Penyelidikan Haji, USM telah berusaha dari tahun ke tahun untuk mencari dan mengadaptasikan idea-idea baru yang dapat digunakan di Makkah di samping menjalankan kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi yang mempunyai kepakaran tinggi di dalam bidang sains dan teknologi.

Universiti Umm Al-Qura, Arab Saudi menerusi Institut Penyelidikan Haji telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Arab Saudi bagi menjalankan penyelidikan yang berkaitan terhadap aktiviti haji dan pengurusan jemaah haji. Universiti Sains Malaysia dan Universiti Umm Al-Qura, Arab Saudi telah lama menjalinkan kerjasama dan telah menjalankan berbagai-bagai kajian dalam pelbagai bidang khususnya, pengangkutan, pengawasan, pemantauan, pengurusan tenaga, pengurusan bahan buangan, perubatan dan persekitaran.

Justeru itu, bagi membangunkan Makkah kepada suatu bandar yang serba pintar menerusi sains dan teknologi kini, usaha Universiti Sains Malaysia menerusi Kluster Penyelidikan Haji tidak menghadkan kerjasama dengan satu institusi. Kini Kluster Penyelidikan Haji, USM juga telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Taibah, Saudi Arabia dan juga Universiti Al-Azhar, Mesir yang tersohor dari segi kepakaran mereka untuk bidang sains dan teknologi. Melalui kerjasama ini, saintis Islam dapat duduk bersama dan perkembangan idea dapat dicetus dan dibincangkan bagi merealisasikan keperluan umat Islam untuk membangunkan bandar Makkah bagi kemudahan jemaah haji seluruh dunia.

MEREALISASIKAN BANDAR PINTAR

Dengan usaha pihak Kluster Penyelidikan Haji, USM untuk menukar bandar Makkah kepada suatu bandar yang serba maju dari segi sains dan teknologi, beberapa perkara telah dititikberatkan:

- i. Keperluan tulang belakang infrastruktur:
 - Teknologi informasi – tanpa wayar dan fiber optik
 - Sistem pengagihan bahan buangan – bawah tanah
 - Sistem pengagihan air – bawah tanah
- ii. Sumber kewangan:
 - Kerajaan Arab Saudi mempunyai modal dan sumber kewangan yang mantap
 - Kerajaan Arab Saudi juga mempunyai sumber manusia yang ramai

iii. Sokongan:

- Arab Saudi adalah negara yang diberkati dan mempunyai sokongan seluruh umat Islam dari pelosok dunia yang sanggup untuk menyumbang dari segi idea, perancangan, latihan dan perkongsian ilmu

IMPAK EKONOMI KEMASYARAKATAN

Dengan pendedahan dan pendekatan berkenaan arus perkembangan sains dan teknologi kini, penukaran bandar Makkah kepada sebuah bandar yang lebih maju secara langsungnya akan memberi impak ekonomi kepada masyarakat melalui perkara-perkara berikut:

1. Jemaah haji – Kemudahan dan servis kelas pertama dapat dinikmati berdasarkan perkembangan sains dan teknologi kini;
2. Negara Islam – Pendedahan kepada pengetahuan terkini berkenaan sains dan teknologi untuk pembangunan dalam modal insan, infrastruktur, teknologi informasi dan sebagainya. Di samping itu, ianya dapat memberi peluang kepada pengusaha dan kepakaran dari umat Islam sendiri;
3. Pengusaha – Mempunyai keupayaan untuk mempamerkan sains dan teknologi kini kepada sektor awam dan swasta. Di samping itu, ianya dapat menjalinkan kerjasama dengan negara Islam lain yang mempunyai hak milik teknologi sendiri yang telah dihasilkan; dan
4. Agensi pendanaan untuk prototaip – Penyertaan dalam pendanaan hala baru di dalam perkembangan sains dan teknologi dan amat bermanfaat apabila teknologi berkenaan digunakan secara meluas. Di samping itu, ianya juga dapat menyediakan cara Islam yang baru dalam pendanaan sains dan teknologi.

KESIMPULAN

Daripada pemerhatian, penyelidikan dan cadangan yang telah dibuat oleh penyelidik-penyalidik Kluster Penyelidikan Haji, USM dan berdasarkan pendekatan dengan penggunaan sains dan teknologi kini, bandar Makkah dapat ditukar menjadi satu bandar yang pintar di mana seluruh umat Islam ataupun jemaah haji dapat mengerjakan haji dengan lebih selesa.

Oleh yang demikian, melalui bandar pintar Makkah dan penyediaan servis kelas pertama, jemaah haji yang berada di Makkah akan dapat menumpukan dengan khusyuk lagi terhadap ibadat haji yang dikerjakan dan dengan ini haji *mabrur* akan dicapai, Insya-Allah.

Bagaimanapun, dengan perancangan pembangunan yang sedang dijalankan di Makkah pada masa kini di samping penyelidikan yang intensif oleh pihak Arab Saudi mahupun Kluster Penyelidikan Haji, USM, pembentukan bandar pintar di Makkah mungkin akan dapat direalisasikan dengan lebih cepat lagi daripada yang dijangkakan.

RUJUKAN

Kamarulazizi Ibrahim & Khairur Rahim Ahmad Hilme, “*Report of the Universiti Sains Malaysia Hajj Research 1427H, USM Research in The Desert*”, 18th Dec 2006 - 10th Jan 2007, ISBN 978-983-3474-16-5

Sarah Spiekermann, Sergei Evdokimov, Critical RFID Privacy-Enhancing Technologies, Computing in Science and Engineering, IEEE, Vol. 7, Issue 2, 2009, 56-62.

Haj & Umra Staff, Giant Step; Government, public sector join hands in Makkah road project, Haj and Umra, Makkah Publishing Agency, Vol. 64, Issue 9, 2009, 8-11.

Snoonian, D., Smart buildings, Spectrum, IEEE, Vol. 40, Issue 8, 2003, 18-23

PELAN TINDAKAN TERPERINCI PROGRAM PEMBUDAYAAN INTEGRITI JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR), JPM¹

Oleh:

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menjelaskan secara terperinci akan pendekatan dan strategi JAWHAR dalam usaha berterusan bagi mencapai visinya sebagai sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia. Sehubungan itu, Pelan Tindakan PPIJ yang berhala tuju untuk menterjemahkan matlamat, pendekatan dan strategi ke arah membudayakan integriti di JAWHAR dalam memperkasakan keutuhan pengurusan menerusi sistem tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi, berintegriti dan berbudaya kerja yang terbilang.

Perkataan Teras : Pelan Tindakan PPIJ, JAWHAR, Integriti

Klasifikasi JEL : D70, M11, J50, Z19

¹ Keseluruhan kertas ini akan diterbitkan dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR jilid terkini yang sedang dicetak.

TUJUAN

Kertas ini adalah mengenai **Pelan Tindakan Terperinci Program Pembudayaan Integriti JAWHAR (PPIJ)**. Dalam usaha berterusan untuk mencapai visinya sebagai sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia, JAWHAR sentiasa memberi galakan dan melatih warganya untuk memperkasakan pembangunan sahsiah diri (*character's building*) serta membudayai keterbilangan seperti *thinking personnel*. Kedua-dua aspek ini amatlah penting bagi sesebuah organisasi untuk menjadi *role model* serta menjana idea-idea baru agar sentiasa ampuh dalam melaksanakan transformasi positif terhadap kualiti sistem penyampaian perkhidmatannya. Dengan adanya program khusus seperti PPIJ ini, usaha penerapan sifat serta sikap positif dan berintegriti yang berterusan bagi seluruh warga kerja JAWHAR dapat dimantapkan sepanjang masa.

LATAR BELAKANG

Kertas ini adalah sebahagian daripada perancangan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) yang dilancarkan secara rasminya oleh YB Menteri di JPM pada 30 November 2007. Ianya merupakan perancangan terperinci salah satu Program utama dalam **Teras Strategik 2: Pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten, berprestasi tinggi dan tauhidik**.

PELAN TINDAKAN PPIJ

Pelan tindakan ini merupakan suatu rangka tindakan bersepada yang berhala tuju untuk menterjemahkan matlamat, pendekatan dan strategi ke arah membudayakan integriti di JAWHAR. Dengan lain perkataan, pelan tindakan ini adalah untuk memperkasakan keutuhan pengurusan di JAWHAR menerusi sistem tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi, berintegriti dan berbudaya kerja yang terbilang. Justeru itu, JAWHAR akan sentiasa berupaya melahirkan warga kerja yang berkualiti, berintegriti dan menjadi "**JAWHAR's material**" yang tersohor walaupun di mana jua ditugaskan dalam sektor awam kelak.

Visi PPIJ ialah “**Perkhidmatan Berintegriti, Telus dan Responsif adalah Budaya JAWHAR**” dan diselaraskan dengan dasar Kerajaan iaitu amalan Bersih, Cekap dan Amanah. Di antara **Key Success Factors (KSF)** ke arah pencapaian visi PPIJ ini ialah komitmen yang jitu dari seluruh warga kerja JAWHAR, kewangan, bilangan modal insan yang berkualiti dan sokongan padu daripada *stakeholders* utama, terutamanya Pentadbiran Am, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dalam usaha membantu pencapaian visi PPIJ ini, suatu **pendekatan holistik** telah dirangkakan yang melibatkan empat sub-pendekatan seperti berikut:

Pendekatan Pendidikan – iaitu melibatkan pemerangkaan, perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti secara bersepadu bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran, kemahiran dan penerapan amalan serta penghayatan integriti dalam kalangan seluruh warga kerja JAWHAR;

Pendekatan Pencegahan – iaitu melibatkan tindakan pengesanan kelemahan-kelemahan dalam sistem serta prosedur kerja, peraturan dan pentadbiran bagi mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan JAWHAR yang melangkaui kehendak *stakeholders* dan pelanggan.

Pendekatan Pemulihan – iaitu melibatkan tindakan pengukuhan pengurusan dari aspek struktur, amalan dan budaya kerja ke arah memperkasakan integriti dalam kalangan seluruh warga kerja JAWHAR. Kaedah ini dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan juga memutihkan para warga kerja JAWHAR yang terlibat dengan urusan yang tidak berintegriti.

Pendekatan Pengiktirafan & Punitif – iaitu melibatkan tindakan menganugerahkan pengiktirafan kepada warga kerja JAWHAR yang berintegriti. Di samping itu, tindakan tegas perlu diambil terhadap warga kerja JAWHAR yang terlibat dalam rasuah, penyelewengan, “*little Napoleon*” serta penyalahgunaan kuasa, pelanggar peraturan dan kod etika HIJRAH yang menjadi falsafah pengurusan JAWHAR.

Kesimpulannya, pendekatan holistik di atas dijangka dapat membantu JAWHAR membangunkan karektor modal insannya yang terbilang

dengan “*towering personalities*”. Seterusnya, prakarsa sebegini akan membantu JAWHAR melahirkan bukan sahaja “*1st Class Managers*” tetapi juga barisan “*Leaders*” yang tersohor dan abadi sepanjang zaman walaupun di mana mereka bertugas kelak. Bagi membantu merealisasikan pendekatan holistik di atas, **strategi-strategi** berikut telah ditentukan bagi setiap pendekatan ini seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Strategi Bagi Setiap Pendekatan Untuk Mencapai Visi PPIJ

PENDEKATAN PENDIDIKAN	Tingkatkan kesedaran dan penghayatan integriti warga kerja JAWHAR.
PENDEKATAN PENCEGAHAN	Tingkatkan ketelusan pentadbiran; sistem kerja & peraturan efektif; sistem pemantauan & pelaporan efektif; kenal pasti bidang kerja berisiko tinggi.
PENDEKATAN PEMULIHAN	Perkasakan kod etika HIJRAH dan laksanakan Program Pemulihan.
PENDEKATAN PENGIKTIRAFAN & PUNITIF	Iktirafkan kepada yang berhak; dan sistem pengesanan & hukuman wajar.

Bagi melaksanakan strategi-strategi di atas, beberapa aktiviti telah dirangka dalam **Pelan Tindakan PPIJ** secara bersepadu di JAWHAR seperti berikut:

a) **PENDEKATAN PENDIDIKAN**

(i) **Majlis Pelancaran PPIJ**

Rasional:

Majlis ini bertujuan untuk melancarkan gerakan pembudayaan integriti di peringkat JAWHAR secara serius dan holistik. Integriti sangat diutamakan oleh JAWHAR dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk kelestarian pembangunan hadhari yang seimbang, iaitu bukan sahaja menekankan kepada pembangunan materialistik tetapi juga kepada pembangunan kerohanian.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Tema</u>	: “WARGA KERJA BERINTEGRITI, JAWHAR TERBILANG”.
<u>Tarikh Pelancaran</u>	: Majlis Perhimpunan Bulanan JAWHAR.
<u>Dirasmikan Oleh</u>	: Ketua Pengarah JAWHAR.
<u>Aktiviti</u>	: Antara aktiviti utama di majlis pelancaran ini ialah - <ul style="list-style-type: none">• Hebahan secara rasmi mengenai PPIJ dan senarai aktivitinya; dan• Ceramah Integriti oleh Penceramah tersohor.
<u>Tindakan</u>	: Pengarah P&P dan PP .

(ii) Siri Ceramah Integriti JAWHAR

Rasional:

Ceramah adalah satu pendekatan konvensional utama untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Ceramah yang baik akan memberi banyak maklumat dan ilmu kepada warga kerja JAWHAR. Tajuk-tajuk integriti yang relevan dengan keperluan mereka sebagai individu dan pekerja diutarakan dari semasa ke semasa sewajarnya.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Siri Ceramah Integriti JAWHAR.
<u>Tema</u>	: “INTEGRITI BUDAYA KITA”
<u>Pemilihan Tajuk</u>	<ul style="list-style-type: none"> • Ceramah Integriti berkaitan nilai serta etika unggul dan sejagat dalam pengukuhan integriti individu/organisasi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan JAWHAR. • Tajuk-tajuk ceramah termasuklah mengenai pembentukan sikap, budaya kerja komunikasi dalam organisasi, pengurusan stress, pengurusan kewangan peribadi dan sebagainya.
<u>Penceramah</u>	<p>Calon-calon penceramah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dari Institusi Integriti yang berwibawa seperti IIM/ IKIM, dan pakar dalam bidang pengurusan integriti dari universiti tempatan dan luar negara; • Tokoh yang berwibawa dari Kementerian, Jabatan dan Agensi yang diiktiraf berintegriti tinggi dalam organisasi masing-masing; • Tokoh korporat yang berjaya dalam bidang perniagaan dan perkhidmatan yang menunjukkan amalan tadbir urus terbaik yang boleh dicontohi dalam memajukan organisasi; dan • Tokoh NGO yang memperjuangkan budaya integriti dalam sistem penyampaian perkhidmatan.
<u>Moderator</u>	: Dilantik oleh Ketua Pengarah JAWHAR.
<u>Kumpulan Sasaran</u>	: Kehadiran diwajibkan kepada semua warga kerja JAWHAR.
<u>Kekerapan</u>	: Setiap 2 Bulan.
<u>Tindakan</u>	: Urus setia Jawatankuasa Integriti JAWHAR.

(iii) Pertandingan Esei Integriti

Rasional:

Pertandingan ini adalah selaras dengan usaha menggalakkan warga kerja JAWHAR dalam bidang kajian dan penyelidikan. Seterusnya, pertandingan ini adalah bagi melahirkan warga kerja JAWHAR yang memahami dan menghayati integriti sepenuhnya dan boleh memberi idea, cadangan, huraihan, penyelesaian, rumusan dan sebagainya. Tajuk-tajuk esei pula akan diputuskan oleh pihak Jawatankuasa Integriti JAWHAR.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Kekerapan</u>	: 2 kali setahun.
<u>Penyertaan</u>	: Semua warga kerja JAWHAR dan jumlah penyertaan adalah tidak terhad.
<u>Syarat Pertandingan</u> :	<ul style="list-style-type: none">• Warga kerja JAWHAR;• Tajuk Esei akan disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan;• Panjang esei 5,000 patah perkataan;• Menggunakan kertas bersaiz A4 dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris menggunakan huruf 'Arial' bersaiz 12 dengan langkauan dua (2) baris;• Setiap esei dinilai oleh Panel Penilai dan keputusan adalah muktamad; dan• Esei-esei yang terpilih akan diterbitkan dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR.
<u>Hadiah</u>	: Hadiah adalah dalam bentuk wang tunai atau baucar bagi setiap kategori seperti berikut: i) Tempat Pertama: RM500.00; ii) Tempat Kedua: RM350.00; iii) Tempat Ketiga: RM250.00; dan iv) Tiga Hadiah Saguhati: RM100.00 setiap satu.
<u>Tajuk Esei</u>	: Akan ditentukan oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR dan contoh tajuk-tajuk esei tersebut: Kategori A: Peringkat Pegawai [Pembudayaan Integriti Dalam Tugas Harian; Peranan Kepimpinan Dalam Membudayakan Integriti di JAWHAR; Integriti JAWHAR Bermula Dari Anda] dan Kategori B: Kakitangan Sokongan [Rasuah Adalah Barah Masyarakat; Penjawat Awam Berintegriti Teras Pembangunan Negara; Integriti Amalan Kita].
<u>Tindakan</u>	: Urus setia Jawatankuasa Integriti JAWHAR.

(iv) Kuiz Integriti

Rasional:

Bagi memastikan warga kerja JAWHAR peka kepada fakta dan maklumat mengenai integriti, pertandingan kuiz perlu dianjurkan. Pertandingan kuiz ini akan dapat memberi kefahaman kepada warga kerja JAWHAR secara menyeluruh mengenai isu-isu integriti semasa serta mendidik mereka supaya berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Peserta</u>	: Terbuka kepada semua warga kerja JAWHAR.
<u>Penyediaan Soalan</u>	: Disediakan oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR.
<u>Bentuk Kuiz</u>	: <ul style="list-style-type: none"> • 10 soalan akan disediakan setiap bulan; • Peserta mesti menjawab dengan tepat bagi setiap soalan; • Soalan akan dipaparkan dalam laman web JAWHAR; dan • Soalan-soalannya adalah mengenai integriti dan aktiviti yang dijalankan dalam PPIJ.
<u>Hadiah</u>	: Disediakan oleh Jawatan Integriti JAWHAR dan akan disampaikan pada Majlis Perhimpunan Bulanan JAWHAR.
<u>Penyertaan Lewat</u>	: Tidak akan dilayan dan keputusan Panel Hakim adalah muktamad.
<u>Borang Penyertaan</u>	: Akan disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan.
<u>Tindakan</u>	: Urus setia Jawatankuasa Integriti JAWHAR.

(v) Debat Integriti

Rasional:

Menerusi pertandingan debat integriti, selain daripada pendebat, penonton juga akan memperoleh kefahaman dan maklumat mengenai integriti dari pelbagai perspektif. Pendebat akan mencari fakta dan menyusunnya untuk meyakinkan pendengar, sementara pendengar pula mendapat faedah dari hasil kerja pendebat secara langsung. Ini akan memberi kefahaman dan menimbulkan kesedaran dalam kalangan warga kerja JAWHAR mengenai integriti.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Tema</u>	: Ditentukan oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR, contohnya ialah "INTEGRITI AGENDA KITA BERSAMA".
<u>Kekerapan</u>	: Sekali setahun.
<u>Tajuk Debat</u>	: Disediakan oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR, terutamanya isu-isu integriti semasa.
<u>Pembentukan Pasukan</u>	
<u>Debat</u>	: Hendaklah berasaskan kriteria seperti antara Bahagian atau Skim Perkhidmatan dan seumpamanya.
<u>Moderator</u>	: Dilantik dari salah seorang Pengarah Bahagian, JAWHAR.
<u>Panel Hakim</u>	: Pegawai Jemputan dari Institut Integriti Malaysia/IKIM dan Ketua Pengarah JAWHAR.
<u>Tindakan</u>	: Urus setia Jawatankuasa Integriti JAWHAR.

(vi) Lawatan Sambil Belajar (LSB)

Rasional:

LSB bertujuan untuk melihat amalan integriti secara "live" di beberapa institusi terpilih. Dengan melihat dan menghayati amalan-amalan tadbir urus terbaik di institusi yang tersohor tersebut, akan membolehkan warga kerja JAWHAR mempelajari kaedah dan menimba pengetahuan yang berguna untuk meningkatkan integriti dan kualiti penyampaian perkhidmatan di JAWHAR. LSB ini perlu memfokuskan kepada pengurusan khidmat sokongan dan bukan kepada kandungan atau metodologi yang digunakan.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

Objektif-objektif LSB :

- Memerhatikan setiap ciri-ciri integriti di institusi terpilih dalam Negara;
- Mengenal pasti ciri-ciri tadbir urus terbaik yang boleh dipelajari;
- Menimba pengetahuan nilai tambah (*value-added*);
- Menandaraskan (*benchmark*) pembudayaan integriti dalam sistem pengurusan yang diamalkan; dan
- Menggunakan pengalaman dan maklumat yang dipelajari untuk diadaptasikan amalan integriti dan tadbir urus terbaik dari institusi yang dilawati.

Kekerapan : Setahun sekali.

Kumpulan Sasaran : Keutamaan kepada Kumpulan Sokongan.

Tempat : Institusi atau syarikat korporat seperti Petronas, Telekom Malaysia, IPTA dan sebagainya.

Bilangan Peserta : 10 - 15 orang yang diwakili oleh setiap Bahagian.

Tindakan : **Urus setia Jawatankuasa Integriti JAWHAR dan PP.**

b) PENDEKATAN PENCEGAHAN

(i) Prosedur Kerja didokumenkan (ISO)

Rasional:

Bagi Bahagian dan Unit-unit yang berisiko tinggi (seperti Unit Kewangan dan sebagainya) hendaklah **didokumenkan** prosedur kerja yang dikenal pasti berisiko tinggi dengan segera. Langkah ini dapat menghapuskan gejala penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah di kalangan warga kerja JAWHAR. Pada asasnya, jika ada prosedur kerja yang sistematik dan disusuli dengan pemantauan berterusan oleh Pasukan Petugas Khas Integriti JAWHAR, pembudayaan integriti ini akan lebih mantap.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama Aktiviti</u>	: Mendokumenkan Proses Kerja bagi Aktiviti-aktiviti Berisiko Tinggi.
<u>Peringkat</u>	: Semua Peringkat Aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Pemilihan Proses-proses Kerja:

Seperti berikut:

- Proses kerja berkaitan pengurusan bayaran;
- Proses kerja berkaitan pengurusan terimaan dan hasil;
- Proses kerja berkaitan pengurusan agihan dan kawalan perbelanjaan;
- Proses kerja berkaitan pengurusan perolehan; dan
- Proses kerja berkaitan pengurusan aset dan stor.

Proses-proses kerja ini perlu didokumenkan (ISO) memandangkan ianya terdedah kepada penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kecuaian. Proses-proses kerja yang didokumenkan bagi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan ini dapat menjaga reputasi, kredibiliti dan imej JAWHAR keseluruhannya.

<u>Tindakan</u>	: Pendaftar dan Program Pengurusan.
------------------------	--

(ii) Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti (SPA)

Rasional:

Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti (SPA) ini telahpun dijalankan oleh JAWHAR pada tahun 2008 dengan kerjasama INTAN. Ianya mampu untuk mengenal pasti dan menilai risiko dalam mana-mana aktiviti sesebuah Jabatan. Bengkel sebegini dijangka akan mampu mengeluarkan **Pelan Pengurusan Risiko JAWHAR** sewajarnya. Bagi memudahkan penilaian risiko, semua Bahagian dan Unit mestilah mempunyai wakil masing-masing. Setelah Pelan Pengurusan Risiko JAWHAR dapat disediakan, ia akan diserahkan kepada pihak pengurusan untuk dipersetujui sebelum dilaksanakan.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti (SPA).
<u>Sasaran</u>	: Pengujuran Pelan Strategik Pengurusan Risiko JAWHAR.
<u>Bilangan Peserta</u>	: 15 - 20 orang peserta bagi setiap bengkel.
<u>Pemilihan</u>	: Oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR.
<u>Kriteria Pemilihan Peserta</u> :	
<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai/Kakitangan yang melaksanakan tugas berkaitan pengurusan tempahan kemudahan keperluan JAWHAR seperti aktiviti pengurusan perolehan; • Pegawai/Kakitangan yang pernah disabitkan dengan kesalahan salah guna kuasa dan tidak berintegriti; dan • Pegawai-pegawai yang sering terlibat dalam proses pembuatan keputusan penting yang melibatkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi serta mempunyai peluang untuk mendapat ganjaran dari pihak-pihak tertentu. 	
<u>Kekerapan</u>	: 2 kali setahun dan dilaksanakan sebagai suatu siri SPAI.
<u>Tindakan</u>	: Pengarah P&P, Ketua Unit Audit Dalam dan Akauntan Pengurusan.

(iii) Pasukan Kaunseling atau Rakan Pembimbing JAWHAR

Rasional:

Penubuhan Pasukan ini perlu kerana integriti bukanlah hanya tertumpu kepada permasalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa tetapi juga meliputi aspek kualiti penyampaian perkhidmatan oleh JAWHAR. Penubahannya dapat membantu memberi khidmat kaunseling atau bimbingan yang berkesan dan berterusan kepada warga kerja JAWHAR yang menghadapi tekanan tugas atau berprestasi kerja rendah yang mana senang dipengaruhi oleh gejala-gejala yang tidak berintegriti.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Pasukan Rakan Pembimbing JAWHAR.
<u>Ketua Pasukan</u>	: Seorang Rakan Pembimbing Bertauliah.
<u>Staf Sokongan</u>	: 10 orang warga kerja.
<u>Fungsi Pasukan</u>	:
	<ul style="list-style-type: none">• Merancang dan menguruskan pelbagai aktiviti perkhidmatan kaunseling kepada warga kerja JAWHAR;• Merancang, menyelaras dan mengendalikan sesi kaunseling individu dan kelompok dari semasa ke semasa;• Menguruskan sistem rekod klien sesi kaunseling dengan sistematik yang menepati unsur-unsur maklumat terperingkat (sulit);• Mengumpul dan menyebarkan maklumat perkhidmatan kaunseling kepada warga kerja JAWHAR dari semasa ke semasa;• Merencanakan pelan tindakan pemulihan dan pembimbangan kepada warga kerja JAWHAR yang bermasalah;• Melatih dan menyelaras pelaksanaan Program Mentor-Mentee, <i>Coaching</i> atau Rakan Pembimbing Sekerja untuk warga kerja JAWHAR; dan• Menyediakan laporan pengurusan kaunseling kepada pihak Pengurusan JAWHAR dari semasa ke semasa.
<u>Tindakan</u>	: Pengarah P&P dan PP.

(iv) Pasukan Petugas Khas Integriti JAWHAR (PPKIJ)

Rasional:

Penubuhan **Pasukan** ini berperanan sebagai **penguat kuasa** untuk membuat pemantauan secara '*hands-on*' di semua peringkat pengurusan di JAWHAR. PPKIJ ini perlu diberi garis panduan dan kuasa yang jelas dalam melaksanakan tanggungjawabnya termasuk kuasa menyiasat dan mengesyorkan tindakan punitif ke atas warga kerja JAWHAR yang didapati tidak berintegriti. Keahlian PPKIJ ini berdasarkan kepada kepakaran dan '*core business*' masing-masing. **Surat pelantikan** kepada semua Ketua dan ahli PPKIJ dan terma rujukannya perlu dibuat sewajarnya.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Pasukan Petugas Khas Integriti JAWHAR (PPKIJ).
<u>Ketua</u>	: Pengarah P&P.
<u>Ahli</u>	: Akan dipilih oleh Ketua Pengarah JAWHAR.
<u>Urus setia</u>	: Pengarah Pengurusan
<u>Fungsi PPKIJ</u>	: <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan Manual Prosedur Integriti; • Menerima aduan dan mengambil tindakan mengenai hal ehwal integriti; • Memantau ‘on the ground’ pelaksanaan aktiviti PPIJ; • Menyediakan laporan penyiasatan kes-kes integriti dan dibentangkan secara berkala di Mesyuarat Pengurusan Bulanan JAWHAR; dan • Menjadi pakar rujuk pelaksanaan PPIJ.
<u>Tindakan</u>	: Pengarah P&P dan PP.

c) **PENDEKATAN PEMULIHAN**

(i) **Jawatankuasa Integriti JAWHAR**

Rasional:

Antara lain, Jawatankuasa ini akan merangka program PPIJ, menentukan kesesuaian tarikh pelaksanaan bagi setiap aktiviti supaya tidak saling bertindih, memantau dan menilai keberkesanan keseluruhan program PPIJ. Pada dasarnya, Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau secara keseluruhannya pelaksanaan PPIJ.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Jawatan Kuasa Integriti JAWHAR.
<u>Pengerusi</u>	: Ketua Pengarah.
<u>Ahli Jawatankuasa</u>	: Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bahagian.
<u>Urus setia</u>	: Ketua Unit Audit Dalam.

Fungsi Jawatankuasa :

- Meneliti dan membincangkan hal-ehwal integriti di JAWHAR;
- Merancang dan melaksanakan pelan tindakan PPIJ berdasarkan agenda Pelan Integriti Nasional (PIN) selaras dengan prinsip-prinsip Islam Hadhari untuk institusi pengurusan hal-ehwal Islam dalam usaha membudayakan integriti;
- Mengkaji dan meneliti peraturan yang berkaitan dengan usaha pengukuhan nilai, etika dan integriti dan membincangkan pandangan serta syor yang dibuat oleh pihak *stakeholders* dan pelanggan;
- Membentuk dan menyelaraskan tarikh pelaksanaan setiap aktiviti yang dicadangkan supaya tidak bertindih dengan aktiviti lain bagi membolehkan setiap warga JAWHAR terlibat dengan aktiviti tersebut; dan
- Memantau, menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti PPIJ.

Kekerapan Mesyuarat:

4 kali setahun selaras dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang bermesyuarat bagi setiap suku tahun mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan, Bil. 8/2004.

<u>Tindakan</u>	: Pengarah Pengurusan.
------------------------	-------------------------------

(ii) Unit Integriti JAWHAR

Rasional:

Unit ini akan bertanggungjawab untuk melaksana, menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan program PPIJ bagi pihak setiap Bahagian. Arahan dan panduan yang jelas hendaklah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR kepada Unit ini untuk menjamin pelaksanaan aktiviti PPIJ dibuat secara serentak dan konsisten di semua peringkat.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Unit Integriti JAWHAR.
<u>Ketua Unit</u>	: Seorang Pegawai di setiap Bahagian.
<u>Staf Sokongan</u>	: 2 orang pegawai sokongan.
<u>Fungsi Unit</u>	: Di setiap Bahagian: <ul style="list-style-type: none">• Menyelaras aktiviti dan isu integriti di JAWHAR;• Merancang dan melaksanakan pelan tindakan PPIJ;• Melaksanakan peraturan berkaitan dengan usaha pengukuhan nilai, etika dan integriti yang disarankan oleh stakeholders dan pelanggan di peringkat JPM;• Menyelaraskan tarikh pelaksanaan setiap aktiviti yang dicadangkan supaya tidak bertindih; dan• Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti PPIJ di setiap Bahagian.
<u>Tindakan</u>	: PP dan Pengarah-pengarah Bahagian.

(iii) ‘Kumpulan Integriti Cemerlang JAWHAR’ (KICJ)

Rasional:

KICJ yang mirip kepada Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) hendaklah diwujudkan di JAWHAR. Fungsi KICJ ialah untuk menyelesaikan masalah warga kerja JAWHAR melalui perbincangan kumpulan (*Group therapy*). Untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan, satu **Arahan Pentabdiran** hendaklah dikeluarkan dan pemantauan mengenainya perlu dibuat oleh Unit Integriti JAWHAR yang dicadangkan penubuhannya seperti di atas.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Kumpulan Integriti Cemerlang JAWHAR (KICJ).
<u>Ketua</u>	: Seorang Mentor yang dilantik oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR.
<u>Keahlian</u>	: 10 – 15 warga JAWHAR dan turut dianggotai oleh 1 atau 2 warga kerja JAWHAR yang bermasalah.
<u>Pemilihan</u>	: Oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR.
<u>Kriteria Pemilihan :</u>	
<ul style="list-style-type: none">▪ Pegawai Tadbir bagi setiap Bahagian;▪ Wakil kakitangan dari setiap Bahagian;▪ Pegawai/Kakitangan yang sesuai serta bertanggungjawab dalam bidang tertentu seperti Ketua Kerani dan Pembantu Tadbir di Bahagian;▪ Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia.	
<u>Kekerapan</u>	: Bilangan terapi bergantung kepada keperluan kumpulan.
<u>Tindakan</u>	: Pengarah P&P.

d) PENDEKATAN PENGIKTIRAFAN & PUNITIF

(i) Anugerah Tokoh/Kumpulan Integriti Cemerlang JAWHAR

Rasional:

Anugerah ‘Tokoh Integriti Cemerlang JAWHAR (TICJ)’ serta ‘Kumpulan Integriti Cemerlang JAWHAR (KICJ)’ perlu diperkenalkan untuk mengimarahkan lagi usaha pembudayaan integriti dalam kalangan warga kerja JAWHAR. Pemilihan TICJ hendaklah dibuat dari kalangan warga kerja yang dicalonkan oleh KICJ. Manakala pemilihan KICJ hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR.

Kaedah Pelaksanaan Terperinci:

<u>Nama</u>	: Anugerah Tokoh Integriti Cemerlang JAWHAR (TICJ) dan Kumpulan Integriti Cemerlang JAWHAR (KICJ).
<u>Penerima</u>	: Warga kerja JAWHAR dari semua peringkat perjawatan dan perkhidmatan.
<u>Pemilihan</u>	: Oleh Jawatankuasa Integriti JAWHAR.

Kriteria Pemilihan Tokoh TICJ dan KICJ:


TICJ/KICJ hendaklah yang boleh diteladani dan tokoh ini tersohor bersikap amanah, sabar, telus, benar, bijaksana, adil, syukur, sabar, ikram, taat, rajin dan tekun. Selain daripada itu, TICJ/KICJ juga perlu menjadi *role model* yang berjaya dalam bidang-bidang berikut:

- Kepimpinan yang berwibawa;
- Berilmu dalam bidang kepakaran masing-masing;
- Bekerjasama dan berfikiran terbuka;
- Berakhhlak mulia dan berbudi bahasa;
- Berperwatakan santun dan kemas;
- Berinisiatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas;
- Mendapat kepercayaan dan pengiktirafan dari dalam atau luar organisasinya; dan
- Tiada rekod tatatertib dan jenayah.

<u>Kekerapan</u>	: Penganugerahan dibuat setahun sekali iaitu Anugerah Tahunan JAWHAR.
<u>Tindakan</u>	: Timbalan Ketua Pengarah.

Secara keseluruhannya, **Rajah 1** berikut menunjukkan pertalian sesawang terhadap pendekatan holistik PPIJ ini.

Rajah 1: Pertalian Sesawang Pendekatan Holistik PPIJ



PERBELANJAAN

Secara umumnya, aktiviti-aktiviti PPIJ ini sebahagiannya didapati akan melibatkan kos perbelanjaan minima memandangkan ianya boleh diserapkan dalam aktiviti-aktiviti JAWHAR dengan menggunakan kemudahan-kemudahan sedia ada. Namun begitu, beberapa aktiviti didapati akan memerlukan perbelanjaan khusus. Contoh anggaran kasar perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti PPIJ adalah seperti **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Anggaran Kasar Perbelanjaan Bagi Aktiviti PPIJ

BIL.	AKTIVITI	ANGGARAN KOS	JUMLAH
1	Majlis Pelancaran PPIJ	Jamuan RM 5.00 X 300	RM 1,500.00
2	Pertandingan Esei Integriti JAWHAR	RM 500.00 (Pertama) RM 350.00 (Kedua) RM 250.00 (Ketiga) Sagu hati X RM 100.00 X 3	RM 2,800.00
3	Bengkel SPAI JAWHAR	Penginapan dan makan RM 150.00 X 2 X 100	RM 30,000.00
4	Kuiz Integriti JAWHAR	RM 50.00 X 12	RM 600.00
5	Debat Integriti JAWHAR	Baucar Belian RM 300.00 Juara RM 200.00 Naib Juara RM 100.00 Ketiga	RM 800.00
6	Ceramah Integriti JAWHAR	Bayaran Penceramah RM 300.00 X 6 Jamuan RM 2.00 X 6 X 150	RM 5,400.00
7	Lawatan Sambil Belajar	Petrol RM 100.00 X 3	RM 300.00
JUMLAH BESAR			RM 41,400.00

KESIMPULAN

Dalam usaha untuk membudayakan integriti di JAWHAR, **komitmen semua pihak untuk menjayakan PPIJ adalah ‘key success factor’ utama**. Memandangkan perkara ini melibatkan **penerapan budaya** maka ianya pasti akan memakan masa. Justeru itu, aktiviti-aktiviti dalam PPIJ ini boleh dilaksanakan secara berfasa-fasa, umpamanya seperti berikut: **Aktiviti-aktiviti Jangka Pendek (tidak lebih dari 3 bulan)** seperti Majlis Pelancaran PPIJ, Pertandingan Menulis Esei dan Debat Integriti JAWHAR; **Aktiviti-aktiviti Jangka Sederhana (tidak lebih dari 6 bulan)** seperti Lawatan Sambil Belajar; dan **Aktiviti-aktiviti Jangka Panjang (lebih dari 12 bulan)** seperti Siri Ceramah Integriti JAWHAR, Kuiz Integriti JAWHAR, dan Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti (SPAI).

Berpaksikan kepada konsep Al-Falah yang *syumul* dan disyiarkan menerusi ibadah azan, warga JAWHAR hendaklah sentiasa bersiapsiaga untuk mencapai kejayaan dan keterbilangan dunia serta akhirat di mana pra-syarat utamanya ialah membudayakan integriti serta akauntabiliti dalam setiap tindakan pengurusan yang dilaksanakan. Dengan lain perkataan, segala visi, misi serta program yang direncana serta dilaksanakan perlulah tekun dan meletakkan kualiti *mardhatillah* sebagai matlamat hakiki yang didokongi oleh budaya integriti yang unggul.

RUJUKAN

Azimi Hamzah et. al (2006), “*Muslim Religiousity Personality Assesment: Prototype for Nation Building*”, Institute for Social Science Studies (IPSAS), Universiti Putra Malaysia.

Dr. Sohaimi Hj. Mohd Salleh (2007), “*Pelan Pembudayaan Integriti*”, Ketua Program Pengurusan Kewangan, INTAN, JPA.

Dr. Sohaimi Hj. Mohd Salleh (2008), “*Governance Infrastructure in Malaysia: Accountability and Integrity*”, Jurnal PENTADBIR, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia.

Dr. Sohaimi Hj. Mohd Salleh dan Mohd Gunawan Che Ab. Aziz (2007), “*Kualiti dari Perspektif Islam: Satu Pengamatan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia*”, Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 1, No. 2, 2007, JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri.

Institut Integriti Malaysia (2004), “*Pelan Integriti Nasional*”, Institut Integriti Malaysia, Kuala Lumpur.

Laporan Tahunan Institut Integriti Malaysia (IIM).

PEMBANGUNAN KAPASITI EKONOMI GOLONGAN ASNAF MISKIN: KES LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

Oleh:

Dr. Suraiya Ishak¹
Ahmad Raflis Che Omar²
Amal Hayati Ishak³

ABSTRAK

Perniagaan kecil dan sederhana mempunyai peranan besar dalam meningkatkan ekonomi masyarakat dan negara. Dalam konteks pembangunan masyarakat miskin, aktiviti perniagaan kecil dan keusahawanan berpotensi menjadi platform membina potensi diri dan mengeluarkan individu golongan miskin daripada perangkap kemiskinan berterusan. Namun begitu, untuk memulakan perniagaan faktor modal kewangan adalah satu halangan awal bagi kelompok miskin. Justeru, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memulakan program pembangunan keusahawanan di kalangan asnaf sebagai satu cara memberdayakan keupayaan ekonomi dan kemandirian kumpulan miskin secara berpanjangan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan meneliti kaedah pelaksanaan program tersebut dan menilai tahap pemberdayaan dan kemandirian diri yang dicapai oleh beberapa usahawan asnaf terlibat. Program ini dilihat mampu menjadi satu bentuk usaha ke arah usaha kerajaan Malaysia memperkasakan pembangunan modal insan negara serta meningkatkan kualiti hidup minimum bagi setiap rakyat.

Perkataan Teras : Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Selangor, Kapasiti Ekonomi, Perniagaan

Klasifikasi JEL : R11, I38, Z12, Z13

¹ Pensyarah Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³ Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

PENGENALAN

Agenda pembangunan modal insan negara perlu memberi tumpuan seimbang kepada semua golongan dalam negara. Dalam memastikan polisi pengurusan dan pembangunan modal insan yang adil, ia perlu membuka peluang dan menyediakan prasarana bagi setiap individu untuk membangunkan kapasiti diri masing-masing. Ini kerana sesebuah masyarakat dan negara adalah terdiri daripada pelbagai kelas sosial dan keupayaan lalu menjadikan keperluan pengurusan dan pembangunan diri setiap individu serta kelompok turut berbeza dan mempunyai keunikan tersendiri. Justeru, artikel ini akan membincangkan aspek pemberdayaan kapasiti ekonomi jangka panjang individu-individu yang tergolong dalam kumpulan asnaf. Hasil perbincangan ini dijangka memberi satu input tentang usaha pemberdayaan bagi golongan asnaf. Ini kerana kumpulan asnaf adalah satu kumpulan yang secara relatifnya mengalami kekurangan dalam keperluan asas dan memerlukan bantuan bagi menjalani kehidupan seperti individu lain. Sehubungan itu, aspek pengurusan dan pembangunan kumpulan asnaf dijangkakan perlu dimulai dengan menyediakan alat atau platform berkesan untuk mereka memulakan langkah pembangunan diri pada peringkat yang berikutnya.

Perniagaan kecil dan sederhana mempunyai peranan besar dalam meningkatkan ekonomi masyarakat dan negara. Menurut Moha Asri Hj. Abdullah (2000:2) antara 85% hingga 91% pertubuhan perniagaan di Singapura, Thailand, Taiwan dan Korea Selatan terdiri daripada perniagaan kecil, manakala di Malaysia perniagaan kecil dianggar membentuk lebih 75% daripada keseluruhan pertubuhan perniagaan. Selain daripada itu, menurut Baron (2000) keusahawanan adalah penyumbang penting dalam ekonomi kebanyakan negara dan para usahawan perlu dibantu untuk terus berkembang serta berdaya saing dalam mencipta produk dan perkhidmatan baru. Dalam konteks pembangunan masyarakat miskin, aktiviti perniagaan kecil dan keusahawanan berpotensi menjadi platform membina potensi diri dan mengeluarkan individu golongan miskin daripada perangkap kemiskinan berterusan. Namun begitu, untuk memulakan perniagaan, faktor modal kewangan adalah satu halangan awal bagi kelompok miskin. Justeru, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memulakan

program pembangunan keusahawanan di kalangan asnaf sebagai satu cara memberdayakan keupayaan ekonomi dan kemandirian kumpulan miskin secara berpanjangan. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan aspek pemberdayaan kapasiti ekonomi golongan asnaf dengan meneliti aspek program yang dijalankan oleh LZS dan menilai tahap pemberdayaan dan kemandirian diri yang dicapai oleh usahawan asnaf terlibat sebagai satu simbol transformasi yang telah dilalui.

KEMISKINAN DAN HAK UNTUK MEMBERDAYA KAPASITI EKONOMI


Kemiskinan adalah masalah universal yang terdapat di mana-mana negara termasuk di kalangan negara maju (Abu Hasan, 2002:135). Dalam kajian Chamhuri dan Mohd. Yusof (1997), fenomena kemiskinan tidak hanya melanda kawasan luar bandar tetapi turut dialami oleh kawasan bandar. Terdapat tiga kategori ciri yang berkait langsung dengan fenomena kemiskinan iaitu (Abul Hasan, 2002:136):

1. Pendapatan rendah;
2. Faktor bukan pendapatan seperti keadaan kesihatan yang buruk dan tahap pendidikan yang rendah; dan
3. Kekurangan akses kepada peluang-peluang seperti kemudahan fizikal, sumber dan guna tenaga.

Menurut Abul Hasan (2002) lagi, pembolehubah berkaitan kemiskinan adalah bersifat saling mempengaruhi, iaitu pembolehubah berkenaan adalah penyebab kepada kemiskinan dan kemiskinan pula akan menjadi penghalang individu miskin membaiki tahap dalam konteks pembolehubah berkenaan (**Rajah 1**). Sebagai contoh, seorang yang berpendapatan rendah akan menyebabkan beliau terhalang untuk mendapat akses atau peluang bagi meningkatkan keupayaan penjanaan pendapatan, dan disebabkan ketidakupayaan menjana pendapatan mereka kekal dalam kemiskinan. Begitu juga dengan kekurangan akses kepada peluang akan menyebabkan mereka miskin, dan kerana kemiskinan maka peluang dan kemudahan tidak dapat sampai kepada mereka. Oleh yang demikian, usaha

menangani kemiskinan harus mensasarkan penyelesaian kepada pembolehubah-pembolehubah yang telah mencetuskan fenomena kemiskinan seperti pendapatan yang rendah, kekurangan infrastruktur, keadaan kesihatan yang tidak baik serta taraf pendidikan yang rendah.

Rajah 1: Kemiskinan dan faktor-faktor serta perhubungan penyebab



Usaha mengeluarkan kelompok miskin adalah satu inisiatif yang selari dengan pertimbangan sudut etika dan kewajipan di dalam Islam. Dari perspektif etika, hak ialah apa yang seseorang itu berkelayakan untuk memperolehi atau mendapatkan sesuatu dilakukan untuk diri mereka. Terdapat dua jenis hak moral manusia iaitu hak positif dan hak negatif. Hak positif ialah hak yang menuntut pihak lain untuk menyediakan peluang kepada empunya hak untuk melakukan perkara yang beliau ingini. Sebagai manusia setiap individu mahu hidup dalam keadaan yang selesa dan serba mencukupi dan golongan miskin mempunyai hak ke atas Kerajaan dan masyarakat untuk membolehkan potensi diri dan keupayaan ekonomi mereka dibina seperti orang lain. Kategorikal imperatif Kant (1724-1804) telah menyatakan bahawa setiap manusia perlu melayani manusia-manusia lain sebagai seorang manusia iaitu dengan menghormati kebebasan individu dan membina kapasiti individu untuk memilih secara bebas

pekerja atau matlamat yang ingin dicapai. Bagi kelompok miskin asnaf, mereka mempunyai hak untuk dibantu bagi membolehkan mereka mencapai kehidupan selesa yang diingini mereka.

Dalam konteks Islam, kemiskinan merupakan sesuatu yang ditolak di dalam Islam (Al-Qardhawi, 2000). Kemiskinan dan hidup yang melarat dapat mendatangkan kesan buruk terhadap akidah, akhlak, pemikiran, institusi keluarga dan kestabilan masyarakat. Sehubungan itu, Islam mewajibkan masyarakatnya untuk berusaha mencapai taraf kehidupan yang sesuai bagi setiap manusia. Seorang individu Muslim perlu sampai kepada tahap mampu menyediakan keperluan-keperluan asas kehidupan diri seperti makanan dan minuman harian, pakaian yang bersesuaian, bahan-bahan ilmu bagi mempertingkatkan diri serta keperluan berkahwin dan membina keluarga (Al-Qardhawi, 2000:63). Sehubungan itu, agama Islam telah menyediakan pelbagai kaedah menangani masalah kemiskinan iaitu bermula daripada pendekatan pengelakkan (*preventive*) sehingga kepada bentuk penyembuhan (*curative*) (Abul Hasan, 2002). Antara kaedah penting bagi membasmi kemiskinan dalam Islam adalah melalui peranan sumbangan kebajikan (*charity*) dalam bentuk wakaf, zakat dan sedekah, di samping bekerja dan berusaha dengan gigih mencari rezeki Allah S.W.T. (Abul Hasan, 2002 dan Al-Qardhawi, 2000).

Oleh yang demikian, pembasmian kemiskinan tegar telah semakin menjadi keutamaan dalam dasar-dasar Kerajaan Malaysia. Dasar Kebajikan Negara umpamanya telah menggariskan 3 strategi utama bagi sasaran iaitu:

- Membangunkan potensi manusia ke tahap optimum serta meningkatkan daya ketahanan masyarakat untuk menghadapi cabaran kemasyarakatan semasa;
- Mewujudkan berbagai kemudahan supaya dapat meningkatkan tahap keupayaan untuk kemajuan diri individu dan kelompok; dan
- Membina dan memupuk semangat tolong-menolong bagi mengukuhkan budaya ikram.

Secara khusus, strategi pertama iaitu pembangunan potensi manusia adalah melibatkan usaha mengukuh dan mengembangkan institusi sosial supaya dapat berperanan memberi sokongan bagi jagaan, bimbingan dan kemahiran hidup untuk kesejahteraan ahli-ahlinya. Dalam konteks strategi khusus peningkatan kesamaan peluang, berbagai jenis kemahiran telah dipertingkat, dipesat dan dipergiatkan bagi memajukan diri dan menambah daya penyesuaian terhadap suasana persekitaran. Di samping itu, program yang inovatif juga diwujudkan supaya setiap anggota masyarakat dapat dibantu bagi mencapai hidup yang lebih produktif.

ZAKAT DAN PERNIAGAAN SEBAGAI ALAT PEMBANGUNAN ASNAF

Menurut Islam rezeki yang diberikan kepada manusia adalah berbeza-beza seperti firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan Allah melebihkan sebahagian kamu dari sebahagian yang lain dalam hal rezeki, tetapi orang-orang yang dilebihkan (rezeki itu) tidak mahu memberikan rezeki mereka kepada budak-budak yang mereka miliki, agar mereka sama-sama (merasakan) rezeki itu. Maka mengapa mereka mengingkari nikmat Allah?”

(Surah An-Nahl: Ayat 71)

Berdasarkan ayat di atas, kejadian miskin dan kaya adalah sebahagian hukum alam yang semulajadi. Perbezaan dalam kurniaan rezeki telah mewujudkan dua kelompok dalam masyarakat iaitu golongan kaya dan golongan miskin. Bagaimanapun, Islam sebagai *addin* atau cara hidup telah mewujudkan mekanisme bagi mengawal jurang perbezaan melalui mekanisme zakat dan persaudaraan Islam. Konsep zakat telah mengharmonikan kemungkinan konflik atau perseteruan di antara golongan kaya dan miskin kerana mampu bertindak sebagai wadah menyalurkan sejumlah harta daripada golongan berada kepada golongan miskin. Matlamat utama zakat ialah untuk menyelamatkan manusia daripada kelaparan, menjamin keadilan sosio-ekonomi dalam masyarakat dan menyediakan suasana yang membolehkan manusia memelihara kehormatan diri dan melaksanakan tanggungjawab

terhadap Allah S.W.T. (Patmawati, 2008:3). Justeru, zakat adalah mekanisme yang berupaya memberi jaminan keselamatan sosial dan membangunkan pertumbuhan ekonomi di samping berfungsi menyucikan rohani bagi umat Islam.

Zakat adalah berbeza daripada sebarang bentuk derma yang berunsur pilihan (*optional*), kerana ia adalah kewajipan yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Menurut Mahmood (2008) zakat merupakan satu peningkatan kepada sistem yang telah sedia ada di bawah agama-agama langit terdahulu iaitu ihsan. Bagaimanapun, zakat dan ihsan berbeza kerana zakat merupakan hak yang boleh dituntut oleh mereka yang berhak menerimanya berbanding ihsan yang bersifat sumbangsan sukarela sahaja dan tidak ada hak bagi orang yang layak untuk menuntutnya. Pengagihan zakat juga telah berlaku menurut ketetapan yang ditentukan dalam Al-Quran iaitu:

“Hanya sedekah (zakat) itu, untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat, orang-orang mualaf hatinya, untuk memerdekaan hamba (budak), orang yang berhutang pada jalan Allah dan untuk orang musafir sebagai suatu keperluan daripada Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

(Surah At-Taubah: Ayat 60)

Dalam perspektif empikal, terdapat banyak kajian lepas yang menunjukkan kemampuan mekanisme zakat membaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan dalam sesebuah masyarakat (Patmawati, 2008). Justeru, menurut Mahmood (2008) institusi zakat bukan merupakan institusi agama atau masyarakat semata-mata, sebaliknya ia mempunyai peranan yang lebih iaitu sebagai institusi pentadbiran dan pemerintahan negara yang perlu diurus sebagai satu sistem kewangan yang tersusun. Al-Qardawi (2000:121) pula menyatakan zakat adalah satu sumber dana yang tidak boleh diperkecilkan keupayaan peranannya dalam mengatasi masalah kemiskinan. Malahan menurut tulisan Al-Qaradawi (2000:197) zakat adalah undang-undang pertama yang berjaya menegakkan sistem jaminan sosial terbaik di atas muka bumi kerana zakat bukan sekadar sedekah individu yang berlaku secara sukarela. Sebaliknya, zakat merupakan bentuk disiplin

yang didokong oleh kekuatan pentadbiran Kerajaan dengan tujuan memenuhi keperluan asas setiap orang miskin. Malahan bantuan tersebut tidak hanya ditujukan kepada orang Islam, tetapi diberikan juga kepada seluruh fakir miskin yang hidup di bawah naungan negara Islam sama ada Yahudi atau Nasrani.

Perniagaan pula merupakan satu bidang pekerjaan yang sangat mendapat galakan dalam agama Islam dan Rasulullah S.A.W. pernah bersabda bahawa sembilan daripada sepuluh punca rezeki datangnya daripada perniagaan. Di samping itu, dalam Al-Quran terdapat ayat yang menyentuh secara khusus mengenai keusahawanan dan perniagaan sebagai satu pencarian rezeki yang halal dan mulia, contohnya ayat 275 dalam Surah Al-Baqarah yang bermaksud:

“Orang-orang yang memakan (harta) riba, tiada berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan. Demikian itu kerana mereka mengatakan: Jual beli itu hanya seperti riba. Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.”

Liedholm dan Mead (1999:7) telah menggariskan sumbangan entiti perniagaan skala kecil dan sederhana terhadap proses pembangunan sosio-ekonomi masyarakat iaitu:

- Menyumbang kepada pendapatan isi rumah dan kebajikan.
- Menyumbang kepada pembentuk keyakinan diri dan daya berdikari individu.
- Menyumbang kepada perubahan sosial, kestabilan politik dan demokrasi.
- Menyumbang kepada pencapaian objektif berkaitan pengagihan dan pembangunan.
- Menyumbang kepada perubahan demografi.

Sehubungan itu, aktiviti perniagaan sememangnya mampu berperanan sebagai platform dalam meningkatkan kapasiti ekonomi individu dan masyarakat terutama dalam konteks membebaskan kelompok lemah tertentu daripada kancang kemiskinan berterusan.

Program Keusahawanan Asnaf Lembaga Zakat Selangor

LZS telah mula memberi penekanan terhadap pembangunan keusahawanan semenjak pada tahun 2003 lagi. Menurut Pengurus Besar LZS, Haji Ahmad Shahir Makhtar (Asnaf, 1/2007), kecenderungan minat di kalangan asnaf untuk bermula dalam perniagaan telah terhalang disebabkan oleh masalah modal dan kekurangan ilmu perniagaan. Sehubungan dengan masalah itu, LZS (MAIS) telah terdorong untuk melaksanakan program pembangunan keusahawanan bagi kelompok asnaf. Pada tahun 2005 LZS (MAIS) telah menubuhkan satu jabatan khusus untuk pembangunan asnaf yang dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Asnaf (JPA). Penubuhan JPA bertujuan memastikan program pembangunan keusahawanan menepati keperluan para asnaf. Program pembangunan keusahawanan asnaf merupakan salah satu bentuk agihan zakat selain daripada bentuk-bentuk lazim. Pengagihan bentuk modal ini telah mendapat persetujuan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor sebagai salah satu mekanisme pengagihan zakat di Negeri Selangor.

Pada setiap tahun LZS (MAIS) telah memperuntukkan jumlah melebihi RM5 juta bagi menjayakan program keusahawanan asnaf ini. Program keusahawanan asnaf ini telah dijalankan dengan teliti. Pada peringkat pertama, latar belakang asnaf dan kecenderungan mereka akan diteliti supaya hanya individu yang benar-benar layak sahaja terpilih menyertai program ini. Kelayakan individu adalah merangkumi kebolehan, minat bermula, kemampuan fizikal dan minda untuk menjayakan aktiviti perniagaan. Selepas pemilihan asnaf dilakukan, mereka yang terpilih akan diberikan kursus Hijrah Niaga. Kursus Hijrah Niaga bertujuan mencungkil potensi diri individu asnaf dengan lebih mendalam. Seterusnya, bagi para asnaf yang telah menunjukkan kesungguhan dan iltizam mahu berdikari, kursus lanjutan yang dikenali sebagai Program Perintis akan diberikan. Program Perintis bertujuan mengenal pasti jati diri usahawan di samping pendedahan pelbagai kursus asas lain bagi menyediakan individu untuk mengendalikan perniagaan. Para asnaf kemudiannya akan menentukan perniagaan yang ingin diceburi dan pihak LZS (MAIS) akan meneliti perniagaan yang dipilih dari segi potensi dan daya kembang maju sektor contohnya sektor pembuatan, peruncitan, makanan dan perkhidmatan. Selanjutnya,

LZS (MAIS) akan memberikan suntikan modal di antara RM2,000 hingga RM5,000 dalam bentuk modal hangus kepada asnaf untuk memulakan perniagaan. Sekiranya perniagaan yang diusahakan bertambah maju, maka modal tambahan sebanyak RM5,000 akan disuntik ke dalam perniagaan asnaf tersebut. Dari semasa ke semasa para asnaf tersebut akan diberikan bantuan modal, pendidikan, tunjuk ajar serta pemantauan perniagaan secara berterusan bagi memastikan perniagaan mereka terus berjaya. Selain daripada itu, para asnaf turut didedahkan dengan kursus lanjutan keusahawanan yang dikendalikan oleh agensi luar seperti MARDI, MARA, SMIDEC, UPEN dan lain-lain bagi membantu asnaf untuk mengembangkan lagi perniagaan yang diusahakan. LZS (MAIS) turut melantik perunding luar yang berkelayakan bagi membuat pemantauan rapi perniagaan yang diceburi asnaf selama setahun. Berdasarkan pandangan dan cadangan perunding tersebut, asnaf yang telah berjaya akan dikeluarkan daripada kelompok asnaf. Perunding juga akan membantu usahawan asnaf mendapatkan bantuan kewangan daripada agensi luar bagi pengembangan perniagaan mereka.

Selain daripada pemberian bantuan modal, LZS (MAIS) Selangor juga turut menyediakan bantuan projek khas bagi perniagaan yang memerlukan modal besar. Dalam program ini, LZS (MAIS) akan berperanan sebagai penyumbang modal dan menyerahkan usaha niaga tersebut kepada asnaf untuk dimajukan selama lima (5) tahun. Dalam tempoh lima tahun ini, LZS (MAIS) akan mengendalikan secara langsung aspek kewangan perniagaan dan prestasi asnaf akan dipantau rapi oleh pegawai akaun projek tersebut. Selepas lima (5) tahun, sekiranya asnaf berjaya mengembangkan perniagaan tersebut, maka pihak LZS (MAIS) akan menyerahkan keseluruhan perniagaan, aset dan keuntungan sepenuhnya kepada usahawan asnaf terlibat. Bagaimanapun, sekiranya dalam tempoh setahun asnaf berkenaan gagal menunjukkan potensi yang baik, maka pihak LZS (MAIS) berhak menarik balik bantuan dan menyerahkan perniagaan tersebut kepada asnaf lain yang berpotensi. Menurut laporan LZS (MAIS) sehingga tahun 2007, pihak LZS (MAIS) telah mengeluarkan modal berjumlah antara RM50,000 hingga RM100,000 bagi dua buah perniagaan yang dikelaskan sebagai projek bermodal besar.⁴ LZS (MAIS) turut mengendalikan projek berkelompok skala

⁴ Iaitu sebuah kedai dobi dan sebuah kedai menjual roti (Dobi Point dan D'Norm Delight). Kedua-dua perniagaan ini masing-masingnya beroperasi di Wisma MAIS di Shah Alam yang khusus menempatkan para peniaga asnaf.

besar seperti projek kraftangan dan bengkel jahitan yang ketika ini dikendalikan oleh kumpulan ibu tunggal asnaf. Projek kelompok berskala besar ini juga dipantau operasi dan pemasarannya secara dekat oleh pegawai projek LZS (MAIS) sendiri. Selain daripada itu, LZS (MAIS) turut mewujudkan projek usahawan bergerak (*mobile intrapreneur*). Dalam konsep usahawan bergerak, para asnaf terpilih telah diberikan sebuah kenderaan yang dilengkapi alatan perniagaan yang dijalankan.

Di samping langkah membantu secara langsung, pihak LZS (MAIS) turut mengambil langkah membina jaringan perniagaan yang lebih kukuh bagi usahawan asnaf. Konsep rangkaian perhubungan niaga adalah strategi bagi membolehkan usahawan asnaf terus membina perniagaan dan melebarkan penguasaan bisnes mereka. Kumpulan Usahawan Asnaf (KUAZ) adalah sebuah konsortium usahawan asnaf yang ahli-ahlinya terdiri daripada usahawan berjaya yang pernah menerima bantuan modal LZS (MAIS). LZS (MAIS) berhasrat mahu menjadikan KUAZ sebuah konsortium yang berperanan sebagai penggerak dalam membantu asnaf zakat meningkatkan perniagaan mereka, merangkumi aspek motivasi, rangkaian rakan niaga dan perkongsian pengalaman.

PEMBERDAYAAN POTENSI EKONOMI ASNAF

Seterusnya, artikel ini akan meneliti tahap pemberdayaan dan kemandirian ekonomi berdasarkan kes-kes tertentu. Kes-kes diperolehi daripada maklumat yang dilaporkan dalam Laporan Asnaf (Mei, 2007) dan dianalisa kandungan teks secara analisis kandungan (*content analysis*). Merujuk kepada Berbard Berelson analisa kandungan didefinisikan sebagai satu teknik kajian bagi deskripsi objektif, sistematik dan kuantitatif ke atas kandungan yang dimanifestasi dalam sesuatu teks komunikasi. Teknik analisis ini boleh diaplifikasi ke atas sebarang bentuk komunikasi yang direkod secara bertulis atau dirakamkan seperti dalam bentuk buku, eseи, temu bual, perbincangan, perbualan tidak formal, tajuk artikel dan lain-lain bentuk bahasa komunikasi.

Menurut Ketua Jabatan Pembangunan Asnaf, Abdul Samad Ibrahim (Asnaf, 2007: 10), daripada 250 orang usahawan asnaf yang dipantau secara terperinci pada tahun 2006, seramai 60 orang (24 peratus)

telah berjaya. Meskipun, penglibatan asnaf tidak semestinya berakhir dengan kejayaan disebabkan faktor sikap individu dan kelemahan pengurusan perniagaan mereka, namun secara keseluruhannya program ini telah mendatangkan kesan positif kepada asnaf yang benar-benar komited untuk mengubah nasib diri mereka. Ini kerana dengan mengambil kira keseluruhan pelaksanaan program, didapati program pembangunan keusahawanan asnaf ini telah dilakukan dengan penuh ketelitian dan pemantauan pada setiap peringkat. Justeru, kegagalan yang dihadapi oleh asnaf lebih banyak berpunca daripada sikap diri dan keupayaan individu berbanding kegagalan program yang telah dijalankan oleh pihak Lzs (MAIS). Penelitian tahap pemberdayaan dan kemandirian ekonomi mengikut kes-kes berikut:

Kes 1: Raja Rohaya Raja Anuar

Profil diri asnaf: Ibu tunggal dengan 5 anak

Bisnes: Kedai Dobi (Dobi Point)

Bentuk bantuan Lzs (MAIS):

“Apabila Lzs (MAIS) memberi peluang untuk membuka kedai dobi ini, saya rasa ini adalah satu peluang yang tidak boleh dilepaskan. Tidak dapat dibayangkan betapa gembira dan bersyukurnya saya dengan lahirnya kedai dobi ini. Bantuan yang diberikan oleh Lzs (MAIS) melalui projek perintis bagi golongan asnaf ibu tunggal banyak membantu saya. Buat permulaan, Lzs (MAIS) memberi modal sebanyak RM50,000 termasuk kos membeli mesin basuh dan modal pusingan.”

“Apabila pihak Lzs (MAIS) yakin yang saya boleh berdiri sendiri, barulah Lzs (MAIS) memberi kebebasan kepada saya untuk menguruskan Dobi Point ini. Namun pantauan daripada Lzs (MAIS) sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan perniagaan saya berjalan lancar.”

Pemberdayaan dan kemandirian ekonomi:

“Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada LZS (MAIS) kerana memberi peluang kepada saya. Sebelum ini saya tidak pernah terfikir untuk membuka kedai dobi, Alhamdulillah dengan wujudnya Dobi Point ini membuka episod baru dalam hidup saya dan anak-anak.”

Berdasarkan **Kes 1**, asnaf terlibat adalah seorang ibu tunggal dan perlu menyara 5 orang anak. Beliau telah menerima bantuan modal permulaan dan modal pusingan. Hasilnya beliau telah mencapai pemberdayaan dan kemandirian ekonomi apabila menyifatkan perniagaan kedai dobi sebagai sesuatu yang membuka lembaran baru dalam kehidupan mereka sekeluarga. Aspek pemberdayaan dapat dikaitkan kepada ucapan terima kasih dan syukur beliau kerana dapat memulakan episod baru dalam hidup beliau sekeluarga.

Kes 2: Abdul Wahab Osman

Profil diri asnaf: Gulung tikar perniagaan gerai makanan

Bisnes: Gerai makanan

Bentuk bantuan LZS (MAIS):

“Dengan bantuan modal RM650 sebagai modal pusingan daripada LZS (MAIS), Abdul Wahab memanfaatkan sebaik-baiknya. Buat permulaan beliau menggunakan wang tersebut untuk membeli peralatan memasak bagi memudahkan memulakan perniagaan. Alhamdulillah, berkat daripada wang RM650 itulah akhirnya perniagaan gerai makan char kuey teow di Tanjung Karang mendapat sambutan yang amat menggalakkan.”

Pemberdayaan dan kemandirian ekonomi:

“Siapa sangka seorang asnaf yang dahulunya mendapat bantuan zakat kini mampu memperolehi pendapatan sehingga mencecah RM2,500 sebulan. Kedainya kini begitu popular di kawasan sekitar sehingga berjaya menarik perhatian ramai pelanggan termasuk bangsa cina”.

“Insya-Allah, berkat perhatian Lzs (MAIS) dan doa, saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan perniagaan terus berjaya. Saya bertekad, jika dahulu saya yang menerima zakat, suatu hari nanti biarlah saya pula yang mengeluarkan zakat.”

Berdasarkan **Kes 2**, asnaf terlibat adalah seorang yang mengalami kegagalan perniagaan sehingga melalui fasa-fasa kehidupan yang sukar. Beliau telah menerima bantuan modal pusingan. Hasilnya beliau telah mencapai pemberdayaan dan kemandirian ekonomi apabila berjaya memperolehi pendapatan lumayan dan tidak perlu bergantung kepada bantuan hidup seperti keadaan sebelumnya. Aspek pemberdayaan yang dicapai dikaitkan kepada ucapan tidak sangka beliau kerana mampu memperolehi pendapatan RM2,500 sebulan dan keupayaan perniagaannya untuk terus berkembang.

Kes 3: Halimatus Saadiah

Profil diri: Tiada maklumat

Bisnes: Perniagaan makanan (Kak Long Café)

Bentuk bantuan Lzs (MAIS):

“Bermula dengan modal permulaan sebanyak RM5,000 yang diberi oleh Lzs (MAIS), Halimatus telah menggunakan untuk menyewa tapak berniaga makanan di Kota Warisan, Sepang. Kemudian bantuan zakat RM2,000 lagi diberikan oleh Lzs (MAIS) bagi tujuan pengubahsuaian kedai. Dengan bantuan yang diberikan itulah, beliau bertungkus-lumus siang dan malam menguruskan perniagaan makanannya yang kini dikenali dengan nama Kak Long Café.”

“Alhamdulliah, Lzs (MAIS) meluluskan lagi RM2,000 untuk modal pusingan saya. Wang itu saya gunakan sebagai modal pusingan untuk membeli bahan mentah.”

Pemberdayaan dan kemandirian ekonomi:

“Berkat kesungguhannya tidak hairanlah Lzs (MAIS) telah menganugerahkan Tokoh Usahawan Berjaya sempena Konvensyen

Usahawan Asnaf Zakat 2006 lalu. Malah beliau acapkali menjadi rujukan kepada agensi awam lain seperti MARA untuk tampil memberikan motivasi kepada para usahawan khususnya ibu tunggal.”

“Namun apa yang lebih membanggakan diri Halimah ialah beliau kini bukan lagi penerima bantuan zakat, sebaliknya kini menjadi pembayar zakat pula.”

Berdasarkan **Kes 3**, asnaf terlibat adalah seorang yang telah menerima bantuan modal permulaan dan pusingan. Hasilnya beliau telah mencapai pemberdayaan ekonomi apabila menjadi usahawan yang dikelaskan sebagai berjaya oleh pihak LZS dan MARA. Seterusnya, beliau mencapai pemberdayaan dan kemandirian ekonomi apabila telah mampu menjadi pembayar zakat dan mendapat anugerah tokoh usahawan berjaya.

KESIMPULAN

LZS (MAIS) yang memiliki kekuatan dana yang tidak harus dipandang ringan terutama dalam usaha memajukan sekelompok masyarakat yang memerlukan dalam negara. Mekanisme zakat yang dimanfaat sepenuhnya dapat melengkap dan mempercepatkan usaha Kerajaan dalam pengagihan kekayaan dan penyusunan pendapatan dalam negara tanpa perlu bergantung kepada satu sumber terhad yang berasaskan mekanisme percukaian semata-mata. Dalam konteks sebuah negara Islam, mekanisme zakat boleh dijadikan mekanisme peringkat nasional yang seiring dengan mekanisme percukaian. Zakat sebenarnya boleh diagihkan dalam kaedah yang lebih produktif dalam usaha membangunkan keupayaan ekonomi modal insan dalam negara. Ia tidak semestinya diagihkan dalam bentuk pemberian atau sumbangan yang tidak bersifat mengembang serta membina potensi kemandirian ekonomi asnaf. Hasil kajian turut menunjukkan agihan zakat dalam bentuk modal perniagaan adalah sah dari segi hukum syariat.

Hasil kajian ini menunjukkan aktiviti perniagaan mampu memberdaya potensi ekonomi individu asnaf yang memenuhi kriteria sebagai usahawan, sekiranya diberi peluang dan bantuan mencukupi.

Program keusahawanan asnaf merupakan kaedah pengagihan yang bersifat proaktif dalam membantu asnaf meningkatkan keupayaan diri untuk berdikari dari segi ekonomi secara jangka panjang. Peluang untuk membabitkan diri dalam aktiviti perniagaan telah menjana pendapatan yang lebih baik bagi asnaf terlibat dan berpeluang membiayai keperluan di peringkat *dharuriat* (keperluan asasi) dan keselesaan (*hajiat*) dengan lebih baik. Malahan dalam jangka panjang asnaf tersebut dapat menikmati kemahuan di peringkat yang lebih tinggi iaitu *kamaliat* atau *tahsiniat* (kesempurnaan). Selanjutnya untuk menentukan jatuh bangun bisnes yang diusahakan dalam tempoh masa yang lebih panjang, akan memerlukan kepada inisiatif dan sikap daripada individu asnaf di samping pengendalian aspek teknikal (seperti pengurusan kewangan, pemasaran produk dan seumpamanya) dengan lebih baik. Oleh yang demikian, bagi menambah baik program, pihak Lzs (MAIS) disaran meningkatkan kerjasama yang lebih erat dengan pihak Kerajaan terutama dalam aspek promosi dan pemasaran.

Justeru, pihak berwajib zakat dan sistem zakat mampu memainkan peranan signifikan dalam usaha mempertingkatkan pembangunan modal insan negara. Kreativiti dalam pengagihan zakat dalam bentuk modal perniagaan dapat membantu asnaf miskin keluar daripada kemiskinan dan membentuk kelompok kelas menengah baru yang memiliki keupayaan ekonomi dan menikmati taraf hidup yang lebih baik. Di samping faedah di peringkat individu, pemberdayaan potensi ekonomi yang dicapai melalui program keusahawanan asnaf akan membolehkan negara memperolehi lebih banyak pendapatan sama ada melalui mekanisme percukaian dan/atau zakat dan dimanfaatkan kepada pelbagai usaha pembangunan fizikal dan modal insan negara.

RUJUKAN

- Abu Bakar Hamed. 2006. *Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan Kecil*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- AbulHasan M. Sadeq. 2002. Waqf, *Perpetual Charity And Poverty Alleviation*.
- Asnaf. Mei 2007.
- Baron, R.A. 2000. *Psychological Perspectives On Entrepreneurship: Cognitive And Social Factors In Entrepreneurs' Success*. American Psychological Society. Vol. 9(1): 15-18.
- Baumback, C.M. 1983. *Basic Small Business Management*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Chamhuri Siwar dan Mohd. Yusof Kasim. 1997. *Urban Development And Urban Poverty In Malaysia*. *International Journal of Social Economics*. Vol. 24(2): 1524-1535.
- Epstein, M.J. dan Roy, M.J. 2003. *Improving Sustainability Performance: Specifying, Implementing And Measuring Key Principles*. *Journal of General Management*. Vol. 29(1): 15-31.
- Faridah Shahadan. 1992. Masalah dan Penyelesaian Kemiskinan wanita di Bandar. Dlm. Rahmah Ismail, zaini Mahbar dan Madeline Berma (Pytg). Pasca Bidang Wanita dalam Pembangunan, hlmn. 220-231. Fakulti Ekonomi, UKM.
- International Journal of Social Economics*. Vol. 29 (1/2): 135-151.
- Laporan Bandar 2006. Majlis Daerah Kuala Langat.
- Laporan Tahunan 2006. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD).
- Liedholm, C. dan Mead, D.C. 1999. *Small Enterprises and Economic Development*. New York: Routledge.

McAdam, R. dan Leonard, D. 2003. *Corporate Social Responsibility In A Total Quality Management Context: Opportunities For Sustainable Growth. Corporate Governance.* Vol. 3(4): 36-45.

Moha Asri Hj. Abdullah, Juhary Ali dan Faoziah Idris. 2000. *Pengurusan Perniagaan Kecil.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd. Fauzi Hj. Yaacob. 1981. *Peniaga dan Perniagaan Melayu. Suatu Kajian di Kota Bharu Kelantan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Moir, L. 2001. What Do We Mean By Corporate Social Responsibility? *Corporate Governance.* Vol.1(2): 16-22.

Ozcan, G.B. 1995. *Small Firms and Local Economic Development.* Sydney: Ashgate Publishing Limited.

Staley, E. dan Morse, R. 1965. *Modern Small Industry for Developing Countries.* London: McGraw-Hill Book.

Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Hj. Muhammad Nasri Hj. Md. Hussain, Mohd Hizam Hanafiah. 2001. *Pengantar Perniagaan Islam.* Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd.

Yusuf Al-Qaradawi. 2000. *Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya.* Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Atas talian:

Patmawati bt. Hj. Ibrahim. Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah. (diakses pada 15/8/08)
http://www.zakat.com.my/kertas_kerja/KERTAS%KERJA%206%20-%DR.%PATMAWATI.pdf.

Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid. Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai Ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah. (akses 15/8/08)
http://www.zakat.com.my/kertas_kerja/KERTAS%20KERJA%20UCAPTAMA%20

http://jkm.selangor.gov.my/dasar_kebajikan.htm

<http://www.gslis.utexas.edu?~palmquis/courses/content.html>

SENARAI PENYUMBANG ARTIKEL

1. **PN. ROHAYU BT. ABDUL GHANI**
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
2. **EN. RAZALI B. OTHMAN**
Ketua Bahagian, Pentadbiran dan Kewangan
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
(MIROS)
3. **PROF. MADYA ABDUL GHAFAR B. ISMAIL**
Pensyarah Perbankan dan Ekonomi Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. **PN. NORAZIAH BT. CHE ARSHAD**
Pensyarah Perbankan dan Kewangan Islam
Universiti Utara Malaysia (UUM)
5. **PN. ROSBI BT. ABD RAHMAN**
Pelajar PhD, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
6. **PROF. MADYA SANEP B. AHMAD**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
7. **PROF. MADYA DATO' DR. HJ. HAILANI B. MUJI TAHIR**
Pensyarah, Jabatan Syariah
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
8. **EN. MOHD NAJIB B. SYUKRI SOGHIRI**
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. **TN. HJ. HASAN HAFIZI B. HANAPI**
Pengarah, Bahagian Mal
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya

- 10. TN. HJ. LUKMANUL HAKIM B. HJ. HANAFI**
Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Malaysia
- 11. PROF. KAMARULAZIZI B. IBRAHIM**
Penasihat Kluster Penyelidikan Haji, Pusat Penyelidikan
dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga
(CETREE)
Universiti Sains Malaysia (USM)
- 12. EN. MOHD SUKRI B. SHAFIE**
Sekretariat, Kluster Penyelidikan Haji, Pusat Penyelidikan
dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga
(CETREE)
Universiti Sains Malaysia (USM)
- 13. DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**
Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR),
Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya
- 14. DR. SURAIYA BT. ISHAK**
Pensyarah, Pusat Pengajian Sosial
Pembangunan dan Persekutaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
- 15. AHMAD RAFLIS B. CHE OMAR**
Pensyarah, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
- 16. AMAL HAYATI BT. ISHAK**
Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU),
Universiti Teknologi MARA

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

- a. Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal yang membina amatlah dialu-alukan.
- b. Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana penerbitan tempatan atau antarabangsa.
- c. Artikel hendaklah tidak melebihi 6,000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (langkau dua), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
- d. Artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan berserta perkataan-perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
- e. Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
- f. Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
- g. Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan penulis dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.
- h. Penulis artikel akan diberi bayaran saguhati yang sewajarnya.
- i. Sumbangan, pertanyaan dan langganan boleh dialamatkan kepada:

Ketua Editor

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 7400

Faks: 03-8883 7406

Email: jurnal@jawhar.gov.my

- Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 1, No. 1, 2007
- Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 1, No. 2, 2007
- Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 2, No. 1, 2008
- Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 2, No. 2, 2008
- Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 3, No. 1, 2009
- Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 3, No. 2, 2009

- c. kemudahan yang diambil hendaklah benar-benar atas dasar menyegerakan perlaksanaan perintah Allah S.W.T., bukan sekadar memenuhi keinginan untuk berkunjung dan berekreasi bersama keluarga ke tanah suci;
- 4. Kebimbangan tidak dapat membayar balik pinjaman tidak timbul kerana berdasarkan amalan institusi kewangan, pinjaman yang diluluskan telah merangkumi insurans/takaful ke atas pinjaman tersebut. Sekiranya berlaku kematian atau kecacatan kekal ke atas orang yang meminjam, maka pinjamannya akan dilunaskan oleh pihak insurans/takaful;
- 5. Sekiranya kemudahan ini tidak dibenarkan maka masalah ramai jemaah haji dari kalangan warga tua tidak dapat diatasi. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh para penyelidik Fakulti Perubatan Universiti Raja Abdul Aziz, ramai dalam kalangan jemaah warga tua berdepan dengan masalah kesihatan disebabkan hanya mampu menjejakkan kaki ke tanah suci selepas membuat simpanan bertahun-tahun lamanya;
- 6. Tidak timbul kekeliruan atau percanggahan di antara Akta Tabung Haji 1995 dan keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan serta Resolusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat haji, LTH. Jelasnya, Akta Tabung Haji 1995 menerangkan bahawasanya badan berkanun tersebut tidak boleh memberi pinjaman kepada mana-mana individu bagi pinjaman peribadi dan untuk menunaikan haji dan umrah dan bukannya menyatakan pinjaman untuk menunaikan ibadat haji itu haram. Ini adalah kerana peranan sebenar LTH ialah menggalakkan umat Islam menabung dan memberi dividen, selaras dengan tuntutan agama yang menggalakkan umatnya menabung untuk menunaikan haji. Bagi menyokong pendapat ini, LTH melalui satu Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Kebangsaan yang ditubuhkannya telah mengeluarkan hukum bahawa menunaikan Ibadat Haji melalui pinjaman institusi kewangan adalah harus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

www.jawhar.gov.my



**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7406